

Bil. 3

**Khamis
16 Mac 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M 18(1):**

- Perebakan Penyakit Kaki, Tangan dan Mulut (HFMD) Di Sarawak
Y.B. Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)

(Halaman 19 & 64)

USUL:

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Y.B. Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah)

(Halaman 20)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJJ., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) - MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO

7. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB

10. Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS

-
48. Yang Berhormat Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
 49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
 50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
 51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
 52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
 53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
 54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
 55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
 56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
 57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
 58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
 59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
 60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
 61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
 62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
 63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
 64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
 65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
 66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
 67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
 68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
 69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
 70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
 71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
 72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
 73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
 74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
 75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
 76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
 77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
 78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
 79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
 80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
 81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
 82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
 83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
 84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO

-
85. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO

-
121. Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - Keadilan
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**
Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 16 Mac 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, sama ada pembinaan jambatan menggantikan "lalu lintas tambak" di Johor Bahru akan membolehkan lalu lintas untuk kapal dagang dari Timur ke Barat.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab semua soalan lisan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pontian yang bertarikh 16 dan 29 Mac 2006; Ahli Yang Berhormat bagi Pulau 21, Mac dan 19 April; serta Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah pada 27 Mac, berkenaan dengan projek jambatan Malaysia-Singapura bagi menggantikan Tambak Johor sedia ada iaitu Projek Gerbang Selatan Bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek jambatan Malaysia-Singapura yang dicadangkan untuk menggantikan tambak Johor yang sedia ada dikenali sebagai Projek Gerbang Selatan Bersepadu yang terdiri daripada antara lainnya pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin dan juga Johor Bahru Sentral, jambatan jalan raya dan juga jambatan kereta api iaitu Swing Bridge dengan izinnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sebahagian kajian dasar laut ke atas pembinaan jambatan bagi Projek Gerbang Selatan Bersepadu ini telah dimulakan pada awal tahun 2003. Walau bagaimanapun, projek ini telah ditangguhkan pada 5 Februari 2004 untuk proses rundingan dengan pihak Singapura untuk membina jambatan lurus bagi menggantikan keseluruhan Tambak Johor.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selanjutnya kerajaan telah membuat keputusan mengadakan Syarikat Gerbang Perdana Sdn. Bhd., kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan Projek Gerbang Selatan Bersepadu ini mulakan kerja. Kerja pembinaan jambatan ini berdasarkan surat arahan yang dikeluarkan pada 18 Januari 2006. Sehubungan dengan itu kajian dasar laut telah disambung semula pada 21 hari bulan Januari 2006 untuk meneruskan pembinaan jambatan yang sebelum ini telah ditangguhkan. Manakala kerja-kerja fizikal pembinaan jambatan ini dijangka akan dimulakan sebaik sahaja reka bentuk jambatan dimuktamad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat reka bentuk terbaru masih dalam peringkat akhir, penyediaan dan mempunyai sedikit perubahan dengan mengambil kira kaedah pembinaan terkini dan kos pembinaan pada masa ini. Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 36 bulan dari tarikh kerja-kerja fizikal di tapak dimulakan dan jangka dapat disiapkan pada suku tahun kedua, tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan jambatan menggantikan lalu lintas Tambak Johor ini akan membolehkan lalu lintas kapal yang berkapasiti kurang daripada 4,000 tan untuk melaluinya. Penggunaannya mempunyai had seperti label luas, 75 meter, lintasan bawah jambatan, kedalaman air sebanyak 10 meter dan ketinggian

udara sebanyak 25 meter. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat selanjutnya had ini juga adalah sama dengan had laluan kapal di link kedua Gelang Patah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan jambatan ini akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri Johor khususnya dan negara amnya seperti berikut:

- (i) melegakan kesesakan lalu lintas di tambak Johor, kegunaan semasa ialah 120,000 kenderaan sehari serta sistem penyuraian lalu lintas yang lebih baik dan berkesan bagi bandar Johor Bandar-Melaka menuju ke Singapura;
- (ii) pintu masuk utama selatan yang moden dan canggih dengan imej baru ke tanah besar Asia;
- (iii) alam sekitar yang lebih baik dan mesra alam, kurang kesesakan bermakna kurang pembaziran bahan api, kenderaan seterusnya kurang pencemaran dan jimat. Aliran bebas air akan mewujudkan peningkatan kebersihan kualiti air secara semula jadi di Selat Johor;
- (iv) aktiviti pelayaran antara timur dan barat akan mewujudkan serta meningkatkan aktiviti perdagangan dan pelancongan di sepanjang laluan Selat Johor;
- (v) meningkatkan aktiviti pelancongan di semua sektor terutama di sepanjang persisiran laluan Selat Johor. Pelancongan bercirikan punca air, *water base activity* Tuan Yang di-Pertua, dapat dibangun dan digiatkan dan reka bentuk jambatan itu sendiri boleh menjadi daya tarikan pelancongan;
- (vi) nilai hartanah di persisiran Selat Tebrau akan meningkat;
- (vii) industri maritime dan industri berkaitan akan membangun dan bertambah maju;
- (viii) kesan berganda. *Multiplying effect*, dengan izin, ke atas menambahbaikkan peluang pekerjaan, pendapatan dan nilai kehidupan rakyat akan dirasai.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, mungkin jambatan kita ini akan menjadi *eight wonders of the world*. Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan. Yang Berhormat Menteri walau apa pun keadaannya jambatan ini kita tidak nafikan faedah yang bakal negara dan khususnya di negeri Johor kita terima. Kontrak untuk pembinaan kepada gerbang selatan telah pun ditanda tangan. Terdapat kelewatan Dato' Seri kata, terdapat sedikit kajian semula sama ada dari segi reka bentuk, sama ada dari segi pelaksanaan. Adakah ini melibatkan *cost implication* dengan izin kepada kerajaan oleh sebab kelewatan dan kita tahu siapa melakukan kelewatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu perkara-perkara yang lalu berulang dan kita hendak buat sesuatu projek yang sepatutnya siap dalam tempoh 36 bulan menjadi 63 bulan. Ini sepatutnya boleh kita elakkan jika Yang Berhormat Menteri, bolehkah dimaklumkan bahawa selepas daripada ini perjalanan projek kita akan berjalan lancar dan sebelumnya adakah ianya melibatkan apa-apa kos kepada kita sama ada dari segi reka bentuk ataupun dari segi - akhir sekali sedikit sahaja jambatan kita ini, jambatan indah ini, jambatan lurus ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum berbincang berkenaan dengan implikasi kos atas kelewatan projek ini. Walau bagaimanapun, ini akan menjadi satu punca perbincangan di antara kontraktor dengan kita, kita telah minta perbincangan itu boleh dilakukan sedikit masa lagi tetapi minta kontraktor meneruskan dengan kerja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun kita sudah selesai pembinaan satu bangunan yang moden CIQ di kawasan berhampiran itu tetapi tidak ada

sambungan kepada tambak Johor. Oleh kerana itu kerajaan sedang membelanjakan RM30 juta untuk menyambung sementara sahaja sampai kita selesai dengan jambatan ini.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau hendak diceritakan fasal jambatan ini, bukan jambatan ini yang menjadi "*eighth wonder of the world*", Tuan Yang di-Pertua. Yang menjadi *wonder of the world* ialah soal hubungan antara Malaysia dengan Singapura dari segi konsep berjirannya.

Saya hendak minta dan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa arahan untuk memulakan kerja ini yang dikeluarkan pada 18 Januari 2006 tidak akan ditarik balik walau apa pun berlaku. Ia merupakan arahan yang telah disampaikan dan yang telah keluar selepas kenyataan Perdana Menteri bahawa jambatan indah itu akan dibina dan tambah lagi kerana pihak Singapura telah pun mengugut di dalam Parlimen mereka, menterianya telah mengugut negara kita dalam Parlimennya bahawa kalau kita meneruskan pembinaan jambatan yang kita cadangkan ini yang dikeluarkan arahan ini akan adanya "*consequences*", dengan izin, yang buruk.

Boleh tidak Yang Berhormat Menteri memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa arahan itu akan dilakukan, pembinaan jambatan itu akan diteruskan dan kita akan tidak tunduk kepada permintaan-permintaan yang bukan-bukan daripada pihak kerajaan Singapura?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengarahkan kontraktor untuk meneruskan kerja-kerja seperti apa yang diarahkan. Saya dapati ada juga perbincangan di antara Kerajaan Malaysia dengan Singapura pada 4hb dan 5hb, di mana pegawai-pegawai kanan telah mengadakan mesyuarat di antara dua-dua kerajaan. Mereka juga telah mengadakan satu lagi mesyuarat 26hb dan 27hb Februari 2006, satu lagi pada 10hb dan 11hb Mac 2006 di mana mereka telah menerima beberapa perkara dalam prinsip. Prinsip mereka itu lebih kurang bersetuju tetapi saya tidak boleh mengatakan mereka sudah setuju. Mereka bersetuju mesti mengadakan satu jambatan di antara Singapura dan Malaysia.

Jambatan itu mereka percaya dengan izin '*full street twin arch bridge*' seperti apa dicadangkan oleh Kerajaan Malaysia pada masa dulu, tetapi saya tidak bergantung kepada perancangan ini. Arahan yang telah diberi kepada saya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya teruskan dengan kerja, sehingga saya dapat satu arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberhentikan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, bagi satu lagi, tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah ya. Soalan Yang Berhormat dari Kota Bharu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagilah satu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta sangat-sangat, dengan penuh hormat.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya sokong Tuan Yang di-Pertua kerana pasal ini menjawab lima soalan, jadi patut ada lima soalan tambahan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mintalah dengan jasa baik.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Sri Gading dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas timbang rasa yang amat dermawan dalam tahun ini.... [Ketawa]

Jawapan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sangat baiklah, dia telah sempurnakan tugas dia sebagai Menteri Kerja Raya berkaitan dengan jambatan ini. Soalan saya lebih tertumpu agaknya kepada kerajaan, soal orang Johor dan tentu orang Malaysia. Jambatan lurus, jambatan bengkok, bukan masalah, tapi yang jadi persoalan dan perbualan hangat di Johor ialah dengar-dengar khabar kerajaan kita hendak bertolak ansur jambatan dibina tapi ruang udara hendak diberi, pasir hendak diberi. Ini masalahnya. Kita tidak rela Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai orang Johor tidak rela ruang udara Malaysia-Johor Bahru itu diberi hanya kerana hendak mengikut kehendak Singapura.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila pergi kepada soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, ini pergi soalanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Lama sangat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi saya berharap kerajaan tidak bertolak ansur, biarlah dengan jambatan indah yang bengkok itu, tidak apa tapi kita tidak menggadaikan maruah dan martabat negara kita. Kalau kita beri ruang udara, seolah-olah negara kita dijajah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sini sudah faham tentang latar belakang itu. Sila kemukakan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itulah soalnya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik, sila jawab. Belum ada jawapan? Kalau ada boleh jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sudah keluar daripada sempadan saya. Sempadan saya sebagai Menteri Kerja Raya, saya boleh menjawab berkenaan dengan pembinaan sahaja. Apa-apa perbincangan di antara kerajaan Singapura dan kerajaan Malaysia diletak di dalam kuasa Menteri Luar. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab soalan nombor dua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyampaikan rasa lega dan senang hati, Kumpulan Guaman dan *Civil Society* dengan pelantikan Dato' Seri Nazri sebagai Menteri.

2. Dato' Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu] minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan bercadang mewujudkan Suruhanjaya Memperbaharui Undang-undang (*Law Reforms Commission*) bagi meninjau, meneliti dan menyemak semula sesuatu undang-undang itu dan kemudiannya memperbaharui undang-undang berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Terima kasih Kota Bharu. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Suruhanjaya Pembaharuan Undang-undang ataupun *Law Reforms Commission* bagi meninjau, meneliti dan menyemak semula sesuatu undang-undang itu. Walau bagaimanapun dalam sistem pentadbiran kerajaan telah wujud mekanisme untuk perkara tersebut. Bahagian semakan dan pembaharuan undang-undang Jabatan Peguam Negara adalah bertanggungjawab mengenainya.

Di samping itu semua kementerian dan agensi mempunyai Penasihat Undang-undang yang bertanggungjawab untuk mengkaji, meneliti dan menyemak semua undang-undang di bawah bidang kuasa mereka. Setiap kementerian dan agensi dikehendaki mengemukakan cadangan-cadangan pindaan undang-undang jika ada kepada Peguam Negara untuk semakan sebelum disyorkan kepada kerajaan.

Selain daripada itu, Ahli-ahli Yang Berhormat juga mempunyai peranan dalam perkara ini kerana sebagai penggubal undang-undang sudah tentu Ahli-ahli Yang Berhormat juga bertanggungjawab untuk melihat di mana sekiranya ada undang-undang yang dirasakan telah lama dan lapuk tidak boleh digunakan. Perkara ini boleh dibangkitkan oleh Yang Berhormat sendiri menerusi *Private Members Bill* untuk sama ada meminda

ataupun menghapuskan undang-undang yang dianggap sebagai lapuk. Kerajaan sentiasa terbuka dalam soal *Private Members Bill*.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gelugor berminat ya?

Tuan Yang di-Pertua: Kota Bharu, ya.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Soalan tambahan, kita sedar bahawa *AG's Chambers* ini ada *law revision* ataupun *Law Revision Committee* ataupun *department* ataupun bahagian tetapi dalam sejak 30 tahun ini, kita tahu bahawa *AG's Chambers* juga *overloaded* dengan kerja-kerja, pendakwaan, *drafting* dan sebagainya. Itulah sebabnya kita merasakan sebelum kerajaan membuat keputusan tidak ada cadangan, saya harap kerana tugas *Law Reform* ini agak berat, dan kerana saya percaya *Legal Department* setiap Kementerian juga tidak memadai, mencukupi, saya percaya *Law Reform* ini, saya harap dengan sikap keterbukaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu mengkaji perkara ini. Dan mengenai saranan Yang Berhormat Menteri bahawa kita juga mempunyai peranan, saya menyambut baik dalam hal ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan satu Suruhanjaya Pembaharuan Undang-undang, ianya bermakna bahawa kita terpaksa mengadakan satu struktur yang baru dan sudah tentu ia mempunyai satu implikasi kewangan bagi kerajaan. Kerajaan merasakan itu bahawa kalau apa juga kewangan tambahan yang diperlukan kalau sekiranya kita bersetuju dengan Suruhanjaya ini, adalah lebih baik untuk kita gunakan bagi menambah dan memperkukuhkan peranan yang sedia ada dalam *AG's Chambers* ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu *Law Revision Commission*, adakah kerajaan cadang untuk mengadakan satu *commission* dengan izin, *for the appointment of judges*? Oleh kerana itu lebih penting daripada *Law Revision Commission*. Apa yang ada kini adalah atas rekomendasi Perdana Menteri untuk pelantikan sesuatu hakim. Dan ini tentang dengan *the doctrine of separation of powers*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini kita tidak bercadang untuk mengadakan *commission* dalam hal ini. Pertamanya apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri itu adalah satu perkara yang ditentukan oleh Perlembagaan Malaysia, ia bukanlah satu kuasa yang diambil oleh Perdana Menteri tanpa ada justifikasi. Kuasa dia itu adalah kuasa di dalam Perlembagaan Malaysia yang mengatakan bahawa setelah *consulting chief Justice* maka Perdana Menteri bolehlah melantik.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, bagi kita dalam sama ada legislatif dan juga daripada pihak eksekutif untuk membuat satu keputusan yang ada kaitan berkenaan dengan *judiciary* itu menampakkan campur tangan soal *separation of powers*. Sekiranya apa-apa juga *reform* yang mahu dilakukan, kita hanya boleh mencadangkan dan ia terpolung kepada pihak *judiciary* untuk membuat keputusan bagi pihak mereka sendiri.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan selamat datang kepada kakak-kakak Pemimpin Wanita Selangor.

3. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah jenis tabung atau dana atau bantuan perubahan di bawah pengelolaan kementerian yang boleh dipohon oleh orang awam khususnya pesakit. Apakah kriteria bagi setiap permohonan dan setakat ini sejauh mana tabung atau dana tersebut dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat jelata termasuk TBP yang menimbulkan kontroversi baru-baru ini.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab secara bersekali pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam pada hari ini, bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu pada 15 Mac; Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, 20 Mac; Yang

Berhormat bagi Ampang, 29 Mac; Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, 30 Mac; Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, 4 April; Yang Berhormat bagi Tanjong, 4 April; Yang Berhormat bagi Kuala Krai, 6 April; Yang Berhormat bagi Parit sulong, 19 April; Yang Berhormat bagi Batu Kawan, 20 April; Yang Berhormat bagi Langkawi pada 25 April; dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah pada 3 Mei, kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut ada berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mengumumkan peruntukan RM100 juta bagi dana penyakit kronik dalam ucapan Bajet 2003. Walau bagaimanapun, dana ini telah dinamakan Tabung Bantuan Perubatan atau TBP dan ditubuhkan pada 12 Julai 2005 dan kerajaan telah memberi peruntukan awal sebanyak RM25 juta. Walaupun tabung ini telah ditubuhkan secara rasmi pada bulan Julai 2005, namun ia telah mula mengeluarkan bantuan sejak bulan Januari 2005. Dan untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil langkah untuk mempermudah urusan permohonan ini dan berbagai langkah yang telah diambil untuk mempermudah permohonan ini melalui TBP yang antaranya:

- (i) borang permohonan dan syarat-syarat TBP boleh diperolehi di hospital kerajaan dan di Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (ii) pemohon hanya perlu mengisi sekeping borang sahaja yang mengandungi maklumat peribadi;
- (iii) semua hospital kerajaan seluruh negara telah diberikan penjelasan mengenai kemudahan ini; dan
- (iv) semua permohonan yang lengkap akan diproses dalam masa 14 hari bekerja.

Di Dewan yang mulia ini saya juga ingin menerangkan tentang syarat-syarat, jenis bantuan, konsep bantuan dan sebagainya yang berkaitan dengan permohonan TBP dan syarat-syarat kelayakan memohon TBP adalah seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) pesakit miskin atau kurang mampu yang disokong oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan atau Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- (iii) pesakit yang dirujuk oleh hospital kerajaan.

Jenis-jenis bantuan yang dipertimbangkan pula ialah:

- (i) membiayai sepenuhnya atau sebahagian kos rawatan perubatan yang kemudahan tersebut tidak terdapat di hospital kerajaan;
- (ii) membiayai sepenuhnya atau sebahagian kos pembelian ubat-ubatan yang tidak dibekalkan oleh hospital kerajaan tetapi telah berdaftar dengan Farmaseutikal Kebangsaan; dan
- (iii) membayar sepenuhnya atau sebahagian kos pembelian peralatan perubatan serta peralatan untuk tujuan rehabilitasi dan meningkatkan kefungsiannya yang tidak dibekalkan oleh hospital kerajaan.

Konsep bantuan ialah bantuan hanya dipertimbangkan sebelum rawatan dibuat dan permohonan bagi rawatan yang telah dibuat tidak akan dipertimbangkan bagi rawatan yang diperolehi di negara sahaja.

Yang ketiga, rawatan mesti mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Majlis Perubatan Malaysia dan bantuan yang dipertimbangkan adalah bantuan rawatan perubatan sahaja. Bantuan seperti sara hidup, pengangkutan tidak dipertimbangkan dan pesakit dan keluarga pesakit perlu menyumbangkan sejumlah wang yang mereka mampu bagi membiayai kos rawatan. Pesakit yang tidak layak adalah

kakitangan kerajaan atau pesara kerajaan atau anggota keluarga kakitangan kerajaan yang mendapat faedah perubatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4, tahun 2001 Pelaksanaan Kemudahan Perubatan *under* JPA.

Jenis-jenis bantuan yang tidak dipertimbangkan adalah bantuan bagi tujuan-tujuan seperti di bawah tidak dipertimbangkan:

- pembayaran ujian-ujian makmal dan diagnostik;
- rawatan bagi masalah kemandulan atau *insincerity*;
- kaedah rawatan yang baru dan belum terbukti berkesan;
- rawatan bagi pembedahan plastik untuk tujuan meningkatkan atau mengembalikan kefungsiakan akan dipertimbangkan tetapi bantuan untuk pembedahan estetik tidak dipertimbangkan; dan
- rawatan berterusan di mana sebahagian daripada kos rawatan sedang dibiayai oleh badan-badan yang lain. Dan sekiranya rawatan yang berterusan diperlukan, maka bantuan akan dipertimbangkan untuk tempoh maksimum dua tahun sahaja dan setelah tempoh tersebut tamat permohonan boleh dikemukakan semula jika pesakit masih memerlukan rawatan dan pembayaran bagi yang telah diluluskan dibayar terus kepada pusat rawatan atau pembekal peralatan.

Pembatalan permohonan dilakukan jika maklumat yang diberikan didapati tidak benar, pesakit yang mendapat tajaan daripada pihak lain atau rawatan tidak diperlukan lagi dan jenis-jenis penyakit yang memerlukan rawatan yang berterusan yang boleh diberikan bantuan kami mempunyai senarai yang panjang dan kami tidak bercadang untuk baca satu persatu. Daripada *blood disorder* dengan izin, *bone and join disorder*, *ear and earing disorder*, *endocrine disorder*, *eye disorder*, *heart disease*, *immune disorder*, *long term care*, *following surgical intervention*, *neurological*, *orthopedic condition*, *renal disorder* dan sebagainya.

Semua permohonan yang memenuhi syarat akan dipertimbangkan oleh sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Teknikal Perubatan dan jawatankuasa ini terdiri daripada 10 orang pakar dan dipengerusikan oleh Pengarah Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan. Jawatankuasa ini juga memutuskan mengenai kos-kos rawatan, ubat-ubatan atau peralatan.

Sejak tabung ini ditubuhkan didapati ia telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka yang memerlukan. Sejak ia beroperasi pada bulan Januari 2005 sehingga 10 Mac 2006 sebanyak 739 permohonan telah diterima dan 478 permohonan telah diluluskan berjumlah RM7,438,251.69 dan permohonan yang telah ditolak adalah disebabkan dia tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Manakala 119 permohonan lagi sedang dalam proses. Memandangkan bil permohonan yang telah diluluskan dan jumlah yang dikeluarkan adalah dalam jangka masa yang pendek dan singkat tabung ini secara realitinya telah berfungsi dengan baik bagi membantu pesakit-pesakit yang kurang mampu untuk mendapatkan bantuan rawatan perubatan yang diperlukan.

Ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa bantuan-bantuan yang diberikan oleh tabung ini adalah khusus bagi rawatan perubatan termasuk ubat-ubatan dan peralatan yang tidak terdapat diperolehi di hospital-hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat juga pesakit atau ibu bapa yang bertindak memohon bantuan atau derma melalui media bagi mendapat bantuan kewangan atau menjalani rawatan di hospital swasta. TBP tidak memberikan bantuan untuk rawatan di hospital swasta jika rawatan tersebut boleh diperolehi di hospital kerajaan.

Sebelum ini terdapat sebuah lagi tabung iaitu Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan (TKKK) yang fungsinya adalah sama iaitu memberi bantuan yang sama tetapi hanya secara *one off* dan bukan untuk penyakit kronik dan rawatan yang berterusan. Ini

adalah berbeza dengan konsep di bawah TBP yang ditubuhkan. TKKK ini telah memberhentikan bantuannya dan baki wang yang ada dipindahkan kepada TBP.

Menyentuh tentang permintaan supaya didedahkan senarai nama penerima-penerima bantuan TBP ini saya mohon untuk tidak memberikan nama-nama mereka bagi melindungi *privacy* mereka. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa senarai penerima bantuan TBP mengikut kaum dan jantina daripada Januari 2005 hingga 10 Mac adalah seperti berikut: Melayu 205 yang diluluskan, Cina 123 yang diluluskan, India 102 yang diluluskan, bumiputera daripada Sabah dan Sarawak 36. Jumlahnya ialah 466.

Untuk makluman Dewan yang mulai ini, Kementerian Kesihatan telah menganjurkan dialog pada 14 Februari di ibu pejabat Kementerian Kesihatan dengan para wakil daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, Biro Pengaduan Awam Pemuda UMNO, Biro Pengaduan Awam MCA dan MIC serta wakil-wakil daripada pihak media mengenai cara-cara untuk mengurangkan kononnya birokrasi dalam pengurusan permohonan TBP. Kesemua mereka yang hadir telah berpuas hati dengan cara pengurusan TBP yang dipraktikkan oleh kementerian pada masa ini.

Oleh yang demikian boleh dirumuskan bahawa kontroversi yang timbul mengenai cara pengurusan TBP ini adalah kerana kekurangan publisiti yang diberikan kepada tabung oleh pihak kami dan juga kurang kefahaman pihak-pihak yang berkaitan mengenai cara pengurusan tabung ini. Sekian, terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang agak jelas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah begitu prihatin.....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau jelas tidak payah tanya lagi... [*Dewan riuh*]

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Soalan, saya hendak tanya soalan. Itu sebagai mukadimah, minta penerangan. Jangan bisung. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, oleh kerana masa menunggu itu adalah satu perkara faktor yang penting dan Yang Berhormat Menteri telah membuat pembaharuan masa menunggu di klinik. Bagi pesakit kronik, penantian itu mungkin satu penderitaan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi satu jangka masa yang lebih pendek untuk memproses permohonan TBP memandangkan ada rungutan orang awam dan nampaknya panel-panel itu merupakan pakar-pakar perubatan mungkin mereka terlalu sibuk. Adakah cadangan Yang Berhormat Menteri untuk berbuat demikian?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut tadi dalam jawapan janji kami ialah kalau borang itu lengkap ia akan diluluskan dalam 14 hari tetapi kalau dalam kes-kes tertentu yang mendesak dan merupakan kecemasan sebagai contoh orang yang seharusnya menjalani pembedahan jantung. Kalau kita berpuas hati bahawa mereka memang kurang mampu dan memerlukan rawatan tersebut mereka boleh terus menjalankan rawatan sementara menunggu kelulusan dan kami boleh memberi pelbagai contoh di mana melalui telefon kita telah memberi kelulusan daripada perakuan-perakuan pakar yang memberi rawatan. So, sebelum ia diluluskan ia boleh menjalankan ubat-ubatan atau rawatan yang diperlukan. Maknanya, pendek kata kita mengamalkan sikap yang fleksibel berdasarkan kepada klinikal justifikasi, dengan izin.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa di dalam garis panduan bantuan tabung ini bahawa ada kes yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagian.

Jadi saya ingin minta penjelasan, apakah kaedah yang diguna pakai untuk menentukan kuantum ataupun jumlah wang yang diberi kepada sesuatu kes yang telah diluluskan oleh tabung ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya jawatankuasa teknikal ini dianggotai oleh 10 orang pakar yang terdiri daripada pelbagai disiplin. Daripada perubatan, ortopedik, pakar telinga, mata dan sebagainya. Mereka yang dikatakan dia tahu dan faham selok-belok bagaimana rawatan diberikan dan kos dan

mereka akan menentukan bahawa sebahagian dan jumlah 'woofer' yang diperlukan. Mereka yang menentukan. Lepas itu mereka buat perakuan kepada Ketua Pengarah sebelum ia dirujuk kepada Ketua Setiausaha. Bermakna ia tidak sampai kepada Menteri Kesihatan. Ini supaya kita dapat mengurangkan masa kelulusan.

4. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah butir-butir lanjut tentang Pelan Strategik Kementerian sehingga tahun 2010 dan mengapa ia lewat dilaksanakan walaupun peranan kementerian sudah wujud sejak 1980-an lagi.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan Rafique]: Bismillahirrahmanirahim. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, sukacita di sini saya menyatakan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan pada mulanya telah ditubuhkan pada 5 Oktober 1978 iaitu selepas Pilihan Raya Umum tahun 1978. Pada waktu itu Yang Amat Berhormat Tun Hussein Onn Perdana Menteri Malaysia telah memegang portfolio sebagai Menteri Wilayah Persekutuan yang pertama.

Fungsi dan tanggungjawab kementerian ini pada waktu itu adalah terhad kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan telah dianugerahkan taraf bandar raya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974. Wilayah Persekutuan Labuan pula ditubuhkan pada 16 April 1984 tapi ia adalah ditadbir dan dijaga di bawah Kementerian Kewangan sehingga tahun 2004. Wilayah Persekutuan telah dibubarkan pada 20 Mei 1987. Pada 1 Februari 2001 Wilayah Persekutuan Putrajaya telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah jajaan Jabatan Perdana Menteri.

Ini bermakna telah terdapat tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Agensi yang bertanggungjawab ketika itu untuk menyelaraskan ketiga-tiga wilayah ini ialah Bahagian Kemajuan Wilayah Jabatan Perdana Menteri. Kemajuan dan kepesatan pembangunan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan ini telah menyebabkan kerajaan membuat keputusan untuk memperbaharui mandat Kementerian Wilayah Persekutuan pada 27 Mac 2004 yang mana fungsinya kini menjadi lebih luas dan mencabar.

Ketiga-tiga Wilayah Persekutuan mempunyai peranan yang tersendiri. Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia, Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan dan bandar raya terulung, Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa, tempat pelancongan, bebas cukai dan pusat pendidikan. Kerajaan telah mewujudkan Wilayah Persekutuan sebagai payung, pemacu dan enjin pembangunan era baru abad ke 21.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berikutan dengan penubuhan itu, kementerian telah menggunakan inovasi untuk menyediakan pelan strategik Kementerian Wilayah Persekutuan. Alhamdulillah, kini pelan strategik tersebut telah siap dalam tahun 2005 dan sedia untuk dilaksanakan. Sebelum ini perancangan-perancangan pembangunan Kuala Lumpur dilaksanakan menerusi pelan struktur Kuala Lumpur 84 dan pelan struktur Kuala Lumpur 2020.

Pelan strategik Kementerian Wilayah Persekutuan merupakan sebuah dokumen hala tuju kementerian dan amat penting untuk dijadikan garis panduan bagi kementerian mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini juga merupakan salah satu daripada usaha kementerian dalam mencipta, membentuk hala tuju, budaya kerja dan identitinya yang tersendiri. Hasrat kementerian selain daripada mewujudkan Wilayah Persekutuan yang bertaraf dunia dari segi pembangunan infrastruktur, maju dan harmoni tetapi juga merangkumi aspek-aspek teras strategik Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dokumen pelan strategik kementerian ini merangkumi visi, misi, nilai-nilai teras, moto, teras strategik, pelan pelaksanaan dan petunjuk prestasi utama. Pelan strategik ini menyediakan rangka untuk membuat keputusan, asas dan rangka kepada pelan pelaksanaan Kementerian Wilayah Persekutuan, asas kepada pembentukan

pelan operasi Kementerian Wilayah Persekutuan, asas untuk membuat perancangan secara terperinci dan pemangkin kepada perubahan dan asas bagi perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan di masa hadapan.

Pelan-pelan strategik yang telah dikenal pasti akan dilaksanakan dalam jangka masa 5 tahun. Di dalam pelaksanaan awal iaitu bagi tempoh 2 tahun yang pertama, kementerian ini akan memberi tumpuan kepada strategi-strategi yang lebih mudah dilaksanakan tetapi memberi impak yang lebih besar. Contoh-contohnya ialah dasar-dasar mengenai kawasan hijau, hiburan, papan iklan, pembangunan warisan, kampung-kampung baru dan tradisi, program gerak tumpuan, setinggan, penjaja dan pelancongan. Tumpuan juga akan diberikan kepada perkara yang memerlukan perhatian segera yang boleh meningkatkan kecekapan keseluruhan kementerian. Pada masa yang sama kementerian akan melaksanakan program melibatkan orang ramai, bekerjasama memajukan Wilayah Persekutuan untuk menjana idea dan mengenal pasti keperluan mereka.

Dalam tahap pelaksanaan seterusnya kementerian akan memfokuskan kepada strategi-strategi yang lebih kompleks. Contohnya ialah dasar-dasar pengurusan sisa-sisa pepejal, dasar-dasar pengurusan sungai, pengangkutan awam dan lalu lintas, dan perkara-perkara yang boleh mengukuhkan Wilayah Persekutuan untuk maju visi sebuah Wilayah Persekutuan yang maju dan sejahtera. Kementerian Wilayah Persekutuan akan mengkaji semula pelan strategik ini dari masa ke semasa untuk menambahbaikkan yang diperlukan bersesuaian dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam jangka masa tersebut.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, pelan strategik Kementerian Wilayah Persekutuan didapati DBKL, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya adalah agensi kerajaan tempatan yang diletakkan di bawah undang-undang yang berlainan, sedangkan Kementerian Wilayah Persekutuan adalah jentera atau kenderaan yang mengawal agensi-agensi tersebut yang menjadikan tidak bebas supaya ia sentiasa berada di dalam cengkaman kerajaan dan menjadikan rakyat tidak ada kebebasan untuk memilih kerajaan tempatan seperti mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan Kuala Lumpur.

Apakah jalan kementerian untuk warga Kuala Lumpur memilih Datuk Bandar supaya pentadbiran dan pembangunan adalah menurut kaca mata dan aspirasi rakyat sendiri? Saya difahamkan bahawa pilihan raya kerajaan tempatan ditangguhkan pada tahun 1965. Adakah Yang Berhormat Menteri berhasrat membolehkan pilihan raya kerajaan tempatan boleh mengadakan satu sistem demokrasi yang lebih sempurna? Terima kasih.

Dato' Zulhasnan Rafique: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Soalan untuk meneruskan satu pilihan raya kerajaan tempatan letaknya di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Daripada apa yang telah dituliskan dalam pelan strategik ini amat jelas di muka surat 62, di antaranya ialah antara fungsi-fungsi Menteri yang juga merangkumi banyak isu-isu di sini.

Saya bacakan di sini untuk fahaman Yang Berhormat, "Menguruskan kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, dasar-dasar tentang kerajaan tempatan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, rancangan Lembah Klang, perintah tahanan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Kanun Tatacara Jenayah, Pentadbiran Mahkamah Anak Negeri Wilayah Persekutuan Labuan, hal ehwal kepulauan, Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 yang merangkumi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dasar-dasar hal ehwal Bandaraya Kuala Lumpur, dasar mengenai kadar-kadar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dasar mengenai perumahan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Pembangunan Labuan 2001, melaksanakan fungsi-fungsi yang menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995.

Oleh sebab itu, amat jelas di sini kita nampak akta-akta yang telah ditubuhkan dan telah dirangka pada tahun 1969 amat jelas sekali yang kementerian ini berhak dan ada kemampuan untuk mentadbir dan meluaskan ketiga-tiga PBT yang tersebut itu. Dan, soalan Yang Berhormat tadi tentang pilihan raya kerajaan tempatan diserahkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri yang baru bagi Kementerian Wilayah Persekutuan. Soalan tambahan saya ialah mengenai proses membuat keputusan Kementerian Wilayah Persekutuan ini bersamaan dengan DBKL. Sebagai contoh baru-baru ini kita tahu satu cadangan *transfer station* akan dilakukan di Kampung Bohol yang bersempadan dengan kawasan Puchong, dan ini telah memberi banyak tentangan dan juga rungutan daripada rakyat atau penduduk di Puchong tetapi pada masa yang sama saya difahamkan bahawa cadangan ini akan diteruskan di satu kawasan di mana DBKL sebelum ini belum mendapat apa-apa kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan juga jabatan-jabatan tertentu. So, saya hendak tanya apakah kriteria ataupun proses membuat keputusan untuk pembangunan di Kuala Lumpur ini? Saya minta penjelasan daripada Menteri.

Dato' Zulhasnan Rafique: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Puchong. Proses untuk membuat keputusan di antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur amat jelas tadi. Saya pun sudah baca tentang soalan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tadi. Dan juga mengikut seksyen 13(1) Akta Ibu Kota, *Federal Capital* mengenai kuasa menteri mengeluarkan arahan.

Di dalam seksyen ini Menteri boleh memberi arahan kepada semua sekali pengetua-pengetua PBT termasuk Datuk Bandar Kuala Lumpur mengenai polisi yang perlu diikuti walaupun dapat bercanggah dengan akta demi untuk kepentingan bandar raya. Dengan itu, isu yang ditunjukkan tadi oleh Yang Berhormat tentang *transfer station* di Kampung Bohol. Pada masa ini isu itu sedang dibincangkan dan akan ada satu mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan jawatankuasa ini termasuklah Kementerian Sumber Asli, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada keputusan yang telah keluar dan keputusan yang terakhir akan dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

5. Dato' Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah jambatan dan jejantas yang mengalami kerosakan dan keretakan di seluruh negara dan berapakah kos bagi membaik pulih dan apakah tindakan pihak kementerian terhadap kontraktor-kontraktor serta konsultan yang terlibat.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kebenaran untuk menjawab semua soalan lisan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ledang bertarikh 14 Mac 2006; Ahli Yang Berhormat bagi Bera bertarikh 16 hari bulan; hari ini, Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah bertarikh 22 Mac 2006; Ahli Yang Berhormat bagi Libaran bertarikh 13 Mac 2006; Ahli Yang Berhormat bagi Ampang bertarikh 13 Mac 2006 juga; Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bertarikh 4 April 2006; Ahli Yang Berhormat bagi Sekijang bertarikh 10 April 2006; Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat bertarikh 10 April 2006; dan Ahli Yang Berhormat bagi Pendang bertarikh 24 April 2006, mengenai isu keretakan jejambat MRR2 dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, projek MRR2 ini telah pun dilaksanakan oleh kontraktor Bumihway, Konsortium Kontraktor Melayu Wilayah Persekutuan dan Sukmin menjadi satu gabungan. Mereka melaksanakan projek ini secara reka dan bina, dengan izin, *design and build* bagi kontrak secara reka dan bina. Kerja-kerja reka bentuk pembinaan, pengawasan kualiti dan pelantikan juru perunding adalah tanggungjawab kontraktor. Jabatan Kerja Raya hanya berperanan sebagai *auditor* dan *coordinator* sahaja. Sehubungan dengan itu kerja-kerja membaik pulih keretakan yang berlaku adalah tanggungjawab kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi mengelak daripada berulangnya kejadian keretakan seperti di MRR2 serta mengelakkan kontraktor-kontraktor mengabaikan faktor keselamatan, Kementerian Kerja Raya telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) memastikan kesemua projek pembinaan projek *design and build* mencapai tahap kualiti yang ditetapkan iaitu mematuhi proses kerja pengurusan reka dan bina dan proses kerja-kerja pembinaan dan penyeliaan tapak bina termasuk menyemak dan membuat penilaian teknikal cadangan reka bentuk awalan yang dikemukakan oleh kontraktor. Memastikan kontraktor mendapatkan kelulusan reka bentuk awalan sebelum diteruskan dengan reka bentuk terperinci, mengaudit reka bentuk terperinci, mengaudit verifikasi reka bentuk dengan melantik perunding bebas yang bertauliah dan berpengalaman untuk menyemak projek yang dibuat secara reka dan bina dan memastikan kontraktor mematuhi kehendak pelanggan yang telah ditetapkan;
- (ii) semua perkiraan reka bentuk dan lukisan pembinaan disahkan oleh jurutera-jurutera bertauliah dan diaudit sekali lagi oleh Jabatan Kerja Raya; dan
- (iii) mengadakan latihan untuk pegawai-pegawai JKR bagi meningkatkan kepakaran dalam reka bentuk dan pengawasan projek.

Dengan adanya prosedur-prosedur yang dinyatakan di atas, kementerian ini yakin kontraktor yang dilantik akan menjalankan kerja-kerja dengan lebih baik dan bertanggungjawab. Kontraktor yang didapati tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan akan diarah mengambil tindakan pembetulan dengan serta merata di peringkat awal lagi bagi menjamin kelancaran pembinaan projek.

Sehubungan dengan itu, perjanjian di antara kerajaan dan kontraktor telah meminta supaya semua kontraktor yang dilantik membuat pemeriksaan terperinci bagi setiap struktur jejambat yang dibina dalam tempoh masa yang tertentu, dan mengemukakan laporan pemeriksaan berkala kepada pihak berkuasa untuk tujuan pemantauan. Kementerian melalui Jabatan Kerja Raya akan sentiasa memantau prestasi kontraktor-kontraktor dan akan kemukakan laporan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Pusat Khidmat Kontraktor untuk tindakan selanjutnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kejadian kerosakan dan keretakan yang melibatkan kos pembaikan yang besar merupakan perkara yang jarang berlaku ke atas projek-projek Kementerian Kerja Raya. Daripada pemantauan yang dijalankan oleh kementerian, dari tahun 2000 hingga 2005 hanya jejambat utama MRR2 di Kepong dikesan mengalami keretakan yang berbahaya. Keretakan yang berlaku di jejambat-jejambat lain yang telah dipantau didapati tidak serius dan berada di bawah had terima, dengan izin, *tolerance limit* yang tidak melebihi 0.3 mm, dan tindakan serta-merta telah diambil untuk membaiki kerosakan tersebut. Dimaklumkan juga bahawa keretakan permukaan yang biasa berlaku pada sesuatu jejambat adalah *none-structural* dan punca keretakan tersebut kerap berlaku di peringkat pembinaan.

Lazimnya keretakan permulaan di permukaan tersebut didapati tidak berbahaya dari segi kekuatan struktur dan boleh diperbaiki dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan Halcrow telah mengenal pasti punca keretakan jejambat adalah disebabkan oleh kelemahan pada rangka bentuk dan di keliling *reinforcement structure*, dengan izin. Kelemahan utama dalam *detailed reinforcement* ialah dua lapisan tetulang telah disambung di atas tiang iaitu tempat lenturan - *bending movement* dengan izin, yang maksimum, besi-besi dalam tiang yang tidak disambung sehingga ke tetulang rasuk dan kekurangan besi *transfers reinforcement* dengan izin, di bahagian atas rasuk. Selain daripada itu, kesan '*delete acting guide formation*' juga menyebabkan keretakan menjadi lebih serius.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelantikan kontraktor secara *design and build*, rundingan terus adalah di bawah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah ini berupa *faulty design*?

Dato' Seri S. Samy Vellu: [*Diam seketika*]

Tuan Yang di-Pertua: Adakah ini berupa *faulty design*?

Dato' Seri S. Samy Vellu: *Design...?*

Tuan Yang di-Pertua: *Design yang faulty.*

Dato' Seri S. Samy Vellu: *Design* telah dijalankan oleh jurutera-jurutera.....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah ini berupa *faulty design*?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ada juga sedikit

Tuan Yang di-Pertua: *Design* yang cacat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab sekarang macam manakah pemasangan besi-besi yang tidak mengikut dengan apa yang ditetapkan oleh piawaian itu...

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Berhubung dengan pelantikan kontraktor secara *design and build*, dan secara rundingan terus yang adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Akhir sekali kerja-kerja pembaikan jejambat MRR2 telah dimulakan dan sekiranya kerja-kerja berjalan lancar ia dijangka siap pada akhir bulan Julai 2006. Jejambat ini akan dibuka semula kepada orang ramai pada pertengahan bulan Ogos 2006.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selepas keretakan berlaku di MMR2 dan juga di Ampang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan supaya penyelenggaraan berterusan dilakukan terhadap semua jambatan di seluruh negara. Jadi, persoalannya ialah adakah pihak kementerian telah pun memulakannya dan adakah penyelenggaraan yang akan dilakukan meliputi seluruh jambatan di seluruh negara termasuk jambatan-jambatan di luar bandar dan sebagainya; dan berapakah kos yang terlibat bagi penyelenggaraan seluruh jambatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Perlu *detail*.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya telah mengarahkan Kementerian Kerja Raya dan juga Jabatan Kerja Raya untuk mengadakan pemantauan ke atas semua jambatan yang sedia ada, khasnya jambatan jejantas yang tenat boleh dijalankan dahulu dan jambatan-jambatan yang lain mengikutinya. Kos - sekarang ini kita tidak menetapkannya oleh kerana kerja-kerja ini sedang dijalankan oleh pegawai-pegawai kita sendiri. Pakar-pakar yang sedia ada di Jabatan Kerja Raya meneruskan dengan kerja-kerja itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat memantau keadaan trafik sekarang kerana sangat teruk. JKR mestilah mengambil tanggungjawab untuk menolong iaitu membaiki masalah kesesakan sekarang yang teruk sekali.

Mengapa dengan tindakan sekarang iaitu ada beberapa prosedur untuk keselamatan, meningkatkan kualiti, menambahbaikkan dan sebagainya; saya nampak kontraktor Konsortium Sukmin, Bumihway KKM ini bukan sahaja dapat MMR2 yang salah reka atau *design fault* kemudian mendapat projek-projek yang lain pula. Ini bermakna kalau kita hendak dapat projek yang lain, kita buat salah dahulu kemudian kita dapat projek yang lebih banyak. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, tiap-tiap kali Yang Berhormat terangkan, yang pertama, untuk membaiki ini RM20 juta cukup, tetapi masalahnya sekarang ada yang mengumumkan RM40 juta? Kemudian Yang Berhormat, mengapa Yang Berhormat terpaksa mengambil masalah ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?... [*Disampuk*] Ini soalan, semua ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila cepat sikit, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dan kemudian Yang Berhormat pun menerangkan selepas satu bulan - 7 Februari mula dengan kerja pembaikan tetapi kerja membaiki pun sangat perlahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat menjawab soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dan satu bulan kemudian Yang Berhormat kata hendak mengambil isu ini kepada Perdana Menteri pula. Sudah berapa kali hendak ambil isu ini kepada Perdana Menteri

Tuan Yang di-Pertua: Okey, baik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dan sebagainya. Banyak lagi soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Akana tetapi Yang Berhormat, sila jawab... kalau hendak jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya hairan Yang Berhormat jadi doktor, jika satu kali *you* bagi *injection* kepada orang, satu orang sudah mati macam itu, kita batalkan dia punya pendaftarankah? Macam itukah? Tidak boleh! Kita mesti menimbang keadaan itu, mengapakah perkara ini berlaku.

Jadi, kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk menimbangkannya, bukannya dengan satu kerja ada kesalahan seperti itu - ada banyak kontraktor telah melakukan kesalahan dalam satu projek tetapi sembilan atau sepuluh projek lain mereka menjalankannya dengan baik dan lancar. Ini semua mesti diambil kira.

Satu soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan kesesakan lalu lintas di kawasan itu. Yang Berhormat, kami sudah jaga. Kami sudah memberitahu tutup jambatan sahaja, di bawah, kiri dan kanan ada empat lorong; empat lorong itu sedang digunakan. Malam - pukul 12 kita mulakan kerja pemasangan tiang dan lain-lain. Ini akan berlaku lebih kurang satu atau dua minggu, selepas itu kita mulakan dengan kerja sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, bukannya kita mulakan kerja ini dengan cangkul. Kita mesti memasang *framework*, dengan izin, *structural frame on steel have to be done* dan selepas itu daripada kilang kita akan membawanya untuk dipasang. Kerja sudah bermula tiga atau empat minggu dulu tetapi kita tidak boleh memasang *structural framework*, dengan izin dalam tempoh dua atau tiga minggu. Kita tidak boleh menjalankan kerja-kerja seperti itu di tapak kerana di situ penuh dengan kesesakan lalu lintas. Oleh sebab itulah lebih kurang dua minggu lebih sudah diambil untuk menyiapkan kerja-kerja *foward framework* untuk memberi *support system* kepada *crosshead* yang sedia ada.

Jadi saya minta Yang Berhormat tahu mengenai perkara-perkara ini, bukannya dengan mengata mengapa sudah satu minggu, dua minggu, tiga minggu tidak dilakukan. Marilah ikut saya, boleh pergi ke kilang itu dan tengok ada kerja dijalankan atau tidak. Baru sahaja dua hari yang lalu kita sudah mulakan pemasangan semua *structural support* dengan *girders*. Setelah lakukan itu barulah kita mulakan kerja-kerja yang lain. Terima kasih.

6. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah pembaharuan atau pembaikan di dalam proses penggubalan undang-undang di dalam Institusi Parlimen ini agar pandangan orang ramai diambil kira sebelum pembentangnya serta selepas perbahasan Ahli-ahli Dewan Rakyat ini bagi mengelakkan berulangnya episod Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2005.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, dalam proses penggubalan undang-undang, pandangan orang ramai tentang sesuatu undang-undang yang digubal boleh didapatkan pada dua peringkat. Peringkat pertama ialah semasa penggubalan dasar di kementerian sebelum sesuatu draf

rang undang-undang itu dimuktamadkan dan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri dan seterusnya dibentangkan di Parlimen.

Bagi Kerajaan Persekutuan keputusan dasar untuk menggubal sesuatu undang-undang dibuat oleh kementerian bagi pihak kerajaan. Pihak kementerian akan membuat kajian dan perbincangan dengan penasihat undang-undangnya, pakar perunding dan agensi lain yang berkenaan untuk menyediakan draf pertama sebelum dihantarkan kepada Bahagian Gubalan di Jabatan Peguam Negara untuk semakan.

Jika rang undang-undang yang dicadangkan itu menyentuh hak dan kepentingan orang ramai, pihak kementerian juga akan mendapatkan pandangan daripada orang ramai, pihak-pihak yang berkepentingan dan mana-mana agensi bukan kerajaan yang berkenaan. Sebagai contoh, dalam hal penggubalan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah membuat beberapa perundingan dengan orang yang berkepentingan dan agensi-agensi bukan kerajaan yang berkenaan semasa mereka memulakan penggubalan draf rang undang-undang itu selain mendapat kajian pakar perunding.

Apabila kedua-dua rang undang-undang itu telah disiapkan, kedua-dua rang undang-undang itu telah dimuatnaikkan ke dalam laman web kementerian supaya orang ramai, orang yang berkepentingan dan agensi bukan kerajaan dapat memberikan ulasan mereka. Kementerian juga mengadakan sesi perundingan awam untuk mendapatkan pandangan orang awam mengenai kedua-dua draf rang undang-undang itu. Draft rang undang-undang hanya dimuktamadkan selepas ulasan yang diterima dikaji dan dipertimbangkan. Draft yang telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri seterusnya akan dibentangkan di Dewan Rakyat, di Parlimen.

Peringkat yang kedua bagi mendapatkan pandangan orang ramai dalam proses penggubalan undang-undang ialah melalui penubuhan jawatankuasa pilihan di Parlimen. Sekiranya sesuatu rang undang-undang itu menyentuh hak dan kepentingan orang ramai, maka menurut Peraturan 54, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, rang undang-undang itu boleh diserahkan kepada suatu jawatankuasa pilihan sebelum bacaan kali kedua dibuat. Jawatankuasa pilihan dilantik melalui suatu usul oleh menteri yang bertanggungjawab bagi rang undang-undang yang berkenaan.

Jawatankuasa pilihan itu terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat. Jawatankuasa pilihan akan mengkaji rang undang-undang itu dan mencadangkan apa-apa penambahbaikan atau pindaan. Jawatankuasa pilihan juga mempunyai kuasa untuk mengundang orang ramai memberikan pandangan mereka mengenai rang undang-undang itu. Jawatankuasa pilihan akan membuat keputusan mengenai pandangan yang diterima dan kajian mereka; dan kemudiannya membentangkan semula rang undang-undang itu untuk dibahaskan untuk bacaan kali kedua bersama dengan laporan dari cadangan pindaan mereka.

Peranan yang dimainkan oleh jawatankuasa pilihan dan proses penggubalan undang-undang boleh dilihat dengan jelas dengan adanya jawatankuasa pilihan untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004. Jawatankuasa itu telah mengadakan beberapa siri perundingan dengan orang ramai termasuk pihak-pihak yang berkepentingan seperti polis dan agensi bukan kerajaan untuk mendapatkan maklum balas mereka terhadap kedua-dua rang undang-undang tersebut.

Mengenai Rang Undang-undang Keluarga Islam (Pindaan) 2005, rang undang-undang itu telah melalui beberapa proses sebelum penggubalannya. Rang undang-undang itu digubal dengan tujuan untuk menyeragamkan Undang-undang Keluarga Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan dengan undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri. Rang undang-undang tersebut berdasarkan rang undang-undang contoh *module law* yang telah digubal oleh pakar-pakar perundangan Islam dan sivil yang menganggotai Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil dan seterusnya telah dibincangkan secara meluas di negeri-negeri.

Undang-undang contoh itu kemudiannya telah diteliti oleh Jabatan Peguam Negara dan seterusnya dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan sebelum dibawa ke Majlis Raja-Raja Ke-188. Semasa Rang Undang-undang Keluarga Islam (Pindaan) 2005 dibentangkan di Parlimen sebanyak sembilan negeri iaitu Sarawak, Sabah, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Kelantan dan Pulau Pinang telah meluluskan undang-undang yang sama dan menguatkuasakan undang-undang keluarga Islam masing-masing yang serupa dengan Rang Undang-undang Keluarga Islam (Pindaan) 2005 itu.

Maklum balas yang diterima daripada negeri-negeri yang telah menguatkuasakan undang-undang itu menunjukkan bahawa tiada sebarang bentuk diskriminasi berlaku terhadap kaum wanita yang berbangkit daripada peruntukan undang-undang itu. Peguam-peguam syarie juga telah memerikan maklum balas yang positif dan pentadbiran Mahkamah Syariah mengenai undang-undang keluarga Islam telah menjadi cekap dan selaras.

Jemaah Menteri pada mesyuarat 11 Januari 2006 baru-baru ini telah bersetuju supaya Jabatan Peguam Negara mengkaji semula Rang Undang-undang Keluarga Islam (Pindaan) 2005 itu iaitu Akta A126(1). Bagi melaksanakan arahan itu, Peguam Negara telah mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil daripada badan-badan bukan kerajaan terutama NGO wanita termasuklah *Sisters in Islam*, pakar-pakar undang-undang keluarga Islam, kementerian dan jabatan kerajaan yang berkaitan iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, mufti-mufti tertentu, pensyarah-pensyarah universiti, Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Syarie dan Persatuan Ulama Malaysia Akta A. Ini semua telah pun dirujuk, dipanggil untuk mendapat perundingan. Akta 1261 itu dikaji dan didapati tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? Tidak ada?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak ada masa ya Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya. Saya ingin tahu Yang Berhormat Menteri, apakah kedudukan sekarang? Kita ahli-ahli dalam Dewan adalah sedia maklum kecuali dengan CPC dan rang undang-undang akhir. Rang undang-undang yang lain walaupun telah dipendamkan dalam Dewan dan ada kelemahan dibangkitkan oleh ahli-ahli dalam Dewan berkenaan kelemahannya seperti rang undang-undang kanak-kanak pada masa ketika itu, tiada perubahan walaupun telah dibangkitkan kelemahan. Dalam aspek selepas Ahli-ahli Dewan berbahasnya, apakah pembaharuan akan dilakukan untuk mengelakkan berulangnya. Tadi saya katakan rang undang-undang..., seperti yang berlaku dalam Dewan Rakyat ini dan juga Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebelum rang undang-undang ini dibawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk dibentang, dibahas, ianya telah melalui proses yang begitu mendalam sekali. Jadi apabila di peringkat Parlimen sudah tentulah ianya apabila dibahas, maka adalah pandangan yang berbeza daripada rundingan yang telah kita lakukan sebelum ini. Jadi cara yang terbaik ialah kalau satu orang membangkitkan satu isu, itu cuma pandangan dia seorang sahaja tetapi sebelum itu telah pun kita runding dengan orang ramai.

Jadi apakah kita di sini hendak mengambil kira pandangan seorang Ahli Parlimen, satu orang, dua orang walhal kita telah pun berunding perkara ini dengan begitu mendalam sebelum ini. Oleh yang demikian, segala pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini, kita akan ambil kira kalau kita mendapati bahawa itu adalah satu perkara yang boleh dikatakan sebagai relevan, maka kita akan melakukan pindaannya selepas ini kerana dia telah pun melalui proses yang begitu mendalam sekali. Oleh sebab itu, tidak salah iaitu kalau sekiranya kita terus menerima undang-undang ini di *gazette* walaupun ada satu, dua Ahli Parlimen tidak berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja. Satu urusan supaya.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Second question.*

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat Bukit Gelugor. Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26(1)(p).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini adalah mengenai *privilege* seseorang ahli dalam Dewan yang mulia ini termasuk Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kelmarin apabila menjawab soalan ketiga saya, Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri telah memberi satu jawapan yang berlainan dengan apa yang diberi kepada saya secara bertulis. Dalam Dewan ini dia menyatakan Peguam Negara tidak bercadang untuk mengadakan apa-apa tindakan ke atas Hakim Mahkamah Sesyen di Shah Alam, yang ada memukul seorang *interpreter* tetapi dalam jawapan kepada soalan yang sama, ini ada dalam jawapan itu. Beliau menyatakan bahawa perkara ini ada dalam tangan Peguam Negara, dalam tangan polis. Siasatan polis belum diselesaikan dan apabila diselesaikan, barulah apa tindakan yang harus diambil atas hakim Mahkamah Sesyen itu dibawa kepada Dewan ini.

Apa yang terjadi adalah satu memesongkan Dewan ini oleh Datuk M. Kayveas kerana apa yang ada menyatakan di sini tentang dengan apa yang ada dalam jawapan bertulis yang ada diberi kepada saya. Ini jadi perkara yang serius. Apa yang saya difahamkan Timbalan Menteri ini ada *fumble* dalam masa lampau apabila membentangkan bil yang tidak ada kaitan dengan apa yang ada dalam urusan mesyuarat. Ini bermakna dalam Dewan ini kami ada satu pelakon boleh dikatakan seperti mana Peter Sailors jadi 'Inspektor Klosu'... *[Ketawa]* Oleh itu, bolehkah saya dapat satu keputusan daripada yang arif Tuan Yang di-Pertua atas perkara yang amat serius apa yang dilakukan oleh Timbalan Menteri ini harus membawa dia letak jawatan sebagai Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri dan juga sebagai Presiden PPP. Terima kasih.... *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat, oleh kerana perkara ini adalah satu perkara yang agak serius yang berkehendakkan satu jawapan, jadi saya beri peluang kepada Yang Berhormat sendiri, kebetulan ada untuk memberi sedikit penerangan jika ada.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila soalan diterima, jawapan yang pertama kita dapat daripada Mahkamah Persekutuan kerana soalan itu terlibat seorang hakim Mahkamah Sesyen. Selepas itu apabila saya sampai ke Parlimen pagi semalam, kita sekali lagi menghubungi Jabatan Peguam Negara. Jawapan yang saya beri dalam Dewan itu adalah *latest*.

Jawapan yang diberi daripada Pendaftar Mahkamah Persekutuan adalah satu jawapan yang diberi dahulu sebelum masa menerima soalan tetapi untuk memberi jawapan yang benar, patut dan *latest*, kita pagi semalam menghubungi Peguam Negara dan faks itu hanya datang daripada pejabat Peguam Negara pagi semasa saya sudah duduk dalam Dewan. Pukul 10, selepas pukul 10 baru saya sampai. Oleh sebab itu saya bagi jawapan

yang *latest* kepada Yang Berhormat. Lain-lain perkataan yang dia kata itu saya sangka dia tidak siumanlah. *He lost his mental outside*, sudah rosak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi itulah Yang Berhormat telah pun memberi jawapan.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberi tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kenapa dia tidak *clarify* perkara ini sebelum saya membawa usul saya dalam Dewan yang mulia ini? Jika ada apa-apa kelainan, adalah kewajipan dia untuk memberi satu *clarification* dalam Dewan ini. Dia tidak buat itu pada pagi ini. Perkara ini serius.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Yang Berhormat, beliau telah pun diberi peluang untuk menjawab dan Ahli Yang Berhormat itu telah pun menjawab dan beliau telah mengatakan bahawa jawapan beliau yang terakhir adalah jawapan yang betul sekali. Jadi saya terimalah jawapan yang terakhir itu, ya adalah jawapan yang betul.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ada satu usul Tuan Yang di-Pertua dari Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dan saya menyokong, bolehkah satu keputusan dibuat oleh ahli-ahli di Dewan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak perlulah, ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Beliau sudah pun mengatakan jawapan yang terakhir itu adalah jawapan yang betul.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi semua jawapan sebelum itu adalah jawapan yang tepat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri awal pagi. Jawapan bertulis diletak di atas meja Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor pada petang, selepas 2.30, selepas pada masa makan.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Which is the latest?* Yang ini *latest*. Yang diberi, diletak atas meja Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ialah pada masa makan tengah hari dan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri masa pagi.

Seorang Ahli: Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi telah wujud percanggahan. Ini amat serius.

Datuk M. Kayveas: Okeylah, banyak serius. Duduk Yang Berhormat. Banyak serius, amat banyak serius, kita faham. Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu diberi oleh Mahkamah Persekutuan daripada pendaftar apabila jawapan soalan dikemukakan kepada Jabatan Pendaftar Persekutuan. Ini berlaku beberapa bulan dahulu apabila soalan diterima tetapi apabila saya baca soalan itu, siasatan belum selesai. Maka, kita menunggu polis menghabiskan siasatan, kita cuba bagi semalam. Apabila kita ada di sini kita cuba hubungi Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan maklumat yang *latest*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk M. Kayveas: Kita berusaha untuk memberi maklumat yang *latest*. Edaran yang sampai ke meja sebelah petang mungkin ini sudah *distributed* awal lagi. Yang saya terima jawapan itu melalui faks. Saya boleh bagi satu lagi *copy*, baru punya *copy*, petang hari ini mungkin untuk *satisfy* orang semua tidak faham.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, sudah jelas dah Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk M. Kayveas: Kita bagi jawapan yang *latest* iaitu siasatan daripada Jabatan Peguam Negara. Sekarang kita dapati, beritahu bahawa siasatan sudah selesai dan kes itu tutup.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk M. Kayveas: Ikut Seksyen 95 Kanun Keseksaan. Itu sahaja. Apa hendak jadikan isu? Mereka hendak publisiti hari ini, tidak ada apa-apa. Tidak ada isu lain. Cari publisiti macam ini? *Cheap publicity* dia orang mahu... [*Dewan gamat seketika*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Yang Berhormat, di mana adanya percanggahan di antara dua perkara. Jadi jawapan kalau mengikut masa. Selalunya jawapan yang terakhir itu diterima. Jadi saya menerima jawapan terakhir daripada Yang Berhormat Menteri. Setiausaha sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini bermakna Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mengakui ada kesalahan dia?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Menyampuk*]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pohon maaf, pohon maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PEREBAKAN PENYAKIT KAKI, TANGAN DAN MULUT (HFMD)
DI SARAWAK**

11.17 pagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, usul saya adalah seperti berikut:

Bahawa Dewan ini meluluskan permintaan Ahli Parlimen bagi Bandar Kuching, Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membincangkan suatu perkara tertentu yang berkaitan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, yang berkenaan dengan perebakan penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) di Sarawak. Sehingga 13 Mac 2006, terdapat 4,278 kes jangkitan HFMD yang disyaki di mana 7 orang kanak-kanak telah mati.

Perangkaan ini hanya menggambarkan kes-kes yang telah dilaporkan. Namun terdapat beberapa ribu kes yang tidak dilaporkan di Sarawak. Pada minggu lalu, kerajaan negeri telah menutup kesemua tadika dan taska dan seterusnya beberapa buah sekolah rendah turut ditutup. Arahan penutupan masih berkuat kuasa tarikh notis ini dikeluarkan. Walau bagaimanapun, terdapat 158 kes lagi yang disyaki terjangkit HFMD yang dilaporkan dalam tempoh 24 jam sebelum tanggal 13 Mac 2006.

Kini sekolah-sekolah masih bercuti dan kesemuanya akan dibuka semula pada minggu depan. Semua ibu bapa berasa bimbang akan situasi tersebut dan juga keberkesanan langkah-langkah untuk menghalang perebakan penyakit tersebut. Jikalau penyakit masih merebak walaupun dalam keadaan sekolah ditutup, apa yang akan berlaku jika sekolah dibuka semula pada minggu depan? Atas pertimbangan terhadap keadaan di atas, saya mendesak Dewan Rakyat memberi perhatian serius terhadap permohonan ini supaya Kementerian Kesihatan mengambil langkah-langkah yang cepat dalam memerangi penyakit HFMD dan seterusnya mengarah kerjasama rakyat untuk turut mengekang perebakan penyakit tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat kawasan Bandar Kuching pada 14 Mac 2006. Teks usul itu adalah seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat tadi. Bagi membolehkan perkara ini dibentangkan, ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, maka ini saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu adalah perkara tertentu;
- (ii) bahawa ia adalah satu kepentingan bagi orang ramai; dan
- (iii) berkehendak disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3b), usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang.

Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan lepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Kesebelas.” **[15 Mac 2006]**

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(10)(c). “Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan 1948”.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang semalam, sahabat kita daripada Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah berkali-kali menyahut perkataan, pertamanya ialah, pasukan pentadbir kerajaan akan menjadi *Malay Civil Service*, tidak lagi *Malaysian Civil Service*. Seolah-olah mengatakan bahawa kerajaan hanya melantik orang-orang Melayu untuk menjadi pegawai pentadbir kerajaan. Kita dapat lihat dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, di depan dan di belakang saya ini, bukan semuanya bangsa Melayu, bukan semuanya satu kaum. Kita ada orang Cina, kita ada orang India dan orang Melayu. Begitu juga dalam pasukan-pasukan polis, pasukan tentera dan lain-lain jabatan.

Ada juga ketua-ketua ataupun KSU-KSU yang bukan terdiri daripada orang Melayu. Itu satu benda yang boleh menghasut orang-orang bukan Melayu marah kepada

orang Melayu kerana hanya orang Melayu sahaja dilantik untuk menjadi pegawai tadbir. Ini adalah satu perkara yang berbahaya kalau terus berlaku. Seterusnya yang kedua, biasa juga Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menyatakan bahawa *vice chancellor-vice chancellor university* ini terdiri daripada orang-orang Melayu. Apakah orang-orang Melayu sahaja yang boleh memegang jawatan ini? Tuan Yang di-Pertua, bangsa Melayu telah berkorban banyak untuk negara!... *[Tepuk]* Kami telah berkorban begitu banyak sekali untuk hidup majmuk di dalam negara yang merdeka ini tetapi saya minta kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, jangan selalu membangkit-bangkitkan isu ini. Kita ada parti komponen Barisan Nasional, kita menghormati.

Akan tetapi apabila Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berulang kali membangkitkan perkataan-perkataan yang menghasut supaya benda-benda ini berlaku, maka saya berharap, saya berharap dan meminta kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor supaya di masa-masa akan datang jangan cuba untuk melaga-lagakan rakyat di dalam negara kita ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga membangkitkan Perkara 121. Itu adalah undang-undang Islam...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini ucapan. Saya percaya ini bukan meminda Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Undang-undang syariah. Itu adalah undang-undang Allah. Tidak boleh dipertikaikan di atas muka bumi Allah ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu boleh dibenarkan, bila-bila saya boleh masuk. Saya boleh ucap. Saya harap satu *ruling* dibuat ini tidak disalahgunakan. Ini bukan *point of order*. Ini ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Saya minta Yang Berhormat bagi Ipoh Timor hantar surat ucapan, tarik balik dan mohon maaf kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tunggu, duduk sekejap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau dia boleh buat begitu kepada Dewan yang mulia ini, pintu, ataupun kita pun, kita akan buka pintu, sesiapa pun boleh masuk. Sesiapa berdiri, cakap pun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk sekejap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Salah guna Peraturan Mesyuarat. Ini bukanlah UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, habiskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Apa salah guna? Bila saya buat silap, Yang Berhormat bangkit, hentam saya. Sekarang bila Yang Berhormat buat silap, saya tidak boleh tegurkah Yang Berhormat, menggunakan Peraturan Mesyuarat? Yang Berhormat ini, orang yang menghasut, dan selalu mengganggu keamanan negara kita ini!

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Patut diletak di bawah ISA, orang macam ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta kedua-dua Yang Berhormat,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Bukan ucapan, saya hendak mengulaskan ucapan Yang Berhormat kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta kedua-dua Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Saya minta *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya minta dia mohon maaf kepada rakyat Malaysia, kepada bangsa Melayu, dan juga kepada Parlimen yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat, duduk dulu. Yang Berhormat duduk dulu. Mungkin kata-kata yang telah disebutkan adalah merupakan satu yang omong-omong ataupun satu perkara yang sensitif tetapi saya tidak fikir bahawa perkataan-perkataan itu termasuk dalam istilah yang boleh dimasukkan perkara yang dilarang dalam Akta Hasutan, ya? Jadi oleh itu, dalam pada itu, saya minta juga Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat mengelakkan ayat-ayat ataupun perkara-perkara yang sensitif dalam ucapan mereka, ya? Kalau begitu menarik *sensitiveness* seseorang yang lain, kalau boleh ya? Jadi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sila teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya akan teruskan. Tetapi sebelum itu, saya mahu bantah dengan sekeras-kerasnya, salah guna Peraturan Mesyuarat yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Salah Peraturan Mesyuarat oleh kerana saya tidak bagi jalan. Orang yang tidak guna saya bagi jalan! Tiada *standard! Substandard.. [Dewan riuh] Substandard* ini, tidak bagi jalan!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *What standard do you have?*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan! Jangan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Akan tetapi, orang yang salah Peraturan Mesyuarat, bagaimana kita boleh membenarkan dia berbuat begitu? Atas Peraturan Mesyuarat, atas Peraturan Mesyuarat, sesiapa boleh berdiri. Tarik perhatian mengenai mana langgar Peraturan Mesyuarat. Kalau saya ada buat apa perkataan-perkataan yang ada melanggar 36(9)(c) mengenai membangkitkan perasaan benci. Sebutkan, mana itu dan habis! Pulang kepada Tuan Yang di-Pertua buat keputusan, bukan buat satu ucapan!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, ini kalau boleh buat begitu, saya kata boleh buka pintu. Kita boleh berdiri bila-bila. Siapa cakap dan kata, apa mereka kata tidak salah. Salah Peraturan Mesyuarat dan buat ucapan setengah jam, bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini orang yang tiada otak!! *[Dewan riuh menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana boleh buat begitu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cakaplah apa yang hendak dicakapkan lagi. Yang mengatakan saya tiada otak, awat *you* ada otakkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa otak? Otak itu ada guna!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *You* betul, betul orang tua yang tidak tahu perasaan orang!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini kali yang pertama satu Peraturan Mesyuarat yang begitu disalahgunakan!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Awak cuba melaga-lagakan bangsa Melayu dalam negara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini malu!! Apa *standard?*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Awak cuba melaga-lagakan rakyat Malaysia! Ini memang kerja awak, awak tahukah ?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Orang yang menjadi *speaker* dalam Dalam Dewan Undangan Negeri Kedah, apa? Malu itu!!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa? Saya tahu undang-undang siapa-siapa pun!!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sila duduk sekejap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Buatlah, boleh *report!*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jerai, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pergi buat, boleh *report*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ah, malulah!!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat tidak menghormati dan menghasut dalam Dewan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak tahu, cakap apa itu? Itu yang pertama, yang kedua..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya mohon maaf kepada Tuan Yang di-Pertua, sebab itu dia tidak mempunyai perasaan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tengok itu, mana ada beri saya mesyuarat. Dia rasa dia raja! Maharaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya juga ada perasaan sebagai bangsa Melayu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk, dan saya rasa Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun tidak begitu keras sekali untuk memberi komen mengenai minta penjelasan *point of order* dan sebagainya. Saya faham, tetapi kalau beliau terlanjur sedikit, berjalan dan memberi ucapan sedikit, dan selepas itu saya berhentikan beliau, tak payahlah lagi diungkit-ungkitkan, teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, sesiapa berdiri atas Peraturan Mesyuarat untuk bangkit Peraturan Mesyuarat... [*Dewan riu*] Akan tetapi bukan untuk salah guna Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey kedua, saya menafi sekeras-kerasnya bahawa saya ada buat ucapan yang disifatkan oleh beliau, mana? Ya, ini kita tahulah, jangan menjadi satu taman binatang.... [*Dewan riu*] Jangan kita bagi menjadi..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, itu kepala taman binatang!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau mahu buat begitu, itu hak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu kepala dia! Itu kepala dia!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan di sini kata bahawa..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timor ini keterlaluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Di sini saya ingin menyatakan bahawa saya tak pernah kata apa-apa yang ada disebutkan....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sudah Yang Berhormat, saya tidak mahu duduk dan mengapi-apikan. Yang Berhormat memang mencari penyakit!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Oleh Yang Berhormat bagi Jerai dan sebab itu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ipoh Timor adalah kepala segala binatang!! Jangan tunjuk samseng dalam Dewan, Tuan Yang di-Pertua. Jangan biarkan Ipoh Timor ini samseng dalam Dewan Rakyat yang mulia ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sendiri samseng, dia kata orang lain yang samseng! Boleh saya teruskan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa Yang Berhormat, sila teruskan. Ipoh Timor teruskan. Teruskan, teruskan Yang Berhormat... [*Dewan riu*] Teruskan, tidak payah, tidak payah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepala geleng, warga binatang, apa hendak lagi?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Why* itu orang mesti didengar? *That is why we have point the order.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Jerai mengatakan bahawa tadi dia baru cakapkan bahawa Ipoh Timor ini berotak binatang. Adakah ini perkataan yang berparlimen di sini, bolehkah dia dipakai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini ular sawa kepala empat ini orang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dan ini adalah tidak sama dengan mengatakan tidak menunjukan kepada siapa tetapi ini *specifically*, tuju kepada seorang ahli di dalam Dewan ini dan beberapa kali Yang Berhormat bagi Jerai telah mengatakan bahawa Ipoh Timor menghasut. Adakah ini satu kenyataan adakah ini boleh diterima?

Tuan Yang di-Pertua: Ini minta penjelasan pun lama juga ucapan dia. Baik, duduk.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Suruh dia keluarlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Dalam suasana ini, masing-masing telah bertegang dan masing-masing telah mengeluarkan ucapan-ucapan dan kata-kata yang sepatutnya tidak dikeluarkan. Jadi saya harap perkataan-perkataan seperti yang telah dikeluarkan tadi tidak akan dikeluarkan lagi. Kedua-dua pihak telah dikeluarkan jadi oleh itu saya minta Ipoh Timor terus dengan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih... tetapi saya perlu buat dua penjelasan, yang pertama, saya tidak mahu berkait apa-apa perkara dengan Yang Berhormat bagi Jerai tetapi saya perlu buat dua penjelasan. Yang pertama bahawa saya tidak kata bahawa tidak ada satu *Malay Civil Service* tetapi apa yang penting ialah kita jangan benarkan satu keadaan di mana apa yang kita perlu ialah harus adakan satu *Malaysian Civil Service* dan *increasingly* dianggap sebagai *Malay Civil Service*, itu dan adalah Ahli-ahli Parlimen, adalah anggota pentadbiran daripada UMNO yang mengakui itulah apa yang trend yang berlaku yang tidak sihat.

Kalau kita boleh banding, kita boleh banding dengan *ratio percentage*, ini satu Malaysia yang berbilang bangsa dan kita mahu perkhidmatan awam pun berbilang-bilang bangsa. Ini salah, mungkinlah ada orang yang kata ini salah mereka menganggap bahawa semua Ahli Parlimen macam MCA, GERAKAN tidak boleh cakap, cakap salah. Ini DAP, bukan MCA bukan GERAKAN, kita cakap apa yang benar. Kita tidak ikut oleh sebab arahan UMNO, yang pertama.

Yang kedua, mengenai *vice chancellor* universiti-universiti semalam saya tidak sebut. Saya tidak sebut mengenai komposisi kaum barisan tertentu tetapi saya pernah sebut bukan semalam, semalam saya tidak sebut. Dia mimpi. Saya kata betul....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya kata bukan semalam, saya kata terdahulu Yang Berhormat biasa sebut. Jangan tukar pusinglah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dulu saya tidak nafi dulu saya ada cakap. 17, 18 buah universiti semua satu kaum kenapa? Tidak adakah rakyat Malaysia, orang Tongghoa, orang India dan kaum-kaum lain yang layak untuk menjadi *vice chancellor* universiti supaya kita boleh mencapai kecemerlangan, boleh *excellent* dalam universiti adakah ini salah? Mungkin sampai 2006 ada orang yang anggap fikiran inilah salah. Inilah masalah yang kita menghadapi, kita lebih *intolerant*, kita lebih ada satu sikap politik di mana semua mahu di UMNO kan. MCA, GERAKAN fikiran tidak boleh ucap, mahu DAP pun begitu, saya kata kita tolak fikiran semacam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Semalam apabila mesyuarat Dewan yang mulia ini kita tangguhkan saya ada sebut mengenai kursus Kenegaraan Biro Tata Negara. Saya ada cakap bahawa Biro Tata Negara mengaburi pemeriksaan dan penting di antara kerajaan dan negara, menyamakan kesetiaan kepada kerajaan sebagai kesetiaan kepada negara. Adakah kerajaan bersedia untuk melancarkan satu siasatan bebas terhadap tuduhan-tuduhan terhadap intokinasi, propaganda dan kursus-kursus perkauman di Biro Tata Negara yang merupakan satu tamparan besar kepada proses pembinaan negara Malaysia.

Memandangkan Malaysia akan menyambut ulang tahun pembinaan negara ke-50 pada bulan Ogos tahun depan, satu Suruhanjaya Diraja bebas untuk menilai dan mengakses pembinaan negara, mengkaji pembinaan negara dalam setengah abad yang telah berlalu serta mencadangkan dasar-dasar pembinaan negara yang berpandangan jauh serta berwawasan untuk setengah abad yang akan datang perlu ditubuhkan.

Dan mengenai perpaduan negara. Baru-baru ini, *Public Complaints Bureau*, Biro Pengaduan Awam adalah satu *public opinion poll*, satu sistem baru untuk dapat maklum balas mengenai *polling*, *i-poll*, *i-poll* di *website* di mana semua rakyat Malaysia adalah dijemput untuk memberi pandangan.

Poll yang pertama ialah mengenai subsidi tetapi *point* yang sahabat saya timbul ialah kenapa dalam *poll* ini pun perlu mereka yang ada menyahut, ada respons menunjukkan atau memberikan kaum mereka, kaum apa? Bumiputera, Sabah, kaum China, India, lain-lain Melayu, bumiputera Sarawak, bumiputera Sabah. Kenapa kita kata perpaduan negara 50 tahun untuk tempoh perkhidmatannya? Orang Melayu ada, orang India ada, orang bumiputera Sabah ada, Melayu Sarawak atau Sabah, adakah kita lebih *united*? Bukankah ini fikiran pun dalam jabatan kerajaan pun perlu diubah?

Tuan Yang di-Pertua, kelima kebebasan media dan kebebasan maklumat. Kebelakangan ini satu suasana yang halus, aneh dan menyedihkan tersebar luas di kalangan media.

Ini berlaku atas beberapa faktor yang tertentu termasuk China Press dikenakan hukuman secara pilihan berikutan laporannya terhadap skandal ketuk ketampi yang mendakwa mangsa tersebut seorang wanita yang berwarganegara China. Beberapa surat khabar lain seperti *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia* turut melakukan kesalahan yang sama namun mereka tidak pernah diambil tindakan. Mengapa berlakunya piawai yang berbeza. Ini diikuti dengan angin ribut yang melanda media tempatan secara tiba-tiba ekoran 12 buah kartun nabi Nabi Muhammad, lukisan orang Denmark yang mengesalkan, tidak sensitif dan menyakitkan hati umat-umat Islam, telah mencetuskan keganasan yang tidak waras dan juga kehilangan nyawa dan beberapa tempat di dunia.

Dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia adalah tidak menyangkal bahawa mereka harus sensitif terhadap agama dan komuniti yang berbeza dalam negara kita. Namun begitu adakah sesuai diambil tindakan hukuman terhadap *Sarawak Tribune* dan *Guang Ming Daily*, ini haruslah dibincangkan secara rasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Beluran bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Habis bab ini dan selepas itulah. Sekali lagi persoalan piawai yang berbeza timbul apabila RTM yang juga menyiarkan kartun-kartun lukisan Danish tidak pernah dihukum bahkan tidak pernah meminta maaf atas perkara ini. Jikalau RTM tidak meminta maaf atas siaran televisyen terhadap kartun-kartun lukisan orang Denmark, Danish mengapa meminta maaf yang ditawarkan oleh *Sarawak Tribune* dan *Guang Ming Daily* tidak mencukupi. Tercetus lagi kontroversi apabila *New Straits Times* menyiarkan kartun *non-squirter*, lukisan Wiley Miller disebut mencemuhkan Nabi Muhammad s.a.w. dan mengundang berbagai-bagai reaksi pihak awam yang negatif khususnya di kalangan orang Islam.

Saya pernah berkata bahawa tindakan hukuman tidak harus diambil terhadap *News Straits Times* seperti juga saya tidak setuju dengan tindakan yang diambil oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri terhadap *Sarawak Tribune* dan *Guang Ming Daily*.

Bagi mereka yang tidak bersetuju bahawa *New Straits Times* harus diambil tindakan terhadap kartun Non-Sequitur yang disiarkan oleh akhbar tersebut. Golongan ini memang bersetuju bahawa lukisan Wiley tersebut tidak tergolong dalam kartun-kartun lukisan Danish. Hakikatnya banyak rakyat Malaysia tidak melihat kartun ini bertujuan untuk mencemuhkan Nabi Muhammad.

Baru-baru ini media telah diberi amaran supaya tidak menyiarkan kemarahan dan bantahan rakyat jelata terhadap kenaikan harga minyak. Walaupun kita harus memperluaskan ruang kebebasan media namun kita terpaksa meluncur ke dalam satu cerun penapisan akhbar yang lebih dingin dan licin...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran mahu mencelah?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Ketua Pembangkang, saya cuma ingin balik sedikit ucapan Ketua Pembangkang terhadap pertikaian beliau, mengapa perlu penyertaan bangsa dan kaum dalam *civil service*. Ini membayangkan bahawa dia tidak mahu responden itu dibayangkan antara kaum di mana-mana termasuklah Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, tetapi pada masa yang sama Ketua Pembangkang mempertikaikan, melihat *vice chancellor* itu melalui kaum. Kenapa tidak ada *consistency* dalam perkara ini? Mengapa harus kita mempertikaikan adanya penyertaan kaum dalam *service*, tetapi pada masa yang sama Ketua Pembangkang melihat pelantikan-pelantikan kerajaan melalui perspektif kaum. Kenapa tidak konsisten dalam perkara ini? Saya ingin penjelasan dari Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih, jawapan sangat senang. Kita mahu the best untuk pelantikan-pelantikan *vice chancellor-vice chancellor*, dekan-dekan semua, *deputy vice chancellor the best* tak kira apa kaum. Kenapa adakah, adakah kita mahu difahami bahawa antara the best untuk 20, 30, 40 tahun tiada orang rakyat Malaysia berketurunan China, India yang boleh memegang jawatan *Vice Chancellor on the best*. Kalau semua-semua satu kaum sahaja tentulah ini dengan sendiri menunjuk kita tidak memilih the best, tidak ada meritokrasi..

Seorang Ahli: Soalnya!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Dan mengenai *opinion pool*, mengenai *opinion pool*, kita mahu daripada *opinion pool* daripada rakyat sebagai oleh sebab rakyat Malaysia. Kenapa kita mahu mengasingkan, memisahkan sama ada orang Tionghoa, orang India, orang Melayu sama ada Sarawak dan Sabah selain daripada kita ada tujuan supaya kita boleh dapat pandangan mengenai daerah yang berbeza-beza itu hal yang lain. Saya harap bahawa penjelasan ini boleh diterima oleh Yang Berhormat dari Tuaran. Saya teruskan....

Timbalan Yang di-Pertua: Beluran, Beluran, bukan Tuaran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Beluran, Beluran, Beluran okey. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya mengakui bahawa terdapat keterbukaan yang lebih untuk media di Malaysia bagi 29 bulan yang lepas tetapi, apa yang membimbangkan ialah sebelum wujudnya satu perubahan secara sistematik atau secara *institutional* untuk memberi jalan

terhadap kebebasan media yang berkekalan dan mapan, beberapa tingkat kebebasan media yang telah dibuka kini mulai ditutup.

Saya diberitahu bahawa berbanding dengan era Tun Dr. Mahathir Mohamed, sesetengah media cetak khususnya akhbar bahasa China mendapat panggilan telefon yang lebih kerap daripada Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri untuk campur tangan dalam urusan bebas editorial harian. Barisan media di Malaysia sekarang diselubungi dengan awan-awan kebimbangan khususnya apabila Menteri Penerangan yang baru Datuk Zainuddin Maidin, beberapa hari sebelum dilantik ke jawatan ini secara mengejutkan, mengkritik media cetak di negara ini dengan mengatakan bahawa mereka gagal untuk memahami makna sebenarnya kebebasan media dan menuduh mereka ini sebagai cuba mengikut media barat dalam mencapai kebebasan media.

Beliau dengan tidak segan silu mempertahankan Akta Percetakan Akhbar dan Penerbitan 1984 dan Akta Hasutan untuk mengelakkan penyalahgunaan kebebasan media. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu janji peribadi tujuh tahun yang lalu untuk mengkaji petisyen oleh 1000 orang wartawan-wartawan Malaysia supaya diberi kebebasan media yang lebih bermula dengan pemansuhan Akta Percetakan Akhbar dan Penerbitan.

Pada hari kebebasan Media *World Press Freedom Day* pada 3 hari bulan Mei 1999, beliau memberitahu 15 orang pemberita yang mewakili wartawan-wartawan rakyat Malaysia yang mengira petisyen itu dalam satu delegasi bahawa beliau akan membaca dan memberitahu mereka nanti mengenai petisyen mereka.

Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk datang ke Parlimen untuk mengumumkan keputusan kajian tujuh tahunnya terhadap kebebasan media. Beliau harus meng"komit"kan kerajaannya terhadap kebebasan media yang lebih di Malaysia bukan untuk mencapai kebebasan media yang *absolute...*, atau *unlimited* kerana oleh tiada kebebasan begitu tetapi untuk mewujudkan media yang bebas, *independent* dan bertanggungjawab yang mana tanpa ini semua Malaysia tidak akan dapat mencapai matlamatnya sebuah negara yang disegani tiada korupsi, makmur dan progresif dan bermula dan patut bermula dengan pemansuhan *Printing Presses and Publication Act*.

Yang keenam, infrastruktur Dunia Pertama mentaliti Dunia Ketiga. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membuat diagnosis dengan tepat Malaysia ialah infrastruktur Dunia Pertama, mentaliti Dunia Ketiga apabila beliau masih merupakan Pemangku Perdana Menteri pada Mac 2003.

Pada minggu lepas apabila bercakap dalam perhimpunan bulanan untuk kakitangan-kakitangan Jabatan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat mengingatkan kakitangan-kakitangan kerajaan berkenaan dengan satu surat pekeliling yang dikeluarkan terhadap pembaziran bahawa seseorang itu tidak harus membuka lampu-lampu di seluruh tingkat hanya untuk menggunakan satu bilik.

Soal yang timbul serta-merta di minda saya ialah kenapa Yang Amat Berhormat perlu menunggu 29 bulan selepas menjadi Perdana Menteri untuk membuat peringatan yang sebegini. Pada masa yang sama, jikalau Yang Amat Berhormat telah mengeluarkan peringatan itu sejak daripada beliau mula menyandang jawatan Perdana Menteri, maka ini membuktikan bahawa arahan terhadap pembaziran, kemalasan dan korupsi langsung tidak menghasilkan sebarang kesan selepas 29 bulan.

Ini merupakan bukti kukuh bahawa selepas tiga tahun beliau pertama sekali meng"diagnos"kan Malaysia Malaya di *Oxbridge Society* mengenai penyakit infrastruktur Dunia Pertama, mentaliti Dunia Ketiga masih berkekalan atau telah menjadi lebih teruk dan sukar untuk diubah. Terdapat banyak contoh-contoh senarai panjang mengenai Malaysia Malaya infrastruktur Dunia Pertama dan mentaliti Dunia Ketiga.

Secara *off hand* saya dapat boleh sebut contoh-contoh di bawah:

- (i) banjir paras pinggang di Shah Alam iaitu ibu negeri Selangor iaitu negeri maju yang pertama di Malaysia mengikut Menteri Besar negeri itu yang mana banjir ini telah memangsakan

- ribuan keluarga dan menyebabkan kemusnahan puluhan juta ringgit harta benda;
- (ii) air paip yang berbau, yang tidak boleh diterima dan tidak boleh diminum yang dibekalkan kepada ratusan ribu isi keluarga di Lembah Klang selepas banjir 26 hari bulan Februari apabila air yang sepatutnya dibekalkan ialah air minum berkualiti yang jernih tidak berwarna dan tidak dan tidak berbau;
 - (iii) NST *Head Line*. “PM blilion bring lose” mengenai kekurangan penyenggaraan bangunan-bangunan kerajaan dan infrastruktur awam ditambah dengan vandalisme dan yang menyebabkan berbilion-bilion ringgit dibazirkan;
 - (iv) keputusan Mahkamah Persekutuan pada 17 hari bulan Februari bahawa Majlis MPAJ, Ampang Jaya yang telah dilindungi dengan Akta Jalan, Perparitan dan Pembangunan serta tidak perlu dipertanggungjawab terhadap layanan yang menyebabkan keruntuhan dan tragedi *Highlands Tower* yang mengorbankan 43 orang pada 11 Disember 1993 dan menyebabkan lebih daripada 1,000 penduduk ketiga-ketiga blok itu kehilangan tempat tinggal;
 - (v) lebih kurang 2.66 peratus pelajar-pelajar di sekolah menengah dan 4.87 peratus murid di sekolah-sekolah rendah tidak boleh membaca mengikut satu kajian yang dijalankan oleh Kesatuan Sekerja Profesion Pengajaran Kebangsaan atau *National Union of Teaching Profession* atau NUTP, yang mendapati bahawa 1,964 daripada 73,898 pelajar di sekolah-sekolah menengah dan 3,690 daripada 75,699 orang murid di sekolah-sekolah rendah yang dikaji tidak boleh membaca.
 - (vi) lebih daripada setahun selepas tarikh akhir kerajaan pada tahun 2005 untuk semua universiti awam untuk menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar program-program yang berasas Matematik dan Sains. Tahap bahasa Inggeris setengah pensyarah di UM, UKM dan UPM begitu lemah sehingga dianggap sebagai langsung tidak boleh dituturkan sehingga mahasiswa-mahasiswi perlu meminta mereka ini untuk mengajar dalam Bahasa Kebangsaan;
 - (vii) Majlis Bandar Raya, Johor Bahru perlu dimalukan oleh seorang penampal lubang jalan yang bersemangat iaitu Panjang yang berusia 64 tahun untuk menampal lubang-lubang jalan di sekitar bandar tetapi sampai bilakah beliau boleh berbuat demikian. Ini berlaku lagi terus dibuat demikian; dan
 - (viii) lawatan 10 hari ke Mauritius, Afrika Selatan oleh 24 orang Ahli-ahli Majlis Perbandaran Selayang dan ketua-ketua jabatannya yang memakan belanja RM240 ribu di bawah skim lawat dahulu bayar kemudian yang dianjurkan oleh MPS, walaupun MPS menghadapi bajet defisit dan tidak berupaya untuk membayar kontraktor-kontraktor terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan.

Satu lagi contoh infrastruktur di dunia pertama dan mentaliti dunia ketiga adalah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri terpaksa campur tangan dan mengarahkan supaya semua lebuh raya dan jejambat bertingkat diperiksa, bila timbulnya laporan mengenai keretakan yang dikesan di lebuh raya bertingkat, Ampang-Kuala Lumpur serta memastikan bahawa MRR2 bernilai RM238 juta di Kepong akhirnya diperbaiki setelah tergendala lebih dari satu tahun berikutan dengan perselisihan *intra-ministerial* di dalam kementerian. Saya sebenarnya ada banyak soalan mengenai skandal MRR2 ini.

Pertama sekali, mengapakah boleh timbul kelambatan 14 bulan, dalam kerja-kerja membaiki keretakan di atas jejambat MRR2? Pada 9 Ogos 2004, jejambat di Kepong telah ditutup setelah didapati retak. Pada 12 Ogos 2004, Kabinet melantik perunding British Kumpulan Halcrow untuk menyiasat punca retakan tersebut dan menggariskan rancangan membaiki MRR2. Pada 29 September 2004, Halcrow mengemukakan keputusan siasatannya menunjukkan masalah yang dijumpai adalah kelemahan rekaan serta *anchored into crossbeam* atas *column concrete* yang tidak betul.

Laporan Halcrow merupakan laporan yang sepatutnya memandukan atau *decider* proses keputusan pihak berkuasa kerana para perunding terdahulu yang diupahkan oleh kontraktor serta Jabatan Kerja Raya (JKR) setelah retakan dikesan, telah mengemukakan pendapat yang berbeza mengenai tahap keselamatan jejambat berkenaan. Dalam bulan Disember, perunding British berkenaan mengemukakan draf kerja-kerja membaiki kepada JKR tetapi langsung tidak ada sebarang tindakan yang diambil untuk memulakan kerja membaiki MRR2.

Sepanjang 14 bulan seterusnya, dari Disember 2004 ke Februari 2006 kita menyaksikan satu *third war* perselisihan yang hebat di antara Jabatan Kerja Raya dan Menteri Kerja Raya yang akhirnya perlulah campur tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, dalam satu mesyuarat Jumaat khas pada 3 Februari 2006 yang turut dihadiri antara lain Menteri Kewangan yang Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Ketua Setiausaha Tan Sri Samsudin Othman.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya seakan-akan sudah menang *battle in the third war* itu dengan JKR dalam mesyuarat 3 Februari tetapi dia tidak menang *the war*. *He won the battle, he lost the war*. Sungguhpun beliau mengumumkan selepas mesyuarat berkenaan bahawa kerja-kerja membaiki MRR2 akan dikawal selia oleh perunding Halcrow dari British dan kononnya kos yang terlibat adalah RM18 juta, tetapi akhirnya JKR yang memang dalam perang berkenaan kerana dalam Mesyuarat Kabinet yang diadakan dua minggu kemudian, menang *war* itu oleh kerana cadangan JKR supaya kontrak membaiki MRR2 diberikan kepada syarikat perunding German, Leonard Andra & Partners atau LAP pada kos RM40 juta, telah diluluskan.

Keduanya, senarai panjang kenyataan-kenyataan yang saling bertentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sendiri dalam skandal jejambat MRR2 sepanjang tempoh dekat dua tahun yang lepas.

Apabila retakan pertama kali dikesan dan diketahui masyarakat umum pada Ogos 2004, media mengumumkan untuk memulakan prosiding fitnah atau *defamation* terhadap sesiapa yang mengatakan bahawa kelemahan ini daripada *design*. Pada akhir September 2004 apabila beliau mengumumkan hasil siasatan Halcrow antaranya sebab yang dikesan termasuk kelemahan rekaan. Dan dalam bulan Februari tahun ini Yang Berhormat Menteri kemukakan pula versi ketiga, mengenai punca retakan MRR2 termasuk cuaca di Malaysia.

Selain daripada itu, wujud juga kontradiksi yang ketara di antara pengumuman Yang Berhormat Menteri pada 26 Januari tahun ini bahawa jejambat MRR2 di Kepong adalah selamat untuk digunakan oleh kenderaan berdasarkan laporan Halcrow yang diumumkan pada pagi itu, pagi hari yang sama yang mengesahkan bahawa jejambat berkenaan selamat untuk digunakan oleh jumlah kenderaan terhad.

Yang Berhormat Menteri pada masa itu adalah menjawab sasaran cadangan Presiden Prowaris Feriz Omar supaya laporan teknikal Halcrow mengenai jejambat MRR2 diumumkan sepenuhnya, khasnya bahagian berkenaan dengan kesan keretakan atau *cracks* yang disebabkan oleh *Delayed Ettringite Formation* atau DEF. Seminggu selepas itu bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri mengumumkan bahawa MRR2 akan ditutup untuk kerja-kerja pembaikan.

Ketiga, skandal retakan jejambat Kepong MRR2 yang bernilai RM238 juta yang dipaksa ditutup dua tahun setelah ia siap dibina yang mana sepatutnya mematuhi standard antarabangsa dan boleh tahan selama 100 tahun serta '*third war*' di antara Yang Berhormat Menteri dan JKR atau satu atas isu siasatan mengenai retakan jejambat dan siapakah yang harus melakukan kerja-kerja pembaikan. Semuanya merupakan contoh yang sangat menyedihkan yang menunjukkan mengenai masalah yang nampaknya kita ada satu

kerajaan yang simbolik yang boleh perkara semacam ini '*third war*' antara Menteri dan JKR, jabatan penting boleh berlaku sehingga 14 bulan kerja MRR2 untuk membaiki MRR2 tidak dibuat.

Keempat, timbulnya tuduhan yang serius mengenai keengganan dan sikap *in subordination* melanggar arahan yang ditunjukkan oleh JKR terhadap keputusan Kabinet pada Ogos 2004 yang melantik Halcrow. Keputusan yang muktamad melantik Halcrow sebagai perunding *decider* mengenai sebab-sebab retakan MRR2 serta cara kerja-kerja membaikinya harus dijalankan iaitu bahawa JKR telah campur tangan dalam tugas siasatan bebas dan profesional Halcrow dengan memanipulasikan *terms of reference* atau TOR Halcrow dan sengaja mengabaikan banyak bidang yang penting antaranya:-

- (i) Halcrow tidak perlu memasang alat-alat untuk menyelia tahap retakan;
- (ii) Halcrow tidak perlu memberi apa-apa nasihat mengenai kerja-kerja membaiki jambatan;
- (iii) Halcrow tidak perlu memberi apa-apa nasihat mengenai sama ada jambatan berkenaan selamat dibuka untuk diguna oleh kenderaan awam;
- (iv) Halcrow tidak perlu memberi apa-apa nasihat mengenai kesan retakan dan JKR tidak berminat dengan nasihat supaya dibina struktur sokongan sementara atau mengehendkan buat sementara jumlah berat yang diizinkan ke atas jejambat berkenaan; dan
- (v) bolehkan *Public Account Committee* mengemukakan satu laporan khas kepada Parlimen mengenai skandal MRR2 ini, khususnya atas isu tergendala selama 14 bulan dalam kerja-kerja membaiki bagaimana ini memburukkan lagi DEF dan retakan di jejambat MRR2 yang menyebabkan kos membaiki meningkat serta kos yang berlipat kali ganda dari anggaran awal sebanyak RM18 juta, yang akhirnya menjadi lebih kurang RM50 juta untuk kerja-kerja membaiki kerana bil RM40 juta untuk perunding German tidak mengambil kira bil untuk Halcrow.

PAC telah bermesyuarat dan melawat ke MRR2 beberapa kali dan adalah penting supaya satu laporan menyeluruh dikemukakan kepada Parlimen dengan segera dan bukannya Pengerusi PAC dalam surat khabar, nampaknya menyokong mana-mana pihak dalam isu *third war* di antara Menteri Kerja Raya dan JKR.

Satu soalan yang akhir ialah sekarang Bumihway kontraktor untuk MRR2 diwajibkan untuk memikul tanggungjawab kewangan untuk memperbaiki MRR2, tetapi oleh kerana tidak ada wang RM40 juta dimajukan *advance* oleh kerajaan tetapi apa *guarantee* bahawa kerajaan boleh kutip RM40 juta daripada Bumihway? Atau akankah akhirnya rakyat perlu bayar? Akhirnya rakyat yang perlu bayar mengenai memperbaiki keretakan MRR2 dan di bawah *rule break infrastructure* dunia pertama dan mentaliti dunia ketiga, kita boleh membincangkan kisah panjang sedih penubuhan suruhanjaya bebas salah laku dan aduan polis atau IPCMC, iaitu cadangan yang terpenting Suruhanjaya Diraja Polis untuk membentuk satu perkhidmatan polis yang bersih, cekap, profesional dan peka terhadap hak asasi manusia.

Pada awal bulan ini saya telah menguji Yang Berbahagia Ketua Polis Negara ke atas ucapan beliau semasa merasmikan satu kursus tiga hari untuk OCPD-OCPD di Kolej Polis Diraja Malaysia di Cheras sebagai tanda yang paling positif dalam sepuluh bulan yang lepas, bahawa kepimpinan polis tidak bersifat resistant terhadap aspirasi orang ramai terhadap pembaharuan polis untuk menjadikan satu perkhidmatan bertaraf dunia dan bahawa cadangan-cadangan Suruhanjaya Diraja Polis ini tidak akan disia-siakan begitu sahaja.

Saya telah mengatakan bahawa ianya menamatkan sikap *denial* selama 10 bulan oleh kepimpinan polis terhadap kelemahan-kelemahan polis dan keperluan untuk

pembaharuan-pembaharuan yang akan membawa kesan menyeluruh jika Malaysia ingin mempunyai perkhidmatan polis yang bersih, cekap, profesional peka terhadap hak asasi manusia yang bertaraf dunia.

Lebih-lebih lagi ianya juga mencerminkan pengiktirafan dan penerimaan oleh polis bahawa persoalan untuk membentuk perkhidmatan polis yang bertaraf dunia akan merupakan satu persoalan bukan merupakan satu soalan eksklusif semata-mata tetapi, ianya merupakan satu isu nasional yang menjadikan keprihatinan setiap rakyat Malaysia yang mempunyai hak untuk memberi input masing-masing dalam sebuah masyarakat yang demokratik.

Saya secara khususnya berasa bangga bahawa IGP telah menerima dan menggunakan bahasa Suruhanjaya Diraja Polis apabila beliau menyeru Polis untuk menjadi progresif dan memberi perkhidmatan polis bertaraf dunia, iaitu kali pertama istilah perkhidmatan polis bertaraf dunia ini perlu digunakan oleh seorang pegawai akan digunakan oleh seorang pegawai tinggi polis selepas penerbitan laporan Suruhanjaya Diraja pada Mei lepas.

Saya memang mempunyai satu kritik bahawa IGP harus pada masa itu sepatutnya mengumumkan penerimaan pihak atasan polis terhadap cadangan terpenting Suruhanjaya Diraja Polis iaitu penubuhan IPCMC yang mana ianya akan selanjutnya memulihkan keyakinan orang ramai terhadap kerjasama penuh daripada polis untuk membentuk perkhidmatan satu polis yang ada world status, tetapi adalah tidak berasas sama sekali untuk mana-mana pandangan berniat jahat untuk melihat IPCMC adalah bermaksud untuk mengganggu menjatuhkan semangat dan memalukan pasukan Polis yang mempunyai 100 ribu anggota ini apabila telah diakui bahawa hanya 1% daripada keseluruhan anggota Polis yang ada bermasalah.

Contoh-contoh mekanisme pemantauan external yang sama seperti apa yang ada di negara-negara seperti United Kingdom, Hong Kong dan Australia untuk berurusan dengan aduan-aduan orang ramai terhadap penyalahgunaan kuasa, korupsi dan kejenayahan polis merupakan bukti-bukti kukuh bahawa mekanisme-mekanisme integriti sebegini mempunyai kesan untuk memastikan keyakinan orang ramai terhadap kecekapan, keberkesanan dan profesionalisme perkhidmatan polis.

Rakyat Malaysia menginginkan IPCMC supaya kita akan mempunyai sebuah perkhidmatan polis yang boleh dibanggakan dan bukannya satu perkhidmatan polis yang tidak mendapat kepercayaan dan keyakinan orang ramai.

Kepujian saya nampaknya terhadap Ketua Polis Negara nampaknya sangat *premature*. Oleh kerana nampaknya tidak ada let-up dalam apa yang disifatkan oleh Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Mohamed Nazri bahawa terdapat bantahan berterusan, *relentless opposition* daripada polis terhadap cadangan IPCMC.

Saya amat kecewa dengan jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pun Menteri Dalam Negeri terhadap soalan saya pada hari Selasa terhadap pertubuhan IPCMC. Beliau mengatakan bahawa Jawatankuasa Kabinet Terhadap Pelaksanaan Cadangan-cadangan Suruhanjaya Diraja Polis yang dipengerusikan oleh beliau, telah secara prinsip pada 24 Januari 2006, buat keputusan untuk menubuhkan IPCMC dan Peguam Negara telah dipertanggungjawabkan untuk membuat cadangan terperinci terhadap penubuhannya dan cadangan-cadangan Peguam Negara ini akan diserahkan kepada Perdana Menteri dalam masa terdekat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Saya sepatutnya berasa gembira dengan jawapan ini, tetapi saya tidak kerana daripada *body language* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional semasa sesi soal jawab. Saya mengesan satu kemungkinan besar satu kecenderungan bahawa kerajaan akan mencari jalan keluar daripada komitmen secara prinsipnya untuk menubuhkan IPCMC.

Ini telah disahkan oleh Laporan Malaysiakini semalam bahawa sebanyak 100 Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan kalau begitu merupakan hampir 100% daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menolak cadangan untuk menubuhkan IPCMC kerana ia mahu dijadikan alat polis oleh pihak tertentu untuk melemahkan pasukan Polis. Laporan ini

menitikberatkan hujah Ahli Parlimen Sri Gading sebagai menyatakan bahawa penubuhan IPCMC tidak perlu kerana PDRM sendiri bersetuju melaksanakan 125 cadangan daripada Suruhanjaya Penambahbaikan Polis.

Adakah Yang Berhormat bagi Sri Gading tahu apa yang beliau sendiri kata, adakah dia faham apa dia sendiri kata? Adakah beliau tahu bahawa IPCMC merupakan salah satu daripada 125 cadangan yang sebenarnya juga merupakan cadangan terpenting yang dibuat oleh Suruhanjaya Polis Dzaiddin yang pertama menjadikannya satu *mockery* kepada kerajaan dan penerimaan polis terhadap Laporan Suruhanjaya Polis jikalau cadangan IPCMC ditolak.

Adakah Yang Berhormat bagi Sri Gading menuduh bekas Ketua Hakim Negara Tun Dzaiddin dan juga bekas Ketua Polis Negara Tun Haniff Omar, Pengerusi dan juga Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Diraja Polis masing-masing yang mencadangkan IPCMC ini sebagai alat oleh pihak tertentu untuk melemahkan pasukan Polis. Adakah beliau atau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mencabar taat setia Tun Dzaiddin dan Tun Haniff Omar?

Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional harus menjawab kepada rakyat Malaysia mengapa mereka telah sekali lagi mengorbankan kepentingan negara kerana kepentingan remeh-temeh UMNO. Sama seperti pendirian tidak bertanggungjawab Pemuda UMNO dan pemimpinnya, Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang pada awal-awal lagi membantah penubuhan IPCMC. Ahli-ahli Parlimen daripada parti-parti komponen Barisan Nasional, saya percaya mereka menyokong IPCMC, Yang Berhormat bagi Bakri ada di sini.

Saya percaya mereka sokong penubuhan cadangan IPCMC, tetapi mereka sekarang tidak berani untuk bercakap kerana *big brother* UMNO, Ahli-ahli Parlimen *big brother* UMNO sudah mengambil pendirian mereka, takut ucap. Biarlah saya bertanya kepada Ahli-ahli Parlimen daripada parti-parti komponen Barisan Nasional seperti MCA, GERAKAN, MIC dan mereka daripada Sabah dan Sarawak mengapakah mereka membenarkan sendiri dipimpin oleh Ahli-ahli Parlimen UMNO dalam setiap isu tanpa mempunyai keberanian, keyakinan untuk mengisytiharkan sendiri mereka atas kepentingan orang ramai. Kenapa mereka mengorbankan prinsip oleh kerana *big brother* UMNO, kenapa?

Semalam saya bertelagah dengan Ahli-ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional kerana kegagalan mereka untuk memberi sokongan yang kuat di Parlimen kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam usaha Yang Amat Berhormat memerangi rasuah dengan tiada seorang Ahli-ahli Parlimen UMNO atau Barisan Nasional yang berani berdiri untuk menunjukkan komitmennya terhadap satu perang berhabis-habisan terhadap rasuah. Hari ini kita ada Ahli-ahli UMNO yang '*drag by the nose*'. Ahli-ahli Parlimen daripada parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain untuk membantah cadangan IPCMC demi memaksa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membelakangkan keputusan secara prinsip untuk menubuhkan IPCMC. Perdana Menteri sudah buat satu pendirian pada prinsip tubuh IPCMC.

Akan tetapi, UMNO menentang oleh kerana mahu memihakkan pihak polis dan oleh kerana Ahli-ahli Parlimen UMNO menentang, Ahli-ahli Parlimen parti-parti komponen yang lain pun diam. Bukankah ini menunjukkan bahawa mereka tidak ada pendirian dan kepentingan nasional dalam perjuangan politik mereka? Adakah ini merupakan lagi satu kejadian apabila keputusan atau persetujuan kerajaan dan *coalition* parti-parti pemerintah secara prinsip tidak bernilai walau sesen pun, *agreement in principle, voteless*.

Seperti kejadian tuntutan pilihan raya Suqiu, *electoral appeal* satu masa dahulu di mana Barisan Nasional menyokong secara prinsip Suqiu, *electoral* – rayuan pilihan raya Suqiu sebelum pilihan raya besar 1999, tetapi selepas Pilihanraya 1999, persetujuan pada prinsip tidak bernilai, *voteless*. Suqiu dan mereka yang mencadangkan rayuan pilihan raya itu dimaki, dituduh dan dikritik sehingga mahu membakar *Selangor Chinese Assembly Hall*. Apa erti *agreement in principle*?

Saya menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak tunduk kepada mana-mana tekanan, sama ada ianya datang daripada pihak polis, Pemuda UMNO atau Ahli-ahli Parlimen UMNO yang menarik, *drag by their noses*, Ahli-ahli Parlimen MCA,

Gerakan, MIC dan parti-parti komponen yang lain. Saya harap bahawa Ahli-ahli Parlimen, parti-parti komponen yang lain berani tunjuk pendirian yang sebenar yang sepatutnya dibuat di dalam perkara ini untuk sokong penubuhan IPCMC dan bahawa memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya *agreement in principle* menjadi amalan dan bahawa Jawatankuasa Kabinet yang sudah buat keputusan itu boleh terus menguatkuasakan dengan penubuhan IPCMC.

Jika tidak, satu-satu janji pembaharuan beliau dan kelihatan konkrit akan konkrit apabila IPCMC ini ditubuhkan juga akan berkecai pada akhirnya. IPCMC seharusnya ditubuhkan tanpa sebarang pelengahan, *no more delay* dan IPCMC seharusnya dijadikan sebagai satu *precursor*, sistem pemantauan *external abutment* terhadap operasi-operasi mana-mana institusi kerajaan, khususnya agensi-agensi penguatkuasaan untuk membolehkan Yang Amat Berhormat menunaikan program-program dan janji-janji pembaharuan.

Ketujuh, menjunjung Malaysia sekular dan keluhuran perlembagaan. Pada hari Ahad yang lepas, sebuah forum yang berjaya dianjurkan oleh persatuan *Bar Council* dan Artikel 11, sebuah *coalition* yang terdiri daripada 14 NGO telah diadakan di Petaling Jaya untuk menegaskan semula atau *reaffirm* keluhuran perlembagaan. Sehingga sekarang lebih daripada 1,000 rakyat Malaysia termasuk ahli-ahli politik yang terkenal, peguam-peguam, hakim-hakim yang bersara, Muslim dan bukan Muslim menandatangani satu memorandum untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru kerajaannya untuk menjunjung keluhuran perlembagaan, memastikan pentadbiran selari dengan perlembagaan, meminta supaya kerajaan menegaskan semula atau *reaffirm* bahawa Malaysia bukan sebuah negara teokratik dan menyeru kerajaan untuk mengiktiraf kebebasan kehakiman.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Parlimen dan kerajaan seharusnya mengambil perhatian serius terhadap sentimen-sentimen pada forum hari Ahad itu iaitu kebimbangan bahawa negara ini menuju ke arah negara teokratik Islam kerana kakitangan-kakitangan kerajaan, perundangan dan Parlimen yang mana lebih daripada 65% adalah beragama Islam telah melepaskan tugas mereka untuk mempertahankan perlembagaan sekular.

Sebagai contohnya, keprihatinan peguam hak asasi dan perlembagaan, Malik Imtiaz Sarwar mengatakan bahawa, "Mereka mengangkat sumpah untuk mempertahankan Perlembagaan tetapi mereka tidak melakukannya". Dan dia kata, "Kami diminta untuk menegaskan semula keluhuran perlembagaan kerana terdapat risiko bahawa Malaysia sedang ditukar bentuk kepada sebuah negara Islam secara senyap-senyap dan tersembunyi."

Lagi dia kata, "Pemikiran ahli-ahli politik, hakim dan kakitangan-kakitangan awam telah menjadi begitu bercelaru sehingga mereka melihat mereka sendiri sebagai Muslim terlebih dahulu sebelum mereka melihat mereka sendiri sebagai warganegara Muslim sederhana yang merupakan majoriti kini senyap dan kami berharap untuk menyedarkan mereka dengan kempen kami. Malaysia bukan sebuah negara Islam. Malaysia ialah sebuah negara sekular dan Perlembagaan kita ialah undang-undang tertinggi negara ini." Inilah peguam hak asasi dan *constitution*, Malik Imtiaz.

Beliau mengatakan bahawa hak-hak asasi telah terhakis pada tahun-tahun yang lepas dan jika tidak disemak, Malaysia akan menjadi sebagai sebuah negara teokratik dan beliau berkata bahawa situasi ini sekarang ialah sesuatu yang dikhuatiri oleh setiap warganegara. Adakah Parlimen, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersedia untuk memberi sokongan penuh kepada kempen ini untuk menjunjung Malaysia yang sekular dan keluhuran perlembagaan?

Pada Oktober, Tuan Yang di-Pertua, ada satu Mesyuarat Agung Tahunan Badan Peguam Malaysia yang ke-59 diadakan dan mengemukakan satu resolusi yang sangat mustahak dan patut dapat perhatian Parlimen. Resolusi ini menyeru penghapusan semua bentuk diskriminasi yang telah diluluskan dan ada diterima pakai oleh badan peguam Malaysia dan resolusi ini berbunyi:

- bahawasanya beberapa syarikat persendirian, bank dan pertubuhan berpegang kepada amalan bahawa firma peguam tidak akan dilantik oleh mereka kecuali terdapat pematuhan kepada satu keperluan kuota etnik bangsa dalam komposisi kongsi peguam atau pekerja dalam firma berkenaan;
- bahawasanya amalan diskriminasi ini tiada asas dalam undang-undang kerana pada masa ini tidak ada akta, peraturan, kaedah atau sebarang undang-undang subsidiari yang membenarkan amalan diskriminasi sedemikian di Malaysia;
- bahawasanya amalan ini bersifat diskriminasi dan bercanggah dengan prinsip-prinsip sejagat hak asasi manusia serta juga hak-hak yang dijamin Malaysia secara perlembagaan seperti yang terkandung di samping hak-hak lain dalam Perlembagaan Malaysia;
- bahawasanya amalan diskriminasi ini bercanggah dengan hak yang wujud terhadap maruah sama ada tidak terpisah di bawah undang-undang yang diiktiraf dan diakui seluruh dunia bagi semua ahli keluarga manusia seperti mana yang tersemadi dalam pengisytiharan sedunia hak asasi manusia dan lebih jelas diterangkan dalam konvensyen antarabangsa bagi penghapusan semua bentuk diskriminasi bangsa; dan
- bahawasanya amalan diskriminasi ini bercanggah dengan pengisytiharan Islam sedunia hak asasi manusia di mana dalam *Clause 3C* jelas dinyatakan mana-mana orang tidak boleh dinafikan peluang untuk bekerja atau dilakukan diskriminasi terhadapnya dalam apa jua perkara atau didedahkan kepada risiko fizikal yang lebih besar disebabkan kepercayaan agamanya, warna kulit, bangsa, asal keturunan, jantina atau bahasa dan adalah ditetapkan di sini empat perkara.
 - (i) bahawasanya Badan Peguam Malaysia mengiktiraf hak yang wujud terhadap maruah dan persamaan bagi semua manusia tidak mengira kaum etnik, bangsa, kepercayaan, agama, warna kulit, jantina dan bahasa;
 - (ii) bahawasanya Badan Peguam Malaysia secara aktif akan mengambil sebarang tindakan yang perlu bagi maksud menghentikan semua bentuk amalan diskriminasi;
 - (iii) bahawasanya Majlis Peguam akan menyebabkan disusun satu senarai institusi firma yang mempertimbangkan kuota etnik bangsa bagi firma peguam sebelum membuat pertimbangan untuk melantik satu firma peguam atau peguam yang khusus dan seterusnya akan mengambil tindakan yang perlu dan sewajarnya terhadap institusi sedemikian yang mengamalkan atau menyebarkan amalan diskriminasi yang sedemikian; dan
 - (iv) bahawa Badan Peguam Malaysia menyeru pihak kerajaan meratifikasikan dengan segera konvensyen antarabangsa bagi menghapuskan semua bentuk diskriminasi bangsa.

Dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mengenai undang-undang boleh respons kepada resolusi yang ada dibuat sama ada bersetuju mengenai satu pengiktirafan Malaysia Konvensyen Antarabangsa bagi

penghapusan semua bentuk diskriminasi antarabangsa dan pun bahawa mengenai isu-isu yang ada termaktub dalam resolusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya hendak timbulkan di sini. Saya mahu menyentuh satu aspek hubungan diplomatik Malaysia yang kebelakangan ini telah menjadikan Malaysia bahan ketawa di pentas dunia. Perkara ini menyentuh cara kita menjalinkan hubungan luar kita dengan Amerika Syarikat. Sebagaimana permulaan, rasional paling asas untuk mengekalkan kedutaan-kedutaan yang menghantar duta ke ibu negara-ibu negara asing ialah untuk mengekalkan dialog dan hubungan dengan negara berkenaan. Ini merupakan cara yang paling utama untuk berkomunikasi dengan negara asing dan pemimpin-pemimpin mereka. Namun hubungan Kuala Lumpur dengan Washington DC dan pentadbiran Bush pada ketika tahun 2000 hingga 2003, tidaklah begitu ramah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu Tun Dr. Mahathir telah mengambil pendekatan yang tidak konvensional dan berurus dengan Kerajaan Amerika Syarikat menerusi ucapan-ucapan *rhetorical* dan agresif di dalam negeri serta di forum-forum antarabangsa. Sepanjang tempoh tersebut berikutan dengan tragedi September 11. Tun Dr. Mahathir meneruskan kecaman, bidasan beliau terhadap Amerika Syarikat yang bermula dengan selesai krisis Asia Timur pada tahun 1997, 1998 dan tambahan pula selepas kes Dato Seri Anwar Ibrahim yang telah ditangani secara *fascicle* percabaran itu serta ada penyelewengan kedaulatan undang-undang yang berlaku telah menjadi beliau tidak disenangi oleh Washington DC.

Pemimpin-pemimpin dari negara ASEAN Indonesia, Singapura dan Thailand dijemput ke Washington DC kecuali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Sikap beliau telah mengasingkan dirinya pada ketika beliau cuba mendapat simpati dan sokongan terhadap dasar-dasar penindasan politik dan ekonomi, kronisme serta projek-projek mega yang diterajunya. Hakikat beliau tidak dialu-alukan di Washington DC merupakan satu tamparan hebat terhadap air mukanya.

Mengapakah Tun Dr. Mahathir perlu menawan hati Presiden Bush? Ini adalah kerana wujudnya keperluan diri dari dalam negeri pada masa itu serta demi menenteramkan kritik domestik dan antarabangsanya. So, secara tidak langsung hubungan baik dengan Amerika akan membantu memperkukuhkan sokongan akar umbi di dalam negara dan peluang bergambar bersama, dilihat berjabat tangan dengan Presiden Amerika Syarikat Bush amat diperlukan pada ketika itu. Tidak lupa juga pada sepanjang tempoh tersebut beliau mengelakkan semua *interaction* dengan duta Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dan langsung tidak cuba untuk memperbaiki hubungan dua hala dengan Kerajaan Amerika Syarikat.

Pada masa yang sama, Malaysia diwakili oleh Duta Ghazali di Washington DC yang mana kelayakan utamanya adalah beliau merupakan abang ipar kepada Tun Daim. Ghazali terencil dan dielakkan oleh komuniti diplomat di Washington DC dan tidak berusaha untuk menjalin hubungan dengan *opinion makers* di situ. Beliau lebih banyak kelihatan di padang-padang golf daripada koridor-koridor kuasa. Ini amat berbeza dan tidak setanding dengan duta-duta Malaysia sebelumnya yang cukup dihormati oleh dunia diplomasi antaranya Mendiang Tan Sri Zain Azrai, dan Datuk Albert Talala.

Pelantikan Ghazali berdasarkan ke pertimbangan unsur kronisme menjadikan dia tidak dipercayai oleh pihak atasan pun di Wisma Putra. Termasuklah masa itu Menteri Luar. Pendek kata di ibu kota di sebuah negara yang paling penting di dunia, Malaysia diwakili oleh seorang duta yang tidak berkecekapan mahupun berkedudukan tinggi. Berlandaskan latar belakang ini dan di dalam keadaan terdesak maka satu skim, satu rancangan telah direka untuk membuka jalan supaya Tun Dr. Mahathir pada ketika itu Perdana Menteri melawat ke pejabat *oval White House* dan mendapat peluang bergambar dengan Presiden Bush selama 25 minit. Kos untuk lawatan ini dilaporkan sebanyak USD1.2 juta. Perbelanjaan lumayan untuk satu tujuan *PR Exercise*. Sidang bicara jawatankuasa *Senate Amerika Syarikat Congressional Hearing* serta kuantiti dokumen yang begitu banyak sekali berkenaan dengan skandal melobi Abramoff yang boleh didapati dari laman web. Telah mendedahkan bahawa hanya seorang lagi pemimpin asing telah melawat *White House* menerusi cara yang serupa ini melalui *lobbying* dan ialah Presiden Gabon. Kita Perdana

Menteri Malaysia semacam Presiden Gabon terlalu guna wang melobi supaya ada peluang untuk pergi *White House* dapat satu foto *opportunity*.

Tun Dr. Mahathir dengan kenyataan baru-baru ini menyatakan bahawa ini adalah cara Amerika. Kenyataan ini amat lucu dan tidak munasabah malah tidak masuk akal sama sekali. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pemimpin dunia lain seperti Presiden Indonesia, Filipina mahupun Perdana Menteri Singapura dan Thailand perlu menyogok untuk peluang melawat ke *White House* seperti pemimpin negara kita. Tun Dr. Mahathir mendakwa bahawa dana kerajaan tidak disentuh dalam perkara ini bahawa bayaran berkenaan adalah dibuat oleh individu-individu yang beliau tidak kenali.

Namun jelaslah terdapat bukti yang boleh didapati di laman web dan telah didedahkan oleh Malaysia kini iaitu *invois* dan ditujukan kepada Dr. Fauziah Mohd Taib, Timbalan Ketua Misi masa itu atau *Deputy Head Mission* dari *American International Center* iaitu sebuah badan yang telah diterajui oleh Abramoff. Kedudukan Malaysia memang terlibat dalam skandal ini dan Kerajaan Malaysia terlibat secara langsung. Fakta ini tidak boleh dipertikaikan oleh kerajaan. Pelbagai persoalan penting timbul daripada skandal ini, saya harap bahawa kerajaan boleh buat satu respons yang memuaskan.

Satu mengapakah kerajaan perlu *outsource* usaha berdialog dengan Kerajaan Amerika Syarikat kepada individu seperti mana yang didakwanya. Dua, sekiranya bayaran dari sumber peribadi, mengapakah ia perlu disalurkan melalui kedutaan kita di Amerika Syarikat? Atau adakah kedutaan Malaysia terlibat dengan perniagaan wang haram atau *money laundering*? Tiga, siapakah individu peribadi itu? Apakah habuan yang mereka peroleh daripada kerajaan dalam melakukan khidmat negara ini? Adakah syarikat berkenaan kerajaan atau GLC terlibat? Sekiranya ada yang mana satu? Apakah peranan yang dimainkan oleh *PK Energy* baru sebuah syarikat milik Megat Junid?

Dan mengenai GLC, adakah benar bahawa tenaga terlibat? Tenaga Nasional. Empat, Ketua Audit Negara mengaudit akaun Kedutaan Malaysia di Amerika Syarikat? Apakah hasil siasatan? Adakah peraturan-peraturan telah dicabuli? Kelima, siapakah di Wisma Putra? Yang mengizinkan Duta Malaysia di Amerika Syarikat dan duta berkenaan memainkan peranan sebagai saluran atau *conduce* untuk menyalurkan dana peribadi seperti mana yang didakwa. Sekiranya tidak ada kebenaran atau *authorization* diberikan bukankah kakitangan kedutaan dan duta tersebut telah mencabuli peraturan-peraturan sedia ada.

Sekiranya begitu mengapakah tindakan disiplin tidak diambil? Mengapakah kontrak Ghazali telah diperbaharui seberapa kali walaupun beliau telah menjangkau umur persaraan yang biasa? Ini merupakan satu yang amat luar biasa kerana beliau telah diberi ganjaran sungguhpun tidak cekap malah telah dianugerahkan pun Tan Sri ataupun beliau hanya bertindak menurut arahan dan akhirnya apakah lain-lain bayaran yang telah dilakukan dan kepada siapa di Washington DC? Adakah cara dan pembayaran yang sama diberikan kepada Amy Wright Newor yang telah menulis satu OP ACT dalam *Washington Times*, Ogos 2001 yang menyatakan Anwar Ibrahim merupakan seorang pengganas *Islamic*.

Rakyat Malaysia berhak mendapatkan jawapan dan kisah benar dalam persoalan-persoalan ini serta banyak lagi persoalan yang lain. Ini bukan setakat rasa ingin tahu tetapi menyebabkan isu kecekapan dan integriti kerajaan selain daripada unsur-unsur rasuah yang terlibat. Malaysia kini telah menjadi subjek cemuhan dan ejekan di arena antarabangsa. Kita terbina sebuah negara yang kekurangan atau langsung tidak ada keupayaan untuk melaksanakan diplomasi yang senonoh. Bahawa suara Malaysia tidak diambil kira di mana-mana ibu kota negara. Dan bahawa kita perlu menyogok atau mendapat peluang diiktiraf negara yang lain.

Keseluruhan episod ini juga menyedarkan bahawa tugas perhubungan antarabangsa kita telah dioutsourcekan kepada kepentingan komersial kerana kerajaan dan pkhidmat luar negara tidak cekap dan bahawa wujudnya pelantikan berpandukan unsur kronisme di jawatan diplomasi yang bersifat sensitif dan itulah satu contoh Ghazali di Washington. Bukankah ini merupakan satu skandal besar?

Demi prinsip akauntabiliti dan ketelusan adalah sungguh penting bahawa satu penjelasan yang menyeluruh dikemukakan mengenai *fiasco* besar diplomasi Malaysia ini yang sememangnya boleh dan akan memberi kesan yang berpanjangan. Saya menyeru supaya kerajaan membentangkan satu kertas putih di Parlimen atas isu ini. Wisma Putra harus dengan segera menarik balik duta kita di Amerika Syarikat yang telah menjejaskan nama baik Malaysia dan menjadikan kita bahan ejekan di arena dunia.

Public Account Committee harus mengadakan satu siasatan menyeluruh ke atas isu ini untuk meneliti bagaimana dan mengapakah Kedutaan Malaysia di Washington DC boleh terlibat dalam transaksi yang begitu tidak wajar. Kerajaan tidak boleh terus mengelakkan isu-isu seperti ini lagi kerana perbicaraan ahli perwakilan Tom DeLay, bekas pemimpin *Majority Republican* di Dewan Perwakilan Amerika Syarikat mengenai *Jack Abramoff* dan lain-lain ahli politik di Amerika Syarikat tentu akan diikuti dengan lebih banyak pendedahan, *exposure* urusan tidak wajar yang melibatkan Malaysia.

Lebih baik sekiranya kerajaan mengambil tindakan segera sekarang dan menjelaskan segala-galanya sebelum dimalukan seterusnya oleh pendedahan yang bakal datang dari Amerika Syarikat. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

12.45 tgh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya mulakan ucapan Menjunjung Kasih ini dengan memetik Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada perenggan yang kesepuluh, dengan izin, "Namun Beta agak bimbang kerana terdapat laporan-laporan antarabangsa lain yang meletakkan prestasi Malaysia di paras menurun. Petunjuk-petunjuk ini harus dipandang serius. Antara yang ditonjolkan dalam laporan-laporan ini ialah sistem penyampaian kerajaan dalam konteks mengukuhkan kedudukan dan daya saing negara. Oleh itu segala kelemahan dan kekurangan yang wujud dalam sistem penyampaian kerajaan hendaklah segera diperbaiki bagi memastikan ia sentiasa memenuhi kehendak rakyat."

Kebimbangan Baginda Ke Bawah Duli sememangnya wajar apabila Kerajaan Barisan Nasional baru-baru ini sekali lagi menaikkan harga minyak iaitu bagi kali yang kelima dalam tempoh kurang dari tiga tahun. Pada 1 Mac 2003, harga seliter petrol hanya RM1.35 sahaja tetapi hari ini berharga RM1.92 seliter atau naik sebanyak 59 sen. Manakala harga diesel pula telah naik sebanyak 70 sen dalam tempoh yang sama.

Saya gariskan di sini butiran kenaikan harga petrol.

KENAIKAN HARGA PETROL	
Tarikh	Harga Seliter (RM)
1 Mac 2003	1.35
1 Mei 2004	1.37
1 Oktober 2004	1.42
2 Mei 2005	1.52
31 Julai 2005	1.62
28 Februari 2006	1.92 iaitu kenaikan 30 sen sekali gus.

Kenaikan harga petrol akan secara automatik menyebabkan kenaikan kos perbelanjaan bagi rakyat. Kita mengetahui bahawa rakyat sedang terbeban akibat daripada keadaan inflasi yang kian meningkat. Dalam bahasa yang mudah akibat daripada kenaikan

harga petrol, harga barang-barang keperluan harian akan melambung. Yang paling teruk menanggung beban inflasi ini ialah rakyat, khususnya golongan petani dan golongan berpendapatan rendah.

Amaran kerajaan agar peniaga tidak menaikkan harga barangan langsung tidak mempunyai kesan kerana jika amaran itu berkesan maka tidak adalah naik harga barang-barang ketika kenaikan petrol yang terdahulu. Peniaga amat maklum dan berpendapat jika kerajaan boleh dengan sesuka hati menaikkan harga petrol maka mereka juga bebas membuat perkara yang sama. Malangnya yang menjadi mangsa ialah rakyat.

Apa yang sudah terjadi dengan rancangan "Inflasi Sifar" yang dilau-laungkan oleh kerajaan pada suatu ketika dahulu? Menurut maklumat yang terdapat di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, 25% keluarga di Malaysia mempunyai jumlah pendapatan bulanan keluarga di bawah RM1 ribu. Ini adalah satu keluarga bukan seorang. Dan, hampir 60% keluarga Malaysia mempunyai jumlah pendapatan bulanan kurang daripada RM2 ribu. Beban inflasi terhadap keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana makin berat. Dengan kadar inflasi sebanyak 2.8% seperti yang diumumkan Bank Negara pada Disember tahun lalu telah membuktikan bahawa kuasa membeli rakyat semakin merosot. Kalau dulu nilai RM1, sekarang ini hanya 70 sen.

Kenaikan harga petrol ini akan berlaku jika kenaikan harga petrol ini tidak akan berlaku jika kerajaan mempunyai dasar pengurusan yang berhemah serta berjiwa rakyat. Contohnya, di antara 2002 hingga 2005, Kementerian Pertahanan telah membelanjakan tidak kurang daripada USD4 bilion untuk membeli senjata dan keperluan *military* seperti kapal selam, helikopter, kereta kebal, jet dan sebagainya sehinggakan Malaysia menjadi antara negara yang paling banyak berbelanja kepada pertahanan.

Tahun 2003 Malaysia membeli 18 buah *Sukhoi* dengan harga USD900 juta. Pada tahun 1999, Malaysia telah membelanjakan 2.3% daripada GDP kita untuk tujuan *military*. Manakala pada tahun 2002 ia telah ditingkatkan kepada 3.6% GDP. Jumlah ini merupakan jumlah yang sangat besar untuk dibelanjakan bagi pertahanan negara, padahal kerajaan kerap meminta rakyat bersyukur kerana Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan makmur.

Perbelanjaan yang berbilion-bilion ringgit ini untuk pertahanan akan membawa faedah yang lebih besar kepada rakyat jika kerajaan menggunakannya untuk pembangunan sosial dan kebajikan masyarakat. Kesulitan yang dihadapi oleh rakyat hari ini juga disebabkan beberapa dasar pembangunan kerajaan yang salah haluan.

Pemimpin-pemimpin kerajaan asyik menyebut supaya rakyat mengubah cara hidup. Sebenarnya cara hidup yang dilalui oleh rakyat hari ini adalah akibat dari dasar-dasar kerajaan pada masa yang lalu. Rakyat terpaksa menggunakan kenderaan persendirian kerana Dasar Automotif Nasional. Ini kerana kerajaan mahu menggalakkan konsep pemilikan kereta sendiri melalui pemasaran kereta nasional keluaran Proton.

Sekarang ini nasib Proton dan penasihatnya semakin tenat. Jika kerajaan hendak memperbaiki pengangkutan awam, maka penyelarasan hendaklah dibuat dengan pelaksanaan dasar automatif yang baru. Sebahagian besar rakyat hari ini bergantung kepada kenderaan persendirian di mana kosnya akan melonjak naik apabila naiknya harga petrol.

Sekiranya kerajaan tidak memasuki industri automotif, sebaliknya melabur dalam pembangunan prasarana pengangkutan awam, kenaikan harga petrol tidak mempunyai kesan besar kepada rakyat biasa. Jika kita ingin menjadikan Malaysia sebuah negara maju, maka kita perlu membangunkan prasarana pengangkutan awam yang berkesan seperti mana negara-negara maju di Barat dan Timur.

Oleh itu saya kesal dengan kenyataan Perdana Menteri yang ingin mempertahankan PROTON tanpa terlebih dahulu membuat kajian yang komprehensif dan menyeluruh terhadap keberkesanan industri automotif negara dan daya saing di pasaran dunia. Kerajaan perlu meneliti beberapa isu yang menuntut pemimpin kembali kepada persoalan isu pokok. Malangnya yang berkumandang sekarang bukan seruan dan kesedaran untuk kembali kepada matlamat asal dasar pembangunan negara, yang terdengar cuma renek-merenek kerana tidak turut sama diberi peluang untuk

memunggha kekayaan negara. Kroni lama gelisah apabila diketepikan oleh kroni baru. Ribut dalam isu lesen pengimport atau AP menjelaskan semua yang selama ini tersembunyi.

Teras pandangan penasihat PROTON yang mahukan PROTON diberikan perlindungan 100 peratus adalah pandangan lapuk yang hanya berlegar di kalangan ahli-ahli ekonomi yang ketinggalan zaman, *defame economist*, dengan izin sahaja. Kes pemberian AP yang terlalu banyak menyebabkan PROTON hilang saiz pasaran dalam negara sebenarnya membuktikan bahawa PROTON masih begitu lemah dan tidak berdaya saing selepas 22 tahun dan selepas AFTA dilaksanakan biar pun secara berperingkat-peringkat rakyat ingin bertanya, mengapa PROTON masih memerlukan perlindungan sepenuhnya?

Mengapa PROTON masih memerlukan perlindungan sepenuhnya, seperti syarikat berkenaan seakan-akan baru dua tahun ditubuhkan. Rakyat lebih yakin untuk PROTON masuk ke tengah-tengah pasaran terbuka daripada terus berselindung di sebalik payung buruk pemerintah. Dalam kerangka kepentingan ekonomi yang lebih besar, saya tidak mahu hasrat untuk mewujudkan ruang ekonomi yang lebih terbuka dan bebas di negara ini kembali tersekat atas apa juga alasan.

Saya diberitahu bahawa negara seperti China dan Korea Selatan tidak mempunyai halangan untuk mengizinkan kereta PROTON dijual di negara berkenaan, tetapi dalam keadaan begitu terbuka sekali pun, PROTON masih tetap gagal untuk bersaing. Kereta Nasional sejak lebih 3 tahun dahulu terjual tidak lebih daripada 100 buah. Malangnya dasar automatif kerajaan yang dibentangkan kerajaan tahun lalu tidak menjurus kepada pokok persoalan ini. Iaitu dasar automatif ini juga harus diiring dengan proses liberalisasi perdagangan yang sedang berlangsung di seluruh ceruk rantau dunia.

Biar apa pun kehendak di dalam dasar berkenaan sama ada mahu menjadikan Malaysia sebagai hak serantau untuk pembuatan untuk pemasangan dan pengedaran kenderaan automatif atau hendak menggalak suburkan pembuat kenderaan dan vendor. Itu semua hanya khayalan seandainya kerajaan tidak dapat melihat masalah sebenarnya yang menghalang perkembangan industri automotif dan industri-industri lainnya dalam negara ini.

Tembok besar yang menghalang, apa juga bidang ekonomi di negara ini daripada berkembang biak dan maju ialah tidak wujudnya ketelusan dengan sekian banyak kepentingan-kepentingan lain yang tidak seharusnya menjadi kepentingan. Juga diketahui bahawa dunia perniagaan terganggu dengan sida-sida atau para peniaga yang cuma menjadi orang depan yang membawa syarikat proxy, wakil kepada kepentingan segelintir orang-orang politik. Di mata pelabur, di mata ahli-ahli peniaga di peringkat antarabangsa, iklim perdagangan di Malaysia masih terlalu terjerebu.

Permainan kotor ini menjadikan mereka tidak berminat untuk melabur, untuk menutup kelemahan dan kelancungan ini, kerajaan masih berseru dan menuntut para pekerja untuk terus meningkatkan kemahiran dan produktiviti. Saya percaya bahawa kita mempunyai jumlah tenaga kerja yang cukup. Dan dengan kadar upah yang lebih murah berbanding negara-negara seperti Singapura, Jepun dan Korea Selatan. Kerajaanlah yang harus bermuhasabah atas kegagalan untuk mengembangkan sektor perindustrian.

Menuntut para pekerja kita atas tuntutan-tuntutan yang sudah pun mereka ketahui tidak lebih hanya seperti menepuk air di dulang. Bilangan modal yang gagal di pasaran bertambah daripada Tiara, Iswara dan sekarang mula diramal terhadap modal gantian Savvy mahupun yang baru dilancarkan minggu lepas dengan nama Chancellor yang memakai badan daripada model Waja dan enjin V6 Perdana. Kenyataan-kenyataan yang dibuat hanya berkesudahan dengan kerugian yang melanda. Perusahaan Automobil Nasional PROTON tahun ini yang berjumlah melebihi 150 juta. Perolehan PROTON juga susut hampir separuh daripada 2.8 bilion tahun lalu pada hanya 1.8 bilion tahun ini.

Saya dengan ini menggesa Perdana Menteri untuk membentuk satu jawatankuasa ekonomi yang dianggotai pelbagai pihak termasuk swasta. Masyarakat sivil dan pakar industri, jawatankuasa ini bertujuan untuk menilai secara objektif masa depan industri

automotif negara dan kesannya terhadap ekonomi negara, kesejahteraan rakyat dan juga pekerja-pekerja yang terlibat.

Saya kira sampai masanya kerajaan perlu mempunyai keberanian untuk beranjak daripada dasar-dasar yang tidak relevan lagi untuk zaman ini. Ini adalah cabaran kepada kerajaan untuk menyusun semula *government link companies*, dengan izin bagi mengambil langkah-langkah *decisive*, tegas bertujuan membawa transformasi perusahaan dan ekonomi secara terancang. Hanya dengan pengurusan yang telus, kita mampu meningkatkan keyakinan pelabur dalam dan luar negara. Langkah kerajaan menyelamatkan secara tidak telus iaitu *bail out government link companies* yang bernilai berbilion ringgit akan juga meningkatkan amalan rasuah di semua peringkat.

Persoalan rasuah Tuan Yang di-Pertua, apabila Perdana Menteri mengisi jawatan dua tahun lalu, rakyat berasa lega apabila beliau berjanji akan memerangi rasuah hingga ke akar umbi, apatah lagi apabila kes Tan Sri Eric Chia di PERWAJA dibawa ke mahkamah dan seorang lagi menteri juga ditangkap di atas amalan rasuah, malangnya cerita bermula dan berakhir di situ sahaja. Apa yang kita dapati hari ini keadaan rasuah di negara kita bertambah teruk. Ini dapat dilihat daripada kedudukan Malaysia yang semakin merosot dari segi indeks persepsi rasuah yang dilakukan oleh *transparency international*.

Kita juga ingin bertanya, apa yang telah terjadi kepada puluhan laporan polis yang dibuat oleh rakyat dan pimpinan parti-parti pembangkang terutama keadilan. Yang pasti pembuat laporan diasak dan dimasukkan ke dalam penjara, manakala perasuah kekal bersandar di kerusi menteri. Baru-baru ini Perdana Menteri telah merombak kabinetnya. Rakyat mengharapkan Perdana Menteri menggunakan peluang tersebut untuk menunjukkan bahawa beliau benar-benar serius memerangi rasuah dengan melantik barisan kabinet yang benar-benar bersih. Malangnya sekali lagi harapan rakyat dikecewakan. Bukankah telah diciptakan serangkap pantun oleh nenek moyang kita, "Apa diharap padi seberang, entahkan jadi entahkan tidak".

Komitmen Perdana Menteri untuk memerangi rasuah perlu ditunjukkan dengan tindakan yang konkrit dan kehendak politik yang kuat, *strong political will* dengan izin. Ini termasuk dengan mewajibkan menteri-menteri yang dilantik mengisytiharkan aset-aset mereka setiap tahun kepada Parlimen dan dijadikan pengisytiharan itu sebagai dokumen awam untuk dinilai oleh rakyat. Kerajaan juga harus membenarkan Badan Pencegah Rasuah, bertindak secara bebas dan bertanggungjawab kepada Parlimen dan bukannya kepada Jabatan Perdana Menteri.

Dasar Ekonomi Baru, Malaysia kini berdepan dengan realiti kebangkitan ekonomi negara Cina dan India. Senario ini membawa kita mengimbau kembali zaman keagungan Kerajaan Melaka yang merupakan satu kerajaan kosmopolitan yang terdiri dari pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, Arab dan sebagainya. Kegemilangan ekonomi pada zaman itu adalah kemampuan pemimpin ketika itu memanfaatkan sepenuhnya tamadun dan kuasa dagang besar iaitu Cina dan India. Justeru kerajaan hari ini harus mampu mengajak rakyat pelbagai kaum untuk merumus dasar-dasar ekonomi, pendidikan, sosial dan industri serta bahasa.

Saya yakin Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang agung bukan sahaja satu slogan "*Malaysia Boleh*", Malaysia boleh, boleh rasuah, boleh *everything*, saya yakin Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang agung. Sekiranya kita membuat anjakan strategik dan berani untuk berdepan dengan *reality* baru ini. Salah satu dasar yang tidak lagi mampu berdepan dengan *reality* ini ialah Dasar Ekonomi Baru yang sudah berumur kira-kira 35 tahun. Data perbezaan GDP di antara negara pada tahun 1960, Malaysia bermula pada paras yang sama dengan Singapura, Korea, Taiwan dan Thailand. Hari ini kita sekadar elok sedikit berbanding Thailand dalam GDP, kalau berbanding dengan Korea tiga kali ganda, Taiwan tiga kali ganda, Singapura jiran kita adalah lima kali ganda. Saya ada satu carta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak habiskan sekarangkah atau hendak sambung petang?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambung petang?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ya, Petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini tangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat bagi Permatang Pauh untuk menyambung ucapan.

1.02 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi saya mengakhiri ucapan saya dengan mengatakan bahawa kalau kita bandingkan KDNK (Pendapatan Kasar Negara) dalaman antara Singapura, Korea, Thailand, Taiwan dan Malaysia pada tahun 1960 di mana Malaysia bermula pada paras yang sama dengan Singapura, Korea, Thailand dan Taiwan. Kalau kita bandingkan hari ini kita elok sedikit sahaja berbanding dengan Thailand. Padahal Korea dan Taiwan telah naik tiga kali ganda dan Singapura telah naik lima kali ganda. Saya membaca sedikit data kapita sebenar JDP dalam dolar Amerika:

Negeri	Tahun 1960	Tahun 1980	Peratus Kenaikan (%)
Singapura	1,658	7,053	325
Korea	904	3,093	242
Thailand	943	2,178	131
Taiwan	1,256	4,459	255
Malaysia	1,420	3,799	168

Pada tahun 2004 kalau kita bandingkan JDP Singapura USD24,740, Korea USD14,151, Thailand USD2,521, Taiwan USD13,451 dan Malaysia USD4,646 sahaja.

Tahun lalu Dasar Ekonomi Baru kembali menimbulkan kontroversi. DEB merupakan persoalan besar berkaitan dengan keadilan sosial dan pengagihan kekayaan. Dalam dasar sebegini penting perdebatan secara terbuka perlu dialu-alukan. Ketidakpuasan terhadap pelaksanaan dan tafsiran terhadap DAP bukanlah satu perkara yang baru. Ia telah dikaji para sarjana dan pakar-pakar ekonomi tetapi perdebatan tersebut tiba-tiba mati dalam media massa arus perdana kerana wujudnya tekanan daripada pemerintah yang menghalang perdebatan terbuka. Menggunakan tekanan untuk mematikan perdebatan bukanlah caranya masyarakat yang demokratik dalam mengendalikan ketegangan. Seharusnya perbincangan secara terbuka dan rasional digalakkan khususnya untuk mencari penyelesaian yang saksama terhadap isu-isu ketidakadilan dan ketidakseimbangan ekonomi ini.

DEB berasal dari cetusan cita-cita murni untuk menghapuskan kemiskinan. Namun dasar ini telah disalahgunakan. Justeru kami berpendapat, memang sudah sampai masanya untuk mengkaji semula bahkan merombak DEB tersebut. Kegagalan DEB kerana ia membuka peluang kepada segelintir mereka yang berkuasa dan kaya untuk memperalatkannya bagi memperkayakan lagi diri dan kroni serta suku sakat mereka dan bukan menggunakannya untuk meningkatkan pendapatan serta taraf kesejahteraan dan kebajikan rakyat teramai.

Tidak wujud pendekatan yang memperlihatkan sikap kepedulian terhadap rakyat. Kami berpendapat dari segi ekonomi, hak serta peluang rakyat ramai mesti diutamakan dan diperluaskan lagi bagi semua tanpa mengira kaum. Pada masa yang sama, pendekatan yang tidak bersifat perkauman boleh memperbaiki dan meredakan ketegangan perhubungan antara kaum. Kita mesti ingat bahawa dari segi kemanusiaan dan agama Islam sendiri falsafah dan ajaran pokoknya ialah dengan bersifat adil dan menolong yang lemah dan yang miskin tanpa mengira kaum, warna kulit mahupun pegangan ideologi. Mengapakah bukan bumiputera yang miskin dan berpendapat rendah selalu dilihat sebagai didiskriminasikan manakala sebaliknya golongan kaya bukan bumiputera diberi peluang dan keistimewaan yang sama dengan orang kaya Melayu untuk mengaut lebih banyak kekayaan ini?

Sementara kami mendesak supaya dasar kerajaan harus memberi peluang yang adil kepada semua kaum untuk merasa nikmat pembangunan, kami juga berharap bahkan mendesak supaya sektor-sektor ekonomi atau perniagaan yang dikuasai atau dimonopoli hanya oleh satu-satu kaum sahaja akan membuka peluang kepada kaum-kaum yang lain. Ertinya dengan lebih tegas, mesti ada galangan untuk membuka peluang latihan dan pekerjaan bagi orang Melayu yang berkelayakan misalnya untuk mendapat latihan dan pekerjaan dalam bidang-bidang kegiatan ekonomi yang kelihatan dikawal atau dimiliki oleh kaum China umpamanya. Pada masa yang sama, peluang untuk orang bukan Melayu di dalam perkhidmatan awam polis dan tentera haruslah sentiasa terbuka luas.

Saya masuk pada bab kesihatan. Inti kepada dasar-dasar negara harus berteras kepada kesejahteraan rakyat dan keadilan sosial. Aspek keprihatinan ini kian terhakis dalam agenda pembangunan negara. Baru-baru ini, kerajaan tergesa-gesa ingin melaksanakan skim bayaran penuh di hospital awam walaupun kerajaan menafikan bahawa dasar ini sebahagian daripada rancangan penswastaaan sistem kesihatan negara. Namun Menteri Kesihatan gagal memberi keyakinan kepada rakyat. Kita tidak faham mengapa kerajaan mahu menguatkuasakan polisi dan dasar baru tanpa terlebih dahulu membuat perundingan dan rancangan yang teliti. Pihak kerajaan mengatakan bahawa ia telah mengenal pasti beberapa pakar perunding yang akan mengeluarkan butiran terperinci bagi mekanisme *National Health Financing Authority*, dengan izin.

Kementerian Kesihatan telah memberi jaminan kepada para aktivis bahawa ia akan memantau secara dekat cadangan *National Health Financing Authority* yang akan mengurus Tabung Bantuan Perubatan. Namun ketiadaan ketelusan di dalam isu ini telah menggusarkan rakyat. *Committee Anti Health Privatization* atau CAHP, telah menerima jawapan dari Unit Perancang Ekonomi pada 27hb Januari 2006 ini dengan mengatakan bahawa mereka tidak boleh mengeluarkan sebarang maklumat mengenai perunding yang akan mereka lantik untuk menggubal mekanisme tersebut atas alasan ianya sulit. Sulit ada berbagai makna, sulit - rahsia satu dan sulit - susah, satu.

Kita merasa hairan mengapa pihak kerajaan perlu berahsia dalam hal mengenai kepentingan rakyat. Sejak Disember 2004, pihak kerajaan telah memperkenalkan beberapa tindakan yang mengakibatkan pesakit membayar lebih terhadap perkhidmatan yang diberikan. Antaranya ialah cadangan untuk menswastakan dispensari hospital kerajaan dan menjadikan warga asing termasuk pekerja asing supaya membayar harga yang lebih tinggi di hospital kerajaan. Kerajaan juga telah mengisytiharkan strategi belanjawan dengan menfokus kepada pelancongan kesihatan, *health tourism*, dengan izin.

Baru-baru ini kerajaan telah membenarkan para pakar memberikan perkhidmatan peribadi mereka di hospital kerajaan bagi menampung kekurangan gaji mereka. Tujuan kerajaan ialah mengelakkan pengaliran keluar para pakar ke hospital-hospital swasta. Tindakan yang diambil oleh kerajaan ini bukannya meninggikan peruntukan kesihatan dan membuat bayaran yang tinggi kepada pakar hospital kerajaan, tetapi menswastakan perolehan pendapatan. Adalah dianggarkan, Tabung Bantuan Perubatan akan mengendalikan wang sejumlah RM13 bilion setahun. Dengan mengumpul premium dari rakyat dan seterusnya membuat bayaran dari tabung tersebut kepada pemberi perkhidmatan termasuk hospital swasta adalah menjadi amalan biasa untuk membuat tender terbuka terhadap kontrak perkhidmatan yang akan ditawarkan. Justeru akan meningkatkan kos perbelanjaan sedangkan mutu perkhidmatan belum tentu setimpal.

Penyakit wabak yang merebak baru-baru ini, sekali lagi menunjukkan kepincangan kerajaan di dalam menangani isu kepentingan awam. Pada masa ini dunia sibuk bercakap tentang selesema burung. Saya selesema tetapi saya ingat saya bukan selesema burung. Malaysia untuk beberapa ketika terlepas daripada ancaman ini tetapi baru-baru ini telah diketahui bahawa penyakit tersebut mula terdapat dalam dan berdekatan kawasan Kuala Lumpur tetapi perkara ini disenyapkan semacam untuk menyembunyikannya. Hanya selepas sebuah akhbar luar negara melaporkannya barulah pihak Kesihatan memberi penjelasan mengenainya.

Manakala di Sarawak pula, saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan perkara ini dibahaskan pada petang ini dalam Dewan yang mulia ini. Di Sarawak penyakit tangan kuku kaki dan mulut sedang melanda. Di sana pihak kementerian bertindak dengan menutup sekolah walaupun sudah agak lewat. Sekarang diumumkan seramai 7 orang kanak-kanak telah terkorban akibat penyakit ini. Malang sekali tidak ada pengumuman yang berterusan tentang punca sebenarnya penyakit ini merebak, kawasan-kawasan mana yang terlibat dan sejauh mana ancaman penyakit ini dapat diatasi di peringkat keluarga dan kementerian. Saya berasa bimbang kerana ada suara di kalangan pihak kerajaan yang berpendapat bahawa jenis-jenis penyakit yang mengancam ini tidak patut dibesar-besarkan kerana ia akan menjejaskan industri pelancongan, pendapatan negara dan keuntungan hotel-hotel dan lain-lain.

Saya bersetuju, berita-berita ini tidak patut terlalu dibesarkan sehingga melebihi kenyataan sebenar dan menimbulkan kebimbangan yang tidak berasas tetapi rakyat perlu mendapat maklumat yang sebenar dan diberi nasihat tentang apa yang patut mereka lakukan. Kerajaan mesti membuktikan sikap serta tindakan tegas bahawa ia mengutamakan kehidupan rakyat lebih daripada keuntungan perniagaan. Sementara bercakap tentang kesihatan ini saya ingin mengingatkan bahawa semasa beliau mula-mula mengambil jawatan Menteri Kesihatan dan juga seorang doktor telah berjanji keadaan di hospital awam akan dibaiki supaya para pesakit tidak perlu menunggu terlalu lama sebelum dapat berjumpa dengan doktor. Malangnya, keadaan masih tidak berubah.

Isu Pendidikan. Tidak berapa lama dulu heboh berita tentang kemerosotan kedudukan universiti-universiti di negara kita berbanding dengan universiti-universiti luar negara. Dengan tidak payah bergantung pada kajian di luar negara, kita memang tahu bahawa mutu pelajar, pensyarah dan penyelidikan di universiti-universiti tempatan semakin merosot, bahkan prestasi Singapura dan Thailand ditinjau dari segi hasil penyelidikan adalah lebih baik dari Malaysia. Perkara ini sangat serius dan memerlukan tindakan berkesan kerana jikalau tidak universiti kita akan dipandang rendah, siswazah-siswazah akan semakin susah mendapat pekerjaan dalam negara atau untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.

Salah satu perkara yang merosotkan mutu universiti ialah campur tangan kerajaan dalam urusan dan pendidikan di institut pengajian tinggi atau IPT, terutama melalui Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti (AUKU). Universiti sudah dianggap lebih sebagai jabatan kerajaan sahaja dan bukannya sebuah pusat ilmu yang berautonomi. Ada yang dilantik sebagai naib canselor semata-mata kerana hubungan mereka dengan parti atau pemimpin pemerintah. Kebanyakan mereka tidak mempunyai..., siapa yang memakan cabai pedaslah!

Kebanyakan mereka tidak mempunyai pengalaman sekali dalam soal-soal yang berkaitan dengan universiti sebagai pusat untuk mengembangkan kecemerlangan ilmu. Mereka sering bertindak sebagai ketua jabatan kerajaan, bahkan ada pula yang bersikap sebagai polis terhadap pensyarah dan pelajar. Begitu juga selalunya dekan dan ketua jabatan yang dilantik, walaupun mereka mungkin *junior* kerana hubungan mereka dengan orang politik dan juga dengan naib canselor yang mirip bermain politik.

Seterusnya, kenaikan pangkat akademik sebagai profesor pula sudah mulai tidak mengambil kira prestasi akademik, khusus dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan penerbitan. Akhirnya ada pensyarah yang cemerlang - bukan kita tidak ada, kita ada, yang diketepikan tetapi mereka yang menjadi pentadbir tanpa memperlihatkan prestasi cemerlang dari segi akademik telah menjadi profesor.

Ini mudah dilakukan kerana ada universiti yang tidak mengamalkan penilaian luar - *external asseses*, dengan izin. Tidak peliklah jikalau ramai pensyarah yang hilang semangat untuk mengajar dan ada juga yang meninggalkan universiti untuk pindah ke tempat lain. Negara juga yang rugi akhirnya!

Penguasaan terhadap pelajar pun semakin ketat. Mereka dikawal dan biasanya ditutup mulut daripada menyuarakan pendapat walaupun yang benar. Bukan sahaja kebebasan bersuara disekat, bahkan cara berfikir atau menganalisis secara kritikal tidak digalakkan. Hampir semua urusan pelajar dikawal oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar hingganak pelajar tidak dapat belajar sepenuhnya untuk mentadbir atau menguruskan diri mereka melalui pertubuhan-pertubuhan sendiri.

Keadaan bertambah buruk apabila terdapat campur tangan parti-parti dan pemimpin-pemimpin pemerintah di dalam pilihan raya pimpinan pelajar di universiti-universiti disertai dengan peruntukan kewangan pada kumpulan pelajar tertentu. Akibatnya, ia telah membenihkan amalan korupsi di kalangan para pelajar tersebut. Semua ini membantutkan perkembangan fikiran, kecekapan dan kebolehan pelajar-pelajar dan yang kita semua harap akan menjadi pemimpin negara pada masa yang akan datang.

Masalah pendidikan bukan sahaja di peringkat universiti, bahkan meluas juga di peringkat rendah dan menengah di mana mutu pendidikan penuntut juga semakin terjejas. Memang benar sekarang ini ramai yang mendapat keputusan ujian PMR dan SPM yang cemerlang tetapi taraf ilmu serta pemikiran yang mereka capai selepas tamat sekolah boleh dipertikaikan. Masih banyak sekolah terutama di kampung, ladang dan pedalaman yang masih kurang kelengkapan yang baik.

Dengan adanya penggunaan komputer di sesetengah sekolah di bandar dan tiadanya bekalan elektrik di kebanyakan sekolah di dalam kawasan mundur, maka jurang di antara penuntut sekolah di bandar dan luar bandar semakin melebar. Malangnya sama ada di sekolah bandar atau di luar bandar taraf berfikir secara kritikal adalah rendah kerana ini bukannya suatu perkara yang digalakkan sebagai matlamat yang hendak digalakkan dalam pelaksanaan sistem pendidikan yang ada sekarang. Walaupun faktor merit hendaklah ditimbang, tetapi faktor kemunduran golongan dan kawasan perlulah juga diambil kira.

Saya berpendapat penubuhan universiti dan sekolah atas anjuran parti-parti politik tertentu hendaklah dihentikan. Ini memandangkan kebanyakan parti politik di negara bersifat perkauman dan universiti atau sekolah yang diunjurkan oleh parti-parti politik tersebut akan mencerminkan sifat perkauman.

Saya juga menggesa agar kementerian dengan segera menangani isu atau skandal berkenaan rasuah di kalangan guru-guru besar kerana ditakuti fokus sekolah sebagai pusat ilmu akan dikesampingkan dan akhirnya akan terjejas moral pentadbiran dan mutu pendidikan.

Isu Alam Sekitar. Kemusnahan alam sekitar yang berpunca dari pembangunan yang tidak terancang telah menyebabkan kerugian dari segi kewangan yang dialami oleh masyarakat dan juga negara. Kemusnahan ini termasuklah kemusnahan harta benda yang terpaksa diperbaiki ataupun diberi ganti rugi, merendahkan/mengurangkan kualiti tanah. Tanah tidak boleh lagi digunakan untuk tujuan pertanian, mengancam kehidupan puluhan ribu golongan petani, kemusnahan hidupan laut dan tumbuhan bakau sama ada sengaja atau tidak yang telah mengancam bekalan ikan untuk keperluan rakyat, di samping menyebabkan hakisan pantai. Ia mengancam sumber pendapatan para nelayan, mengurangkan sumber makanan tempatan dan menjamu rakyat dengan pertambahan kos mengimport makanan dari negara jiran.

Para petani dan nelayan merupakan golongan yang telah sedia miskin, ditambah pula dengan bencana yang dicipta sendiri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan golongan ini lebih tertindas. Pihak kerajaan pula terpaksa mengeluarkan sejumlah besar peruntukan sebagai membantu keluarga-keluarga ini. Kemusnahan pelbagai sumber semula jadi yang banyak menyumbang dalam aktiviti perdagangan dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan menjejaskan kehidupan mereka ini. Kemusnahan sumber kajian terutamanya, kajian dari segi perubahan seperti flora dan fauna yang terdapat di hutan, dari apa yang telah terjadi dewasa ini jika tiada kesedaran, maka kemusnahan ini

akan terus berlaku dan sumber-sumber kajian semestinya terhapus sebelum ditemui oleh para pengkaji.

Pihak berwajib seharusnya menghalang individu-individu yang hanya mementingkan keuntungan tanpa mengambil kira kebajikan dan kepentingan pihak lain termasuk alam sekitar daripada terus mencerooboh dan memusnahkan khazanah kebanggaan negara, sekali gus mengancam kepesatan ekonomi negara. Pembangunan seharusnya dirancang dengan bersistem untuk memastikan keperluan dan kehendak, berjalan seiringan.

Telah dibuktikan di mana jua bahawa pemuliharaan alam sekitar yang telah musnah memakan kos yang sangat tinggi berbeza dengan pemeliharannya. Oleh yang demikian, adalah lebih bijak sekiranya kita mengambil jalan memelihara apa yang telah tersedia untuk kita daripada mengeluarkan belanja yang besar untuk memperbaiki keadaan. Sebagai contoh, dalam bulan Februari lepas, Jabatan Perairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan RM21 juta untuk membiayai projek pembersihan Sungai Pinang. Projek ini dijangka siap dalam jangka masa lima belas bulan.

Seperti mana yang diketahui umum negara kita mempunyai lebih banyak lagi sungai yang telah tercemar. Kita boleh menjangka berapa pula jumlah yang patut dibelanjakan untuk memulihara sungai-sungai yang telah tercemar ini. Sungai merupakan sumber utama air di negara kita, sumber penting untuk kegiatan pertanian, industri dan juga keperluan domestik seperti memasak, mandi, minum dan lain-lain.

Kerajaan Negeri Selangor - Selangor termaju. Kerajaan Negeri Selangor telah bercadang untuk menswastakan pengurusan sungai dan perairan di negeri tersebut namun ia bukanlah cadangan yang bijak kerana penswastaan ini tidak akan dapat membantu dalam menjimatkan perbelanjaan pembiayaan pengurusan sungai, malah ia menuntut kepada kos yang sangat tinggi berbanding pentadbiran yang sedia ada. Rakyat adalah diharapkan lebih bertanggungjawab dalam memelihara alam sekitar, dan ini merupakan satu tuntutan dalam menjalankan aktiviti perdagangan antarabangsa.

Perdagangan balak negara sedang mengalami risiko kerana Malaysia telah gagal dalam melaksanakan undang-undang pembalakan dengan lebih tegas. Ini telah menyukarkan pihak penguasa untuk mengekalkan kepercayaan terhadap industri balak negara. Akhirnya hasil balak dari Malaysia telah diboikot seterusnya telah memusnahkan perniagaan semua pengusaha termasuk mereka yang sentiasa akur kepada peraturan dan undang-undang industri pembalakan. Hal ini juga telah menjejaskan pendapatan negara di mana jumlah cukai yang dikutip semakin berkurangan.

Setelah memerhatikan beberapa lama proses pembangunan dalam negara, kami berpendapat bahawa rancangan pembangunan yang tidak teratur, golongan keutamaan untuk meraih untung besar, amalan rasuah yang meluas dan kecuaiian dari segi pemantau adalah punca utama kerosakan alam sekitar.

Benarkan saya mengambil dua contoh, apa yang berlaku baru-baru ini. Pertama ialah bau busuk seperti najis dalam air yang dibekalkan ke rumah-rumah di Petaling Jaya (PJ). Ada pihak yang mengatakan ini akibat paras ammonia yang terlalu tinggi. Mengapa dan bagaimanakah perkara ini boleh berlaku? Bukankah ia boleh mengancam kesihatan? Adakah peringatan dan penjelasan awal telah diberi?

Ada pula yang mengatakan bahawa ia disebabkan oleh pelepasan kotoran dari kilang sawit dan juga tempat ternakan binatang termasuk khinzir yang berdekatan. Bagaimanakah ini dibenarkan? Tidakkah pemantauan dan penguatkuasaan dilakukan?

Kedua ialah keadaan banjir kilat yang telah menimpa beberapa tempat di sekitar Shah Alam. Shah Alam! Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam. Banjir ini bukan ... *[Menoleh ke tempat duduk Yang Berhormat Hulu Langat]* Bagus...banjir? YB tidak kena, baguslah!

Banjir ini bukan sahaja mengakibatkan kesesakan jalan raya, tetapi lebih serius lagi kerugian besar mangsa-mangsanya akibat barang-barang yang rosak ataupun musnah. Bukan sahaja orang yang berpendapatan rendah, bahkan orang yang berkedudukan tinggi pun menanggung rugi. Ada yang cuba mengatakan banjir berpunca dari parit tersumbat kerana pembuangan sampah oleh penduduk, ada yang mendakwa dan ini terbukti tidak

tepat, ia disebabkan oleh air pasang yang berlaku bersama hujan lebat, bahkan ada yang menerangkan ia akibat dari penghakisan tanah tinggi berdekatan yang dilakukan oleh projek untuk projek perumahan.

Kami mendesak supaya dalam kedua-dua kejadian ini, siasatan yang bebas serta bertanggungjawab dilakukan. Punca sebenar mestilah dicari, langkah-langkah berkesan mesti diambil supaya dapat dihindar daripada berlaku lagi pada masa-masa yang hadapan. Rakyat sudah bosan mendengar keterangan-keterangan yang bertentangan dan juga tuduh menuduh di antara kementerian, Kerajaan Pusat, Exco, kerajaan tempatan dan badan-badan tertentu. Kami bukan mahu mencari salah, kami cuma mahu supaya kerajaan benar-benar prihatin tentang soal penjagaan alam sekitar supaya rakyat tidak menderita.

Saya bawa masuk ke dalam isu tahanan di bawah ISA.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tangga Batu bangun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, lama pandang saya tu.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, nampaknya saranan-saranan Yang Berhormat tadi ditujukan kepada negeri-negeri yang menjadi mangsa kepada banjir kilat. Adakah saranan Yang Berhormat itu sama ditujukan kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang juga mengalami masalah banjir ini pada setiap tahun dan seolah-olah berjumpa dengan kebuntuan untuk menyelesaikan masalah banjir. Kerajaan Negeri Kelantan, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ya. Saya saran ini kepada semua kerajaan yang bertanggungjawab tetapi Kerajaan Negeri Kelantan kalau dahulunya menang di Terengganu, ditarik balik itu bukan. Tidak acilah macam itu, tidak boleh. Kalau ada dan mempunyai, kerajaan itu mesti diberikan apa yang sepatutnya mereka dapat dan baru itu dinilai seperti mana kami juga wakil rakyat pembangkang tidak diberi peruntukan. Selepas itu kata kita tidak tahu membuat kerja. Itu tidak adil. ISA, tahanan di bawah *Internal Securities Act*. ISA merupakan satu medium kejahatan yang diguna pakai untuk menindas mana-mana pihak yang membantah sekali gus melumpuhkan barisan pertahanan parti pembangkang di negara ini.

Pistiwa 11 September boleh diibaratkan sebagai alasan untuk pihak kerajaan menjadikan ISA sebagai hukuman bagi merealisasikan harapan dunia dalam memerangi keganasan. Di Mahkamah Indonesia beberapa individu telah dijatuhkan hukuman atas dakwaan merancang dan melakukan serangan keganasan. Segala tindakan dan hukuman yang dijatuhkan atas pesalah-pesalah ini adalah berdasarkan bukti. Namun, apa yang kita alami di negara Malaysia yang tercinta ini berlainan pula halnya. Terdapat individu-individu ditahan di bawah ISA atas dakwaan menjadi ejen gerakan keganasan walaupun rakyat Malaysia tidak pernah mengalami serangan-serangan seperti mana yang dialami oleh rakyat Indonesia.

Kerajaan Malaysia sebaliknya telah menahan individu-individu ini selama empat tahun dan sesetengahnya ada yang lebih tanpa mendatangkan apa-apa bukti untuk menyabitkan mereka dalam kes keganasan yang tidak pernah henti digembar-gemburkan. Saya menyatakan hal ini kerana sekiranya mereka benar-benar didapati bersalah bersama bukti, sudah tentu individu ini telah pun dibicarakan di mahkamah. Empat tahun merupakan masa yang cukup lama untuk pihak kerajaan menjalankan siasatan sama ada mereka benar-benar merupakan perisik pengganas atau sebaliknya.

Penahanan untuk jangka masa yang panjang ini boleh kita namakan sebagai ketidakadilan dan lebih tepat lagi kekejaman kepada individu yang ditahan, sekali gus keluarga mangsa tahanan. Mereka ini ada anak, mereka ini ada isteri, ada keluarga, ditahan tanpa bukti, kadang-kadang hendak bertemu susah, dan hidup mereka mestilah dilihat sebagai warganegara Malaysia juga. Sama, semua mesti diberi pembelaan. Jika salah, bicarakan. Kalau tidak, bebaskan. Setuju dengan tanggapan pihak luar di mana Malaysia merupakan salah satu destinasi persembunyian agen pengganas antarabangsa. Kerajaan Malaysia tanpa menoleh lagi telah menyahut malah menyokong kenyataan ini.

Dengan memerangi pegganas menggunakan ISA demi menterjemahkan bahawa negara Malaysia benar-benar memerangi keganasan. Sampai bila kita harus terus mengikut arus pemikiran barat terutamanya, Amerika Syarikat dalam isu keganasan ini.

Sudahlah kita bukan lagi dianggap sebagai negara Islam, malah kita bakal menjadi sebuah negara yang mudah mengalah, mudah menurut perintah dan lebih buruk lagi mudah dijajah. Bukankah lebih baik jika pihak kerajaan mengambil perhatian serius terhadap kebajikan dan kekebalan suara rakyat daripada menjadikan rakyat sendiri mangsa kepada propaganda politik pihak luar. Pusat Tahanan Guantanamo Bay yang terdapat di Amerika Syarikat semakin hari semakin terkenal dengan kekejamannya. Pihak umum tidak sekali-kali dibenarkan untuk mengetahui mahupun menjejaki apa yang dilakukan terhadap tahanan. Baru-baru ini Perdana Menteri kita telah bersama-sama menyertai satu rundingan berkenaan dengan Pusat Tahanan Guantanamo Bay. Dalam ucapan beliau telah membuktikan bahawa penghuni-penghuni pusat ini telah diberi tekanan berat dan menyanakan kepada pihak Kerajaan Amerika Syarikat untuk menghentikan operasinya. Tindakan yang dilakukan oleh Perdana Menteri sememangnya patut dipuji.

Namun, alangkah cantiknya jika cadangan berani ini dikemukakan kepada pusat tahanan Kamunting yang terdapat di negara kita sendiri di mana tidak dapat disangkal lagi terdapat terlalu banyak persamaan dengan Pusat Tahanan Guantanamo Bay, di mana semua tahanan ditahan secara rambang tanpa bukti dan usul periksa. Dihukum sewenang-wenangnya tanpa perbicaraan, diberikan tekanan fizikal dan mental, ditahan di tempat yang bersembunyi dan tidak boleh dimasuki oleh orang awam.

Jadi tahanan ISA kita di mana isterinya tidak boleh keluar mencari nafkah sampai merempat. Bukan ini kerajaan yang prihatin. Kalau suaminya salah, hadapkan ke mahkamah, carikan bukti. Empat tahun lama. Janganlah kita zalim terutama kepada rakyat kita sendiri.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Mengenai ISA. Tujuan utama ISA di negara kita ialah untuk memelihara keselamatan negara. Tadi Yang Berhormat telah memberi banyak komen mengenai aspek negatif *about* ISA. Apakah pendapat Yang Berhormat terhadap negara-negara yang sedang dan sudah ada akta-akta yang serupa dengan ISA yang di negara kita, yang bertujuan untuk orang kata apa dengan izin, *anti-terrorism*. Sebagai contoh di British, kita ada satu *drafting law* untuk *anti-terrorism*. Amerika pun sama.

Mengapa Yang Berhormat tidak memberikan sedikit gambaran ataupun sedikit penjelasan mengenai negara-negara yang kononnya praktis demokrasi yang teragung di dalam dunia ini masih mereka menggunakan satu akta yang mirip kepada ISA untuk mempertahankan keselamatan negara dan juga keselamatan rakyat mereka.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat bagi Puchong. Ya, mereka pun diberikan perdebatan. Mereka ada debat dalam negara mereka. Britain dan juga Amerika memang berdebat. Apakah *Patriot Act* itu diperlukan? Apakah mereka dalam segi demokrasi masih menyempit? Kita ada warisan ISA ini daripada Britain dan bila ISA ini telah berlalu begitu lama, sepatutnya kita lebih baik. Kita sekarang ini tidak ada...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Akan tetapi asasnya masih tahanan tanpa bicara, sama juga.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ya, memang. Saya memang....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Mengapa Yang Berhormat kisah?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya bangkitkan juga.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Jangan kita mengelirukan rakyat kita. Kalau boleh Yang Berhormat mesti *fair*. Komen Yang Berhormat mesti *fair*. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Betul. Saya memang komen fair. Saya kata bahawa Guantanamo Bay itu kita kompelin atau kita mengecam, sama juga dengan ISA kita. Itu yang *point* saya. Kalau hendak katakan mereka itu pengganas, empat tahun tidak ada lagi bukti menghadapkan mereka ke mahkamah. Cari betul-betul. Memang saya faham bahawa kita ada masalah ataupun *concern security*. Ya, di negara kita yang dikatakan aman, damai semua ini tangkap. Yang Berhormat tidak kena.

Kalau Yang Berhormat kena, baru Yang Berhormat rasa. Kami yang pergi tengok mereka. Mereka yang dalam tahanan. Itu yang saya rasakan keprihatinan kita ini dalam negara kita ini, mesti kita rasa rakyat kita di bawah, yang mana yang kena. Kalau dia memang jahat, ya hadapkan dan hukum mereka, tidak apa tetapi yang tidak bersalah? ISA merupakan bentuk undang-undang yang kuno, ketinggalan zaman yang tidak seharusnya masih diguna pakai oleh masyarakat millennium seperti kita. Ianya bercanggah dengan prinsip-prinsip keadilan dan hak asasi manusia. Ia juga merupakan satu ancaman kepada reputasi negara di mata dunia. Malah, pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di negara kita juga turut menyarankan agar ISA dihapuskan. Namun, cadangan ini telah ditolak. Di situ wujudnya pepatah....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, minta sedikit bolehkah tidak?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tidak payah, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya? Tidak, ini baik ya. Tidak bergaduhlah. Tidak boleh *noo*?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya hendak bincang tentang habis ISA.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sikit pun tidak boleh *noo*?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tidak boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak apalah... [Ketawa]

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Dia nak cakap pasal wanita... [Ketawa] Sekali lagi wanita seluruh dunia, menyambut Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac yang lalu. Hari tersebut memberi peluang bagi dunia meraikan kejayaan yang telah dicapai. Bagi hak persamaan dunia dan bagi menilai cabaran-cabaran yang masih ada. Hak istimewa itu juga memberi peluang menimbang langkah-langkah membawa kepada hak persamaan bagi wanita dalam segala kepelbagaian.

Walaupun Perlembagaan telah mengiktiraf *gender* sebagai perkara yang tidak wajar dijadikan faktor diskriminasi, jurang masih wujud antara undang-undang dan realiti kehidupan wanita. Banyak isu lepas seperti keganasan, kemiskinan dan perdagangan wanita belum diselesaikan. Dan hari ini, semakin ramai wanita bersama dalam pasaran pekerja. Menjana, menjaga keluarga dan terlibat dalam komuniti masing-masing. Namun, halangan-halangan masih wujud. Halangan-halangan ini membuatkan wanita tidak dapat mencapai potensi yang ada dalam diri mereka.

Sebagai sebuah kerajaan yang mengaku mengamalkan demokrasi, kredibiliti sistem politik Malaysia bergantung kepada asas, sama ada kepentingan rakyat Malaysia diwakili oleh wakil-wakil yang dipilih. Adakah situasi 9%, tiga menteri wanita daripada 32, wanita dalam Kabinet, atau 7%, 16 Ahli Parlimen wanita daripada 219. Wakil wanita dalam Dewan Rakyat mewakili 54% jumlah penduduk yang merupakan wanita. Peratusan yang rendah itu sudah tentu tidak dapat mewakili kepentingan dan kepelbagaian wanita, dan keperluan serta kebimbangan mereka.

Ini jelas dapat dilihat dalam proses meluluskan pindaan Rang Undang-undang Keluarga Islam 2005 dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Mungkin ada yang bertanya, apakah nilai tambah yang wanita boleh beri kepada proses politik? Dan mengapa ahli politik lelaki tidak boleh mewakili wanita seperti mana wakil wanita? Sebagai contoh, di Amerika Syarikat. Pengamal undang-undang wanita lebih cenderung kepada isu-isu wanita dan berkaitan keluarga dan kanak-kanak.

Terdapat *consensus* umum kalangan pakar-pakar bahawa ia memerlukan satu *critical mass* wanita untuk membawa kesan perubahan yang ketara. Peratusan bagi *critical mass* tersebut ialah sekurang-kurangnya 40% perwakilan wanita. Pada kadar yang sedia ada, *critical mass* ini mungkin akan mengambil lebih 200 tahun lagi bagi ia menjadi kenyataan.

Saya ingin mencadangkan agar perkembangan hak persamaan wanita dipantau dengan dekat dan mencapai ke sasarannya melalui gender *mainstreaming*. 'Mengarusperdanakan' gender terhadap segala polisi-polisi yang digubal. Dalam bahasa mudahnya bermakna, meletakkan perspektif hak persamaan *gender* di dalam polisi-polisi arus perdana. Peluang memang dibuka kepada semua tetapi ia mungkin sukar bagi semua mendapat peluang tersebut secara saksama.

Konsep ini sebenarnya mengiktiraf bahawa tidak semua kumpulan atau individu-individu dalam masyarakat mendapat akses yang sama dalam merebut peluang-peluang yang ada. Bagi memastikan semua kumpulan mendapat akses secara saksama terhadap perkhidmatan dan kemudahan, polisi-polisi utama perlu mengambil kira akan perbezaan kemampuan wanita dan lelaki mendapat akses kepada kemudahan yang disediakan oleh polisi utama. Statistik akan menunjukkan bahawa wanita dan lelaki tidak mengakses perkhidmatan dan kemudahan dengan kadar atau cara yang sama. Sebagai contoh, jika di bandar-bandar, 63% lelaki mempunyai lesen memandu berbanding dengan 46% wanita.

Ini bermakna, wanita lebih bergantung kepada pengangkutan awam berbanding lelaki. Mereka akan menaiki pengangkutan awam ke hospital, sekolah, kedai-kedai dan lain-lain tempat. Lihat dari perspektif persamaan gender dalam polisi pengangkutan awam, bermakna mempertimbangkan penyediaan pengangkutan awam bukan untuk tempat kerja sahaja tetapi juga untuk ke tempat lain-lain untuk kemudahan awam yang akan dilawati oleh wanita serta mengambil kira ciri-ciri keselamatan bagi wanita. Sungguhpun banyak seruan pada persamaan gender telah dibuat, wanita masih ketara. Sangat sedikit diwakili dalam kerajaan, parti-parti politik dan lain-lain institusi.

Saya nak masuk dalam badan kehakiman....

Tuan Yang di-Pertua: Lama kah lagi?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tak, sikit sahaja lagi, *last*. Badan kehakiman di negara ini sudah lama terhakis kreadibilitinya. Hakim dan mahkamah sering sekali didapati tidak bertindak dengan berwibawa. Bebas daripada kuasa politik dan wang. Keadaan ini bertambah buruk sejak kes perbicaraan Anwar Ibrahim, dan ada pihak yang merasa gembira kerana mulai melihat tanda bahawa hakim dan mahkamah mulai bertambah berwibawa selepas Anwar bebas. Malangnya, keadaan belum pulih lagi. Kita mempunyai bangunan besar dan indah sebagai istana keadilan. Malangnya, istana sahaja yang tersergam tetapi keadilan tidak jelas kelihatan.

Keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan tentang rayuan Tun Daim Zainuddin dalam kes *Metramac*, dan juga kes *Highland Towers* yang melibatkan ramai terkorban menimbulkan banyak tanda tanya. Dan juga ingat bahawa ada dua kes melibatkan hakim iaitu Hakim Eusoff Chin dan juga Hakim Hamid Omar. Kes-kes itu, senyap sahaja. Kita nak tahu apakah disenyapkan supaya rakyat lupa bahawa mereka mempunyai kes terhadap mereka. Seterusnya sering diperkatakan tentang kes mahkamah yang tertangguh bertahun-tahun. Salah satu alasan yang sering diberikan ialah kekurangan hakim. Tetapi satu lagi faktor yang kami lihat, ialah, proses perjalanan mahkamah itu sendiri terlalu perlahan.

Sebabnya ialah kerana bantuan tenaga dan alat yang disediakan untuk membantu hakim ketika menjalankan kes dalam mahkamah hampir tidak wujud. Tidak ada kerani atau pencatat yang boleh menolong mencatat apa yang diperkatakan oleh semua pihak dalam satu-satu kes. Selain dari itu, tidak ada alat semasa seperti komputer yang digunakan oleh hampir semua mahkamah. Oleh yang demikian, hakim sering terpaksa mencatat sendiri segala-galanya dengan tulisan tangan. Ini mengambil masa yang panjang. Lagi pula, ia tidak memberi peluang sepenuhnya untuk hakim mengikuti secara bebas dan teliti segala yang diperkatakan dalam mahkamah dan melihat segala gerak geri, saksi umpamanya.

Saya terkejut kerana pada pertama kali masuk mahkamah, saya melihatkan bahawa proses mahkamah itu. Hakim kadang *through spell*, hanya dua, tiga kali melambatkan proses. Melambatkan proses. Macam mana kalau kes yang tertunggak itu? Kadangkala, ada kes ditangkap dulu, masuk reman. Bila keluar kes, 4 tahun sudah berlalu, didapati tidak bersalah. 4 tahun dah duduk dalam penjara. Kalau budak? Kalau dalam pendidikan? Disamakan, disatukan dengan mereka yang jadi *hard core criminals*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti melihat dan membuat satu formasi dalam hal-hal ini.

Kami ingin mencadangkan supaya setiap hakim dan mahkamah yang mengendalikan kes besar dan penting, hendaklah diberikan kemudahan kakitangan, pembantu dan juga alat-alat yang canggih. Dengan demikian, banyak masa akan dapat diselamatkan dan lebih banyak kes dapat diselesaikan cepat. Kami tidak ingin melihat beratus-ratus juta ringgit dibelanjakan hanya untuk membina istana keadilan yang bertaraf antara bangsa dalam abad moden. Sebaliknya, tidak ada pula bantuan atau kemudahan yang diberikan kepada hakim, sehingga suasana atau prosedur merekod atau menjalankan kes kelihatan beku di peringkat kampung, dan seolah-olah masih pada zaman pertengahan lagi.

Kami berharap sungguh-sungguh, supaya perkara ini diperbaiki segera. Sebelum saya akhiri, saya ingin ada satu soalan yang saya nak tujukan satu kemusykilan apabila kita ada Istiadat Parlimen dibuka pada hari Isnin yang alu. Saya dapati, kenapa Parlimen dihiasi dengan bunga sehari selepas Istiadat pembukaan yang dijalankan oleh ke bawah Duli Yang di-Pertuan Agong? Bunga-bunga itu saya kira kalaulah ada masanya, sepatutnya menyambut ketibaan ke bawah Duli dan juga semua pemimpin Kabinet, Perdana Menteri dan semua Kabinetnya dan juga kedutaan asing. Sayangnya, bunga-bunga itu menghiasi hanya sehari selepas Parlimen dibukakan. Jadi, saya nak akhir dengan satu patah, janganlah kita, gajah di depan mata tak nampak, tetapi kuman di seberang menjolok mata. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut menyokong Usul Terima Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong pada Perasmian Sidang Dewan Rakyat, pada hari Isnin yang lalu. Sebelum itu, izinkan saya ucapkan tahniah di atas sambutan ulang tahun Tuan Yang di-Pertua pada hari ini. Mudah-mudahan dipanjangkan umur dimurahkan rezeki, keluarga Tuan Yang di-Pertua sentiasa sihat walafiat.

Saya hendak menyentuh beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali yang telah disentuh oleh Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan pelaksanaan sistem penyampaian ataupun *delivery system* di negara kita ini, supaya dapat melihat kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat. Semalam kita telah dihidangkan dengan perasmian Sukan Komanwel iaitu sukan yang kedua terbesar selepas Sukan Olimpik dalam penuh warna-warni yang disiarkan secara langsung daripada Melbourne, Australia.

Tentu sahabat saya bertanya kenapa saya menyebut tentang perkara sukan Melbourne ini? Kerana hari ini saya terbaca dalam akhbar *Berita Harian*, Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Azalina dilarang masuk ke kampung sukan. Bukankah ini imej negara kita? Orang tidak akan baca dalam isi kandungan, orang akan baca kepalanya dulu Tuan Yang di-Pertua, kenapa ini berlaku? Bukankah ini ada kaitan dengan *delivery system*? Kalau betul larangan, kawalan ketat keselamatan di kawasan perkampungan tempat penginapan atlet, kenapa seorang menteri negara kita yang membawa imej negara kita tidak dibenarkan Masuk? Bukankah ini menjejaskan imej kontinjen, nama baik menteri yang kita pilih dalam pilihan raya yang mendapat mandat daripada Perdana Menteri?

Kenapa ini berlaku, di mana silapnya? Sudah tentu pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dan tanggungjawab. Ini kena kepada menteri Tuan Yang di-Pertua, bayangkan menteri. Kalau betul ada larangan ketat keselamatan, menteri hendak melawat atlet kita di sana, sudah tentu ada pegawai yang akan menyampaikan maklumat, memberi pandangan dan nasihat kepada menteri kita. Ini laporan yang kita terima di negara kita, laporan di luar negara kita belum tahu. Itulah yang saya hendak kaitkan dengan sistem

delivery. Jangan mengatakan bahawa kita sengaja mengada-ngada untuk berkonfrontasi dengan pegawai-pegawai.

Ini contoh yang terdekat saya bawa supaya kita dapat memperbetulkan sebab saya difahamkan, Menteri Belia dan Sukan ini Tuan Yang di-Pertua, sering juga ke Australia. Jadi sudah tentu tidak asing kepada pihak berkuasa di Australia. Bagaimana perkara yang kecil ini boleh berlaku? Seorang menteri yang pergi ke sana untuk memberi motivasi, ini wanita ini, wanita. Tadi, tidak silap saya Permatang Pauh mengatakan wanita tidak begitu mendapat tempat, ini pemimpin wanita ini. imej kita di negara luar. Kalau ini boleh berlaku di peringkat menteri, bayangkan di peringkat di bawah-bawah, peringkat akar umbi.

Maka sebab itu, saranan Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri kita sendiri supaya pelaksanaan sistem ini mestilah dilaksanakan sebaik mungkin. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya kira apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi adalah mungkin sebagai contoh-contohnya daripada banyak lagi kes-kes yang saya kira terselindung. Ini ibarat *the iceberg theory* yang nampaknya itu hanya di permukaannya, yang di bawahnya itu barangkali banyak lagi isu-isu yang lain. Saya kira ini amat memalukan, di mana seorang menteri kita tidak dilayani, tidak mendapat tempat tidak masuk ke kampung sukan ini. Barangkali di mana perginya pegawai-pegawai kita yang ada sama dari segi protokolnya?

Saya kira perlu ada sesuatu tindakan tetapi bukan hanya tindakan yang bersifat reaktif sahaja tetapi satu tindakan yang lebih bersifat jangka panjang, proaktif. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, itu yang saya katakan tadi saya bagi contoh. Kalau kita katakan mereka ini pergi bercuti, katakanlah bercuti atau ber *shopping*, kita akan dimarahi tetapi mesti ada sebab kenapa ini boleh berlaku? Ini kebetulan apa yang disiarkan oleh media. Terima kasih kepada media. Ya sila, Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih sahabat bagi Larut. Saya hendak meleleh air mata Tuan Yang di-Pertua, dengar menteri tidak dibenarkan masuk. Mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat tadi, saya ingin bertanya, apakah nasib malang yang menimpa Menteri Belia dan Sukan kita di negara Australia ini berpunca daripada satu reaksi tindak balas pegawai-pegawai kerajaan, di atas sikap menteri yang tegas dan agresif, bila mana membicarakan soal *delivery system* dan sebagai padah ke atas kecekapan menteri ini maka pegawai-pegawai kerajaan yang ditugaskan untuk mengatur program beliau, acara beliau di pesta sukan tersebut, *in another word*, disabotaj. Apakah dia bermaksud demikian Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Kita harap tidak timbul sabotaj, mungkin keselesaan mereka bekerja. Ya lah! Macam birokrasi, bila saya cakap birokrasi main pas-pas ini, pegawai itu kata dia, dia kata kepada orang itu, orang itu kata dia. Saya 17 tahun bekerja dengan Menteri Besar, sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua di atas, saya tahu sangat pentadbiran. Ini saya bercakap pengalaman saya, saya bercakap atas pengalaman saya.

Ini mungkin kita lihat sebagai perkara kecil tetapi ini imej. Tuan Yang di-Pertua, kita belum lagi masuk gelanggang sudah tewas awal-awal. Menteri pergi hendak bagi motivasi kepada atlet kita. Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang baru ada di sini. Sila ambil laporan betul-betul, buatlah sesuatu tindakan. Bukan kita hendak sengaja hendak menegur sesuatu, ini benda yang berlaku. Itu belum lagi kita hendak menyebut soal pelaksanaan di peringkat Kementerian Belia dan Sukan yang begitu luas, 40% rakyat di negara kita ini adalah generasi muda. Saya belum lagi hendak sebut tentang program pembangunan sukan, program belia, banyak yang begitu luas tetapi inilah contoh yang ingin saya bawa berdasarkan apa yang berlaku untuk kita sama-sama lihat dan tindakan dapat segera diambil. Itu contoh yang pertama.

Satu lagi contoh Tuan Yang di-Pertua, yang berlaku bagaimana dalam bandar Taiping, kawasan bekas ibu negeri Perak bandar yang tertua. Bandar yang banyak sejarah warisan. Saya ringkaskan tiba-tiba, bangunan indah dinaikkan dalam bandar Taiping yang kebetulan berhampiran dengan tempat perniagaan kecil-kecilan orang bumiputera yang berniaga untuk menyahut saranan seruan kerajaan dasar ekonomi baru, wujud kononnya dikatakan bangunan untuk menjadi tempat sarang burung. Wallahualam burung apa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Biasalah apa nama Kemaman, burung layang-layanglah kononnya ini satu pasaran baru sedangkan kita sedang dihimpit dengan ketakutan kebimbangan *bird flu*. Sepatutnya, ini perlu dilihat bukan perkara kecil dalam kawasan bandar. Belum lagi saya hendak sentuh tentang kenaikan harga minyak, kemungkinan harga barang, kesempatan yang diambil oleh mereka yang ingin mengaut keuntungan. Inilah sistem yang selalu kita tekankan.

Kami wakil rakyat tidak mahu hendak bermusuh dengan sesiapa kita mahukan kerjasama, sokongan daripada pegawai-pegawai kerajaan setinggi-tinggi hingga serendah. Saya sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya berkawan daripada *office boy* sampai peringkat yang paling atas kerana *office boy* ini pun penting. Kalau surat kelulusanlah katakan budak pejabat ini tahan dan simpan, tidak akan sampai.

Jadi saya berharap, saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini kita tidak lama lagi akan masuk kepada Rancangan Malaysia Kesembilan. Bayangkanlah untuk tempoh yang telah ditetapkan kalau ini tidak dapat kita selesaikan jangan haraplah apa juga dasar sistem yang kita perkenalkan kalau tidak ada *solution* nya sudah tentulah ia tidak akan membawa apa-apa makna kepada kemajuan negara kita ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya, sahabat saya pun bersetuju. Tidak apa, sabar, sabar Yang Berhormat, sahabat saya, buatlah kerja elok-elok. Ya, silakan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Tadi Yang Berhormat bagi Larut ada menyatakan bahawa *delivery system*, jadi saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah kerajaan sekarang telah menyiapkan ataupun telah ada satu kertas kerja ataupun pelan tindakan yang berkaitan dengan menambahbaikkan sistem penyampaian pada peringkat *local* ataupun peringkat bawahan yang boleh kita jadikan sebagai panduan bagi setiap kementerian ataupun setiap jabatan dan juga KPI. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Saya ingat kebanyakan ketua-ketua jabatan sudah faham sudah tahu sangat kerana mereka terdiri daripada pegawai PTD. PTD yang terdiri daripada pelbagai bangsa, bukan hanya satu kaum. Ini kita kena perbetulkan fakta nanti disalah anggap pula. Mereka kena tahu tanggungjawab. Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sering menghadiri Mesyuarat Tindakan Daerah.

Mesyuarat Tindakan Daerah untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang turut hadir, dahulu ada mesyuarat, jalan, sekarang ini dia ada kuorum hanya ketua-ketua jabatan yang boleh hadir, yang boleh diwakili hanya Timbalan Ketua Jabatan berkenaan. Begitu seriusnya arahan daripada atas kepada Mesyuarat Tindakan Daerah tetapi masalahnya kita buat keputusan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, katakanlah tentang menentukan projek-projek pemilihan Kelas 'F' buat keputusan tetapi tidak diikuti. Baru-baru ini pula, tidak tahulah di tempat lain di kawasan saya hendak kira cabut undi, kontraktor ada 100 katakan, projek cuma ada katakan 20, bayangkan.

Kadang-kadang keputusan telah dibuat terpaksa bulan yang ke depan pula, mesyuarat yang akan datang pula baru hendak dibincangkan lagi, sampai bila hendak selesai sedangkan keputusan telah diambil. Yang mempengerusikan mesyuarat itu ialah pegawai daerah. Jadi, saya pun tidak tahulah kalau pegawai daerah sendiri tidak dihormati siapa lagi pegawai yang hendak dihormati oleh jabatan-jabatan yang lain. Inilah masalah yang timbul yang boleh menyukarkan kepada kita untuk memperkukuhkan lagi pentadbiran pelaksanaan program pembangunan terutama sekali apabila menjelang pelaksanaan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mac yang akan datang.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagi Puchong kemudian Kuala Terengganu.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Mengenai Mesyuarat Tindakan Daerah memang saya mempunyai satu pengalaman yang lebih dahsyat daripada Yang Berhormat. Saya tidak tahu itu arahan dari mana yang menyatakan bahawa setiap ketua jabatan mesti menghadiri ataupun sekurang-kurang timbalannya kena hadir tetapi di Mesyuarat Tindakan Daerah Petaling meliputi kawasan saya biasanya ketua-ketua jabatan tidak datang dan mereka hanya menghantar pegawai-pegawai yang pangkat rendah dan bila sesuatu keputusan hendak buat mereka kata, "Oh, saya tidak tahu.

Ini saya akan rujuk kepada ketua saya ataupun mengambil masa yang lama untuk memberi keputusan." Dan, lepas itu Mesyuarat Tindakan Daerah yang kedua, ketiga pun tidak ada jawapan. Apakah komen atau apakah cadangan Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini supaya proses pembangunan kita terutama di akar umbi tidak akan terjejas. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, kesianlah Yang Berhormat, saya pun simpati kepada Yang Berhormat bagi Puchonglah. Saya rasa mesti ada satu penyeragaman maknanya diseragamkan semua seluruh negara. Jadi, mungkin di sini saya hendak mencadangkan kepada Ketua Setiausaha Negara supaya dapat melihat perkara ini, kepada jabatan yang berkenaan supaya satu sistem dapat diselaraskan. Saya akui dengan apa yang telah disebutkan oleh Puchong tadi memang tidak datang ketua jabatan, yang datang pun kadang-kadang bukan timbalan. Bila kuorum tidak cukup, kita tidak boleh buat mesyuarat bayangkan kita berada di Parlimen, kadang-kadang mesyuarat di sana. Itulah....

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, sila Pontian, lepas itu Kuala Terengganu.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ter *miss* ini, Kuala Terengganu dahulukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pontian dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak apalah bagi Pontian dahulu, lepas itu nanti saya bagi Kuala Terengganu. Pusingan yang kedua kepada Kuala Terengganu.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Saya turut bersetuju bahawa Ketua Setiausaha Negara perlu melihat tentang kurangnya komitmen ataupun keyakinan untuk pegawai penting menghadiri mesyuarat-mesyuarat seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Puchong tadi tetapi Yang Berhormat, dalam masa yang sama kita juga didedahkan tentang adanya arahan-arahan dan juga pekeliling-pekeliling yang saya anggap sudah lengkap. Arahan nombor 1 2004, lengkap dari segi kaedah hendak bermesyuarat di peringkat negeri, dari segi kaedah hendak mengadakan mesyuarat di peringkat daerah sehingga ke peringkat yang paling akar umbi.

Apa pandangan Yang Berhormat, adakah kita agaknya lemah dari segi *political will* ataupun keinginan untuk melihat perancangan-perancangan itu menjadi satu kejayaan kerana rata-rata yang kita kerap hadapi masalah ialah kerana tidak memenuhi peraturan yang sudah di pelanggaran peraturan. Yang sering kita hadapi ialah soal kesilapan dalam mentafsir arahan-arahan yang mana penyalahgunaan kuasa kita sudah lihat tindakan diambil, surat tunjuk sebab, potong gaji dan sebagainya pelbagai tindakan diambil.

Jadi Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju ataupun Yang Berhormat ada cadangan untuk memastikan arahan-arahan pekeliling dalam bentuk pekeliling ataupun apa juga satu bentuk kaedah dapat diperkenalkan untuk memastikan ianya ada *accountability*. Tidak buat *somebody must be responsible*, dengan izin.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, itu bukan berupa ucapan, terima kasih daripada Pontian. Macam saya katakan tadi kita serah, kita minta kepada Ketua Setiausaha Negara melihat perkara ini kerana di peringkat negeri dan daerah ada masalah juga. Masing-masing hendak jadi *boss*, dengan izinlah, jadi ini timbul masalah.

Jadi ini timbul masalah, yang akan jadi mangsa kita wakil rakyat. Dia ini kata dia ini, dia ini kata dia itu. Jadi timbul masalah, kita berharaplah supaya bos yang paling besar Ketua Setiausaha Negara yang berjaga kaitan kerajaan hampir RM1 juta ini dapat melihat perkara ini yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan kita tadi. Ini amat besar Timbalan Tuan Yang di-Pertua, mungkin kawasan Timbalan Tuan Yang di-Pertua pun terlibat sama. Saya tolong sampaikan sahajalah bagi pihak Timbalan Speaker, sila Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih rakan saya dari Larut. Saya juga merasakan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat adalah sesuatu yang cukup serius. Ianya mempersoalkan dari segi kewibawaan dari segi integriti, dari segi kredibiliti pentadbiran, pengurusan dan *delivery system* ini sendiri. Saya kira ini adalah merupakan perkara yang cukup serius. Sekiranya perkara ini berlarutan, saya kira banyak masalah berbangkit akan timbul terutamanya apabila kita hendak melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat apakah punca masalah ini bertitik tolak daripada sistem nilai. Barangkali kita sudah agak mengabaikan *the value system* amanahnya, serdipnya, telusnya, barangkali elemen-elemen nilai ini sudah terabai, terhakis. Barangkali kita sudah terlalu mirip kepada materialisme kebendaan, lalu terabai nilai-nilai ini. Kita tidak dapat menafikan seperti mana rakan saya yang sebut bahawa cukup banyak pekeliling-pekeliling perkhidmatan yang ada. Kita ada KMK misalnya, kita ada KPI, kita ada sasaran kerja. Macam-macam sudah ada dalam sistem kita ini. Kenapa dia tidak beroperasi seperti mana yang kita harapkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dahulu dalam jabatan kerajaan, dalam Jabatan Pendidikan mungkin itulah yang dialami oleh Yang Berhormat. Ini sudah berlaku sebab itu kita minta supaya sebelum Rancangan Malaysia Kesembilan ini bermula iktibarkan apa yang telah berlaku sebelum Rancangan Malaysia yang hendak kita buat yang baru ini. Kita jadikan sebagai iktibar di mana sistem-sistem yang sudah tidak boleh guna pakai bahagian komponen enjin-enjin ini perlu kita segera ganti yang baru bukan *overhaul* lagi, tidak boleh digantikan yang baru. Kalau tidak sampai bila Tuan Yang di-Pertua tidak ada penghujungnya, *solutionnya* mesti ada. Kerana ini sudah berlaku.

Itulah yang hendak kita sarankan. Kalau tidak sampai bila kita akan berada dalam keadaan yang serupa dengan masalah yang kita hadapi daripada pembangkang sudahlah. Balik-balik cerita yang sama, modal yang sama. Jadi marilah kita melihat perkara ini dengan tindakan yang lebih cepat sebelum ia menjadi parah kerana pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah tentu mempunyai satu misi *vision* yang amat besar menjelang tahun 2020.

Kita berharap dengan nasihat ini, bukan teguran nasihat sebenarnya supaya kita, bukan orang lain, kita yang akan dapat nikmatnya. Sebagai penggubal dasar, kita hanya

boleh meluluskan rang undang-undang, tetapi pelaksanaannya ialah terletak kepada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai di bawah. Jadi kalau kita seiring ke arah kiblat tujuan yang sama insya-Allah masalah ini dapat kita atasi. Kita kurangkan birokrasi, kita kurangkan *red tape*, saya tertarik dengan keberanian wanita juga. Menteri Pembangunan Wanita kita yang baru-baru ini mengatakan bahawa beliau telah mengarahkan kelulusan untuk bantuan kebajikan diluluskan dengan segera dalam tempoh, kalau tidak silap saya tidak sampai sebulan...

Seorang Ahli: Dua minggu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dua minggu? Dua minggu Tuan Yang di-Pertua. Hari ini masanya saya tidak boleh hendak sebut. Baru-baru ini saya menghadiri satu mesyuarat Majlis Kebajikan Daerah, merayu. Kalau kita hendak bercakap macam dalam Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua, memang tidak berjalan. Merayu, supaya masalah kebajikan orang-orang kampung ini yang sepatutnya dapat bantuan, perlindungan itulah orang yang sepatutnya dapat pertimbangan dan kelulusan. Mereka kena turun ke bawah. Kalau Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen sudah tentu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sanggup turun ke bawah, pegawai-pegawai kerajaan juga kena buat sedemikian rupa seiring kerana kita memerlukan di antara satu dengan yang lain. Barulah masalah ini dapat diterjemahkan sebaik mungkin. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam soal dwi sistem ini bukan perkara yang mesti dilihat sebagai ringan.

Ini begitu serius dan kita berharap ia dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Saya hendak pergi kepada soal yang sedang kita hadapi pada hari ini iaitu masalah kenaikan harga minyak. Kawan-kawan saya dan ramai rakan telah menyentuh. Cuma saya hendak beri sedikit cadangan selain berjimat, kempen berjimat dapat kita perluaskan lagi terutama daripada Kementerian Kesihatan beritahu kepada rakyat apa barang-barang makanan yang perlu dari segi sudut kesihatan supaya masyarakat faham. Jangan pakai main hentam ambil sahaja. Kemudian tentang cadangan cukai jalan kepada pengusaha pengangkutan awam ini yang kebanyakan terlibat terutamanya operator bas pekerja atau bas kilang dikurangkan bagi memerangi kesan kenaikan harga minyak. Kalau boleh kita perlu kaji sama ada pendapat bahawa setiap sesi bas yang memasuki negara kita ini dikenakan cukai sebanyak 30% dan cukai jalan sebanyak 10% diberikan subsidi untuk mengurangkan beban mereka. Itu sebagai satu pandangan. Kemudian saya juga berharap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ketereh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik apabila sebut fasal cukai jalan. Dahulu di negara kita ini orang pakai diesel, kerana minyak dia murah, cukai jalan mahal. Cukai jalan itu mahal untuk diesel murah dari petrol. Maka termasuklah saya, saya ada satu kereta diesel, beli kereta diesel kerana kos hari-hari murah, cukai jalan mahal. So, kita bayar setahun mahal, tetapi *operating* kos murah tetapi sekarang ini, *operating cost* sudah sama mahal.

Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan, kerajaan sudah buat sedikit baru ini, cuma cc ke bawah 2000 supaya kereta yang besar-besar lagi, kereta diesel ini banyak besar-besar sebab dia kereta kampung, masuk kampung. Di Sabah banyak kereta diesel supaya cukai jalan ini sekarang ini minyak sudah hampir sama antara petrol dengan diesel. Jadi cukai jalan patut biarlah *proportionate*, dalam bahasa Inggeris dengan izin, biar *proportionate* supaya rakyat dapat rasa naik di sini, ada turun di sini, ada pilihan, terima kasih. Boleh Yang Berhormat masukkan dalam cadangan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Itu satu pandangan baik. Cuma hendak tanya, Yang Berhormat ada berapa banyak kereta? Semalam gas..., alhamdulillah ini hasil dasar ekonomi baru, tidak boleh kita pertikaikan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Satu gas, satu diesel. Dua sahaja, isteri satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, isteri pakai satu kereta.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, alhamdulillah, Tuan Speaker.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Satu kereta dipakai oleh isteri, satu kereta dipakai oleh saya. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini Dasar Ekonomi Baru, nikmat. Saya hendak menyentuh sedikit tentang masalah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kalau bolehlah pandangan-pandangan... *[Disampuk]* Maksud saya itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada banyak lagi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau boleh diizinkan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sebelum beralih kepada Rancangan Malaysia Kesembilan... *[Ketawa]* berkenaan dengan soal kenaikan harga minyak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ada menyarankan supaya kita mengamalkan cara hidup berjimat cermat, kita berhempah dalam soal berbelanja sebagai satu cara untuk mengelak daripada peningkatan inflasi negara.

Jadi pada pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat pada waktu ini berpuas hati dengan usaha-usaha untuk mengamalkan budaya jimat cermat. Dulu-dulu kalau kita tengok bila kerajaan cuba memperkenalkan sesuatu pendekatan, media khususnya media elektronik dan media cetak begitu berperanan sekali. Bermacam-macam kempen dibuat oleh kerajaan, TV memainkan peranan. Iklan-iklan yang secukupnya selalu keluar.

Akan tetapi akhir-akhir ini, bila soal kenaikan minyak walaupun saya kurang menonton televisyen tetapi rakan-rakan sendiri pun tidak ada menggambarkan kerapnya ataupun adanya iklan-iklan yang menunjukkan, contoh mungkin Yang Berhormat bagi Larut tidak payah pergi sarapan pagi, pukul 10, mungkin pukul 11 terus makan tengah hari dan sebagainya sebagai cara menjimatkan perbelanjaan begitu. Cara hidup itu berubah sedikit... *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Indera Mahkota kata Tanglin, kita tidak payah sarapan pagi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasihlah. Saya pun selalu makan ini sebab Yang Berhormat yang ajak saya. Kalau tidak, saya pun tidak berapa makan. Tengah hari saya tidak makan lagi, Yang Berhormat. Ya, itu satu pandangan.

Seperti yang saya katakan tadi, kempen Kementerian Kesihatan ataupun kementerian yang berkaitan supaya dapat diperhebatkan lagi supaya penyampaian kefahaman itu kepada rakyat kita. Mungkin kita kurangkan segmen ataupun program-program yang tidak relevan lagi pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua tetapi, anehnya Tuan Yang di-Pertua, kalau saya baca dalam laporan hari ini, orang bersungut tentang kenaikan harga minyak tetapi SMS yang kita belanja hampir RM3 bilion. Cubalah kalau duit SMS itu tadi dapat kita jimatkan untuk menampung subsidi kenaikan harga minyak ataupun keperluan-keperluan lain kan baik. Inilah kempen-kempen yang perlu. Kita cuba ubahkan *mindset* masyarakat dan penonton kita.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu yang kita tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Muar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila Yang Berhormat bagi Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih kepada harga minyak sebab dia sebut tentang SMS. Kebetulan itu soalan saya, 21 bilion sebenarnya penggunaan SMS kalau kita ambil 10 sen betullah RM2.1 bilion tetapi kalau yang 50 sen mungkin lebih. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Larut, perlu ada perbelanjaan berhempah dan kita sebagai pengguna mempunyai kemampuan untuk menentukan yang mana perlu didahulukan, yang mana perlu dikemudiankan.

Cuma atas isu minyak, saya ada sedikit cerita. Di tempat saya, bila saya jalan-jalan tengok barang, contoh harga minyak Sri Murni 5 kilogram, di Muar lebih murah daripada Kuala Lumpur. Apabila saya tanya peniaga ikan, dia kata, "Yang Berhormat kalau hendak murah, beli ikan tong. Kalau hendak mahal, beli ikan segar". Dan harga pada dia tidak ada kena-mengena dengan minyak. Dia kata harga ikan bergantung kepada berapa banyak ikan naik. Jadi peniaga pun tahu, harga barang tidak bergantung kepada harga minyak. Dia kata kalau musim tengkujuh, ikan tidak banyak, maka mahal.

Cuma Yang Berhormat, saya hendak beri cadangan kepada Yang Berhormat kalau boleh dicadangkan kepada kerajaan. Mereka ada mengadu sedikit yang dia terasa bukan harga minyak tetapi harga tong gas, sebab harga tong gas ini orang kampung dia pakai tiap-tiap hari. Tiap-tiap pagi dia masak di rumah, tengah hari dia masak di rumah dan malam dia masak di rumah. Jadi kenaikan walaupun RM5 atau RM4 sebulan, kepada orang kampung dia terasa.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, boleh tidak kerajaan menimbangkan jikalau boleh naikkanlah harga diesel dan petrol, tetapi boleh tidak dipertimbangkan untuk harga gas ini diteruskan subsidi sebab yang gunanya orang kampung. Kita setuju harga minyak petrol dan diesel mungkin dimanfaatkan lebih kepada orang yang berkereta besar tetapi tong gas untuk orang kampung. Saya hendak tanya Yang Berhormat tahu tidak agak-agak berapa banyak penjimatan tong gas ini yang kerajaan jimatkan? Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Saya akan maklumkan kepada menteri yang berkenaan supaya ambil tindakan segera. Ini masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap soal kesempatan yang akan diambil oleh peniaga-peniaga untuk menaikkan harga barang dan sebagainya tetapi masalahnya kuat kuasa untuk bertindak. Kalau sudah laporan diberi sama ada penggunaan SMS dan sebagainya, tetapi tindakan tidak diambil, ini akan menimbulkan kurang minat daripada orang ramai untuk terus memberi laporan kerana mereka mengatakan sudah buat aduan tetapi tidak ada tindakan.

Ini menimbulkan masalah. Jadi kita berharaplah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya segera mencari satu formula bagaimana masalah ini dapat dibanteras. Kita banyak timbulkan masalah tentang siswazah yang menganggur ini, mungkin kita boleh gunakan mereka, keperluan-keperluan mereka sementara kita menghadapi masalah ini, wujudkan konsortium, lantik mereka ini untuk sama-sama membantu kita. Kita boleh buat, Telekom buat untuk mengutip bil tertunggak. Kita cadang TNB pun buat begitu juga. MARA hendak buat sekarang. Jadi apa salahnya, ini satu peluang kepada pemegang ijazah yang tidak ada pekerjaan. Itu saya kata tadi *delivery system* kita di mana untuk menggerakkan perkara ini...

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak puas lagi? Sila kali kedua.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Puas... [Ketawa] Itu sudah betul itu. Saya hendak cakap bila Yang Berhormat sebut *delivery system* sebab tadi saya terlepas. Saya ada satu pandangan juga sama ada kita boleh atau tidak menggunakan kaedah ini yang mana di negara-negara maju, contoh banyak digunakan apabila sesuatu permohonan itu

dibuat, tidak dijawab dalam tempoh masa tertentu dikira lulus. Contohnya di Australia. Dia ada perkara yang kita boleh buat di sini, tidak semua benda boleh dibuat, Yang Berhormat.

Contoh macam kalau kita menghantar prospektus untuk diluluskan oleh SC, dia ambil masa berbulan-bulan dari segi FICnya. Jadi tempoh masa berbulan-bulan ini dari segi penyampaian, satunya lewat, nombor dua boleh berlaku rasuah sebab ia sengaja dilewatkan. Boleh tidak kita buat macam Australia umpamanya, satu bulan lepas kita hantar, dia tidak jawab, dianggap lulus.

Kalau di Singapura pula, kalau ada aduan yang keluar di surat khabar dalam masa tiga hari tidak berjawab, maka aduan itu dikira benar. Boleh tidak kita di Malaysia, kerajaan memikirkan bagaimana, satu, dua perkara yang tidak perlu hendak tunggu surat lulus sebab benda itu memang tidak perlu. Tanggungjawab adalah kepada pemohon. Jadi boleh tidak kita cadangkan kalau kerajaan sudah bersedia menggunakan kaedah ini supaya masyarakat tahu, satu bulan hantar, awak jawab atau tidak jawab, kira lulus...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, itu sebahagian daripada ucapan saya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Bila Yang Berhormat sebut fasal *delivery system*, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, saya ada cerita saya sendiri. Saya Pengerusi Pertubuhan Peladang kawasan Ketereh. Kita memohon...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebelum itu, Yang Berhormat, minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua kalau bab cerita.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tidak, tidak, pendek sahaja, hendak minta penjelasan. Hendak tengok *how good is the delivery system and how bad is the delivery system* supaya Dewan yang mulia ini dengar.

Dia hendak pinjam 3F kerana hendak pelihara lembu. Maka 3F ini kena buat kertas kerja pergi ke Bank Pertanian. Bank Pertanian kata mesti dapat kebenaran daripada MOA. Ini ada pegawai-pegawai daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, ini, tolong beritahu menteri, tolong beritahu di MOA Incorporated. Kemudian bila hantar ke Kuala Lumpur, orang Kuala Lumpurnya, MOA kata tidak boleh, kena minta sokongan daripada Jabatan Pertanian, hantar balik ke Jabatan Pertanian. Duduk di Jabatan Pertanian itu empat bulan. Bila tanya balik kenapa duduk empat bulan? Jawapan daripada pegawai, "Saya tidak boleh dapat tanda tangan pengarah saya. Pengarah saya sibuk bermesyuarat. Tidak sempat lagi."

Minggu lepas saya mengamuk sedikitlah, "Ini sudah setahun setengah macam mana ini tidak boleh jawab 3F ini? "Bukan jawab boleh atau tidak boleh, boleh hantar ke tidak boleh hantar dahulu? Akhirnya baru hantar hari Isnin lepas. Hantar hari Isnin lepas, tidak tahulah apa lagi hendak jadi, baru hantar kepada *Ministry of Agriculture Incorporated* ini untuk dihantar kepada Bank Pertanian untuk diluluskan.

Semua bumiputera, orang kampung hendak pelihara lembu. Akhirnya gunakan peruntukan yang Tan Sri Muhyiddin bagi untuk pelihara lembu. Bagi RM25,000 tetapi sayangnya bila pergi ke Jabatan Haiwan RM25,000 ini Yang Berhormat in *delivery system*, kononnya buat kandang, buat kandang harga RM12,000, bila Pertubuhan Peladang pergi *check* harga kandang ini cuma RM7,000 sahaja RM12,000 habis tengah jalan. Lepas itu *supply* 7 ekor lembu. Sepatutnya lebih RM12,000 itu dapat 12 ekor lembu tapi dia bagi 7 ekor lembu sebab lembu yang diberi itu lembu yang telah besar tidak boleh gemuk. Akhirnya tidak berjaya program. Itu *delivery system* yang ada. Saya minta Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, saya pun Pengerusi Peladang juga. Tadi saya hendak masuk, Yang Berhormat timbul dahulu, itu pun saya hendak sentuh. Inilah masalahnya, satu lagi Tuan Yang di-Pertua kita mesti rumah-rumah PPRT, rumah rakyat termiskin, kita kena *check* balik kontraktor-kontraktor yang

mengambil keuntungan ini. Bahan yang *spec* yang sepatutnya diguna pakai tidak diikuti. Orang miskin manalah dia tahu sangat, bahan-bahan yang hendak digunakan dia bukan kenal *tiles*, *marble* ke apa, dia tidak kenal dia terus masuk rumah.

Jadi saya minta kepada kerajaan supaya melihat mereka yang bertanggungjawab tentang pembinaan rumah-rumah miskin ini, supaya jangan ada kontraktor yang mengaut keuntungan daripada projek, perlaksanaannya projek rumah termiskin ini. Sama ada yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara ataupun Kementerian Perumahan dan sebagainya. Sebelum saya hendak benarkan, saya hendak sentuh sedikit tentang pandangan sahabat tadi...

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Satu saya hendak cadang kepada semua kementerian tentang *delivery system* ini, buat *directory*, senaraikan nombor telefon mulai hari ini saya minta senaraikan nombor telefon pegawai-pegawai kerajaan. Kita sekarang ada *handphone*, *SMS*, orang boleh *SMS*. Jawablah sekurang-kurangnya orang hendak tahu kalau berlaku bencana alam, apa hendak buat? Kalau barang naik, boleh hubungi Menteri Pengguna ini okeylah, dia pun datang, terima kasihlah. Ya, dia bertindak, kita pun kasihan juga kadang-kadang dia pun terima ancaman kita tahu. Dedahkan apa nama, senaraikan nombor telefon supaya mudah kita hendak buat aduan, hendak melaporkan perkara-perkara yang berlaku supaya senang hendak bertindak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lagi tentang apa ini sekarang. Sudah banyak cadangan yang dikemukakan. Kalau boleh Yang Berhormat beralih kepada tajuk yang lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, orang Johor Tuan Yang di-Pertua, okey selepas ini saya beralih kepada tajuk yang lain.

Seorang Ahli: ...Ada lagi, kalau tiada lagi kita berhenti *here* lah? [*Dewan riuh dengan ketawa*]

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi ada membangkitkan tentang soal projek perumahan rakyat termiskin, perumahan yang di bina oleh Syarikat Perumahan Negara. Yang Berhormat maklum tidak, bahawa kadang-kadang perancangan kita ini separuh masak. Rumah mesra rakyat sebagai contoh Yang Berhormat, RM 37,000 untuk 700 kaki persegi, 3 bilik. Itu satu rancangan yang dibuat oleh kerajaan, malu perancangan kita ini kalau kita uar-uarkan rumah mesra rakyat, rakyat menderita. Tidak terima rakyat terus tidak ada rumah. Ini terlanjur ada peluang, dapat pinjaman untuk buat rumah sekadar pinjaman RM37,000, bayar kalau tidak silap saya RM70 sebulan.

Satu peluang keemasan Yang Berhormat, tapi RM37,000 Yang Berhormat tidak boleh buat rumah yang telah dia tentukan. *You* tidak boleh buat rumah cara lain Yang Berhormat tapi itulah yang ada. Jadi kenapa, kerajaan membuat satu perancangan yang itu saya kata tadi awal separuh masak. Kenapa tidak dipinjamkan terus RM45,000, untuk menampung kos infrastruktur? Ha, ini pun kontraktor ada sedikit 1% untuk mereka. Jadi Yang Berhormat ini juga salah satu daripada perkara yang saya anggap boleh membantu kerajaan untuk memastikan perancangan itu mendapat kejayaan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Insinyur daripada Pontian itu satu pandangan, cadangan yang baik. Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh tentang pendidikan, ini amat penting. Baru-baru ini MARA, saya sebelum itu saya hendak sebut desas desus sedikitlah masalah di kawasan saya ini. Projek Institut Pengajian Tinggi MARA, pilihan raya kita umum sudah tolak tanah apa semua sampai hari ini jabatan itu kata begini, jabatan itu kata begini. Saya pun tidak faham, patut tender keluar awal tahun ini, tender belum keluar. Baru ini terima kasihlah pada Ketua Pengarah MARA yang sudi menerima apa itu *SMS* saya dan juga Timbalan, menyatakan insya-Allah tender akan dikeluarkan secepat mungkin sebelum bulan lima atau bulan Jun ini. Itulah keadaannya, jadi timbul pelbagai masalah.

Tentang yang disebutkan tadi memang saya setuju sangatlah. Jadi saya berharap tentang masalah pendidikan itu tadi MARA, saya tidak setuju ini pandangan saya. Tidak

setuju ibu bapa yang berhutang anak menjadi mangsa, dapat biasiswa ataupun pinjaman. Apakah kita perlu menghukum, menidakkan peluang anak-anak Melayu kerana bapanya berhutang? Banyak cara kita mengutip hutang, umpamanya membawa ibu bapa berkenaan ke mahkamah atau ialah itu terpulanglah, siarkan nama mereka, itu mungkin agak apa sikitlah, tapi kalau sudah terpaksa daripada kita menghukum dengan menghentikan bantuan pinjaman tersebut. Kerana kita mesti memikirkan kecemerlangan keputusan anak mereka ini, yang kita tahu baru-baru ini satu keputusan yang telah kita capai cukup cemerlang.

Kita hendak melihat lebih ramai lagi pelajar seperti Amelina, seperti yang baru ini di daerah Kerian iaitu Adi Putera sebagai contoh. Cuma selain apa yang telah digambarkan oleh Menteri Pelajaran baru ini tentang peruntukan banyak, berbilion hendak disediakan. Kita mestilah lihat tentang keciciran, masalah keciciran itu Tuan Yang di-Pertua, yang mana kalau berdasarkan statistik yang ada pada saya ini jumlah besar pelajar tercicir adalah 45,378 orang. Kalau mengikut UPSR tahun 2000 memang tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketereh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, sila.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat sebut fasal pendidikan, saya cukup tertarik fasal pendidikan ini. Saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat dan Dewan ini iaitu pertamanya jurang perbezaan antara luar bandar dan bandar adalah terlalu jauh berbeza. Kita bercakap soal mutu pendidikan, Yang Berhormat, ini saya hendak bacakan statistik kepada Yang Berhormat dan kepada Dewan ini. Daripada 5,789 buah Sekolah Kebangsaan, 4,036 adalah berada di luar bandar, 1,453 merupakan sekolah kurang murid, 309 merupakan sekolah bantuan modal, 651 merupakan sekolah dua sesi, 1,414 tidak mempunyai bekalan air awam, 768 tidak mempunyai bekalan elektrik 24 jam dan 1,988 masih belum mempunyai makmal dan bilik komputer.

Jadi apa makna kita umum bilion-bilion kalau jurang ini terlalu beza, terlalu jauh. Saya minta Yang Berhormat mencadangkan supaya statistik yang ada ini diambil tindakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan supaya mutu pendidikan kita bertambah baik. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Ketereh. Ketereh boleh sambung lagi dalam ucapan perbahasan nanti. Saya hendak sebut di sini dalam akbar *News Strait Times*, yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengatakan bahawa kadar keciciran yang tinggi ialah di kalangan Orang Asli. Boleh dikurangkan jika mereka menetap di kawasan yang mempunyai kemudahan pendidikan yang sempurna. Itu Timbalan Perdana Menteri sudah sebut. Soalnya sekarang, kita mesti cari jalan hendak menyelesaikan masalah ini. Tidak boleh lagi timbul setiap kali kegagalan ini masalahnya, mesti ada solution.

Sebab itu tentang pelajar yang tercicir ini selain daripada peruntukan yang telah disediakan, kalau saya sebut banyak Tuan Yang di-Pertua, kumpulan sasarannya ialah Orang Asli yang terlibat. Sebab kalau kita tengok di sini persoalan pelajar yang tercicir tidak semestinya bodoh atau lembap tetapi kemungkinan mereka tidak berminat dalam bidang akademi. Bagaimanapun ada kemungkinan pelajar yang tercicir itu mempunyai lain seperti sukan, kemahiran, melukis, muzik dan teknikal. Jadi, kita mesti melihat perkara ini kalau mereka tidak berminat dalam akademi.

Di negara maju seperti Jerman, Perancis dan Sweden, ini Kuala Terengganu boleh, ye! Dah keluar. Ia bekas pengarah pendidikan yang dahulu. Perancis dan Sweden, sistem pendidikan mereka berlandaskan kemahiran dan pengurusan dari peringkat rendah, menengah sehingga ke universiti. Maknanya pelajar yang meminati bidang kejuruteraan atau muzik sejak berumur 7 atau 8 tahun, mereka berpeluang mengikuti program yang disediakan sejak dari peringkat rendah sehingga peringkat Ph.D sekalipun. Sepatutnya sistem pendidikan negara yang berorientasikan pendidikan British perlu diubahsuai dalam menyediakan pelajar yang pakar dalam bidang yang disukai sebelum memulakan kerjaya masing-masing selepas tamat pengajian. Budaya pakar perlu diterapkan dari sekolah lagi. Sama juga dalam bidang sukan. Pelajar didedahkan sebagai seorang pemain sukan yang

serba boleh dan berilmu sebelum beralih menjadi pemain yang profesional. Ini perlu kita lihat.

Dalam bidang pendidikan terdapat tujuh hingga sembilan kecerdasan yang boleh dikembangkan, tetapi jika dilihat dalam sistem pendidikan negara sebahagian besar kecerdasan yang ditumpukan ialah kecerdasan akademi. Banyak lagi kecerdasan yang boleh diterokai seperti kecerdasan, emm banyaklah. Kalau saya sebut berkaitan dengan anggota badan, bersukan atau reka cipta kecerdasan bahasa, menulis, *public speaking*, kecerdasan kreatif, seni bina, muzik, lukisan, kecerdasan matematik. Jadi, jika Kementerian Pelajaran mengeksplotasikan setiap kecerdasan itu sudah pasti keciciran pelajar boleh dikurangkan seminimum yang mungkin. Saya mintalah kepada Kementerian Pelajaran melihat masalah ini, tentang keciciran ini mungkin juga berlaku di Tumpat dan di tempat-tempat yang lain.

Kisah tentang Adi Putera ini iaitu seorang kanak-kanak pintar yang lahir di antara satu dalam sejuta. Kepintarannya memang luar biasa dalam bidang matematik. Biarpun zahirnya ia seperti kanak-kanak lain, namun kelebihanannya sungguh menakjubkan. Dia terlalu hebat dalam pengiraan. Yang lebih menarik ialah dia lahir di Malaysia, sebuah negara Islam yang pesat membangun menjadi negara maju. Persoalannya, adakah perlu pelajar kecil istimewa ini dimomokkan dengan segala macam mata pelajaran sedangkan mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sudah memadai kerana apa yang diperlukan ialah pengkhususan dalam bidang yang diminatinya. Inilah masanya untuk berkorban dalam melahirkan seorang pelajar Malaysia yang bakal menjadi pakar rujuk matematik dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diikuti banyak saya hendak sentuh lagi. Oleh kerana memandangkan rakan-rakan pun tidak sabar, saya hendak mengucapkan tahniah di atas pemilihan angkasawan di Rusia. Saya ada gambarnya dan saya bangga.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Larut sebentar yang sebut tentang anak pintar kita ini, Adi Putera. Apakah pandangan Yang Berhormat sebab sekarang ada satu kekurangan dalam sistem pendidikan kita iaitu untuk kanak-kanak pintar cergas. Kita tidak ada ruang dan sistem pendidikan untuk mereka ini. Mungkin kalau dicari gali diselidik lagi mungkin ada ramai lagi anak-anak kita di kampung, di bandar dan di luar bandar, di Sabah dan Sarawak yang sepintar ini, yang tidak mendapat pendedahan. Kita ada kelas pemulihan iaitu anak-anak kita yang tercicir. Kita ada kelas-kelas untuk biasa sahaja, normal sahaja tetapi anak-anak pintar cergas ini tidak ada ruang dan kesempatan mereka.

Saya cadangkan satu sistem harus digubal untuk anak-anak yang pintar cergas ini, *accelerated educated*, dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat tentang cadangan ini agar tidak membazir tenaga-tenaga mahir yang dimiliki oleh anak-anak? Saya hendak tanya satu lagi kepada Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat dalam sistem kita ini yang tidak memanfaatkan, yang disebut sebagai *multiple intelligent*, yang Yang Berhormat sebut tadi tu. Dari segi *IQ* nya, *EQ* nya, *AQ* nya, *emotional intelligent* nya. Ini satu lagi yang saya kira agak tidak diberi keutamaan dalam sistem kita. Apa pandangan Yang Berhormat kalau kita dengan secara serius mencadangkan agar kemahiran berfikir kritis dan kreatif ini diberi tempat yang sewajarnya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, itu boleh dijadikan sebahagian daripada ucapan saya jugalah. Terima kasih Yang Berhormat kerana orang yang pernah berada dalam Kementerian Pelajaran. Mungkin Yang Berhormat tidak sempat buat dahulu kita akan buat sekarang. Terima kasih... [Ketawa]

Jadi, saya mintalah supaya angka-angka statistik yang telah disebutkan tadi macam Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut di kawasannya sendiri di Pahang pada tahun 2000 hingga 2004 di mana daripada 5,128 anak Orang Asli yang menamatkan pengajian tahun 6, hanya 2,204 orang yang meneruskan pendidikan ke sekolah menengah.

Kajian Suruhanjaya Hak Asasi Manusia atau SUHAKAM, pula menunjukkan peningkatan kadar keciciran di kalangan pelajar lelaki di peringkat sekolah rendah yang sentiasa meningkat ini perlu kita lihat. Jadi, begitu juga pandangan Tan Sri Raman Narayana, Pesuruhjaya SUHAKAM memaklumkan seramai 10,695, ini pecahan murid lelaki sekolah rendah seluruh negara tercicir dalam pendidikan. Pada tahun 2003 meningkat berbanding 8,213 pada tahun 2001.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bab akhir sekali saya hendak menyentuh tentang sukan sikit yang mana sukan ini kita mesti lihat menjana pendapatan ekonomi. Malaysia hari ini terkenal walaupun tadi saya menyebut tentang peristiwa yang telah diambil oleh Menteri Belia dan Sukan tetapi kita tidak menafikan bahawa Malaysia hari ini terkenal dengan penganjuran sukan di peringkat antarabangsa. *Formula One* tidak berapa hari lagi akan kembali balik bergema di litar Sepang kita. Sudah tentu ini akan menjana banyak lagi pendapatan ekonomi negara dari segi pelancongan.

Begitu pun Tuan Yang di Pertua, saya sekali lagi ingin mengulangi kepada Kementerian Kewangan, kalau bolehlah, *tax exemption* ini kepada badan-badan korporat yang berminat untuk menaja pelbagai persatuan sukan hari ini dapat dilaksanakan. Seperti di negara-negara maju yang lain di Korea dan Jepun, mereka ini apabila menaja badan-badan sukan mengikut apa yang mereka hendak. Katalah contoh kita ada badan-badan korporat seperti TNB. Kalau ia ingin menaja pasukan bola sepak, sebagai contohnya diberikan *tax exemption*.

Ataupun kita sebut badan lain seperti Telekom, yang ingin menaja Persatuan Ragbi sebagai contohnya. Kita berikan *tax exemption*. Ini Yang Berhormat bagi Arau mungkin setuju. Di negara-negara lain sudah buat. Apa salahnya kita galakkan *tax exemption* ini supaya kita dapat menggalakkan lagi penglibatan semua pihak dalam industri sukan yang semakin berkembang, yang memberikan satu pendapatan yang besar kepada negara-negara yang terlibat dalam bidang ini. Ini kerana banyak negara hari ini berebut-rebut untuk menganjurkan sukan Komanwel, sukan Olimpik, sukan Asia, sukan peringkat benua dan sebagainya.

Akhir sekali Tuan Yang di Pertua, saya dengan rasa rendah diri ingin menyatakan rasa penghargaan yang amat sangat kepada Yang di-Pertuan Agong yang telah sudi berangkat mencemar duli untuk merasmikan Persidangan Dewan Rakyat kita baru-baru ini. Semoga keberangkatan baginda akan terus memberi satu semangat lebih dalam kita memikul tanggungjawab bagi bangsa, agama dan negara.

Dengan itu saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin.

4.20 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bersama-sama dengan rakan-rakan dalam mengucapkan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia.

Kita lihat daripada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada kali ini, bagaimana dengan rakan-rakan yang telah ramai berbahas dan juga mencelah, perkara yang amat penting yang telah dikemukakan oleh Duli Yang Maha Mulia ialah berkenaan dengan *delivery system* kerajaan kita pada hari ini. Pada hari ini kita lihat ramai kawan-kawan tadi sudah beri contoh-contoh mengenai permasalahan yang sedang berlaku dan sentiasa akan berlaku kalau tidak ada kita yang mengambil sesuatu tindakan.

Tetapi bagi saya, ia harus berubah daripada yang atas sekali, Tuan Yang di-Pertua. Di peringkat KSU, di peringkat kementerian kita lihat banyak perkara yang telah kita putuskan juga di dalam Dewan yang mulia ini, sebagai contoh Bajet 2005. Kita tahun pada tahun 2005 Kementerian Pertanian mendapat satu bajet yang amat besar. Orang kampung menunggu, wakil-wakil rakyat yang mewakili kawasan kampung pun seronok bercakap dengan orang kampung-orang kampung menunggu tetapi sepanjang tahun 2005, apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa yang dihasratkan oleh kementerian tidak dapat dilaksanakan walaupun bajet ini sudah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya difahamkan bahawa apabila kementerian menghantar kepada EPU, EPU tidak lepaskan duit. Siapa ini EPU? Kalau di Dewan yang mulia ini sudah diluluskan dia boleh *hold* lagi, bagaimana keadaannya?

Begitu juga ada contoh lagi yang paling besar, yang pernah dikemukakan dalam Mesyuarat Kabinet berkenaan dengan elaun telefon pegawai-pegawai penyiasat polis dikemukakan kepada Kabinet. Kabinet luluskan RM200 sebulan elaun telefon kepada pegawai-pegawai penyiasat polis tetapi apabila hendak dilaksanakan, apa yang telah diputuskan oleh Kabinet pun boleh berubah. Diubah tinggal RM50 sahaja diberikan kepada polis. Tidakkah dia fikir bahawa anak dia sendiri pun, anak kita ini yang bersekolah rendah, bersekolah menengah, dengan RM50 *handphone* pun tidak cukup, ini apatah lagi pegawai polis! Itu contoh lagi.

Sebagaimana yang telah saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan buruh asing telah membuat keputusan bahawa pekerja-pekerja India dibenarkan masuk ke dalam negara ini, bekerja di sektor restoran. Keputusan telah diambil, hanya mereka ini boleh diambil sebagai tukang masak dan tukang cuci kerana kepakaran nasi-nasi mamak dengan adanya kaskas ini orang Malaysia tidak berapa reti, maka kita import daripada India. Yang membasuh pinggan, yang mencuci di belakang dapur orang Malaysia jijik dan tidak hendak buat kerja ini, maka kita luluskan buruh asing datang daripada India tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat restoran-restoran yang banyak ada di seluruh negara, nasi kandarkah atau nasi apakah, boleh dikatakan seratus peratus daripada tukang masak, tukang hidang, tukang pelayan termasuk *manager*, termasuk kerani juga di *setongkoli* atau pun dipelopori oleh semua warga-warga asing ini.

Ini keputusan Kabinet. Jawatankuasa Kabinet punya keputusan pun dilanggar! Kadang-kadang saya terfikir, yang mana satu *government servant*, siapa yang jadi *government*? Siapa yang jadi *servant*, tetapi malangnya kita pada hari ini oleh kerana kita hendak mendaulatkan bahasa Malaysia, bahasa Melayu kita tidak sebut "Amah *government*". Tidak. Kita sebut pegawai kerajaan. Jadi, siapa yang pegawai? Siapa yang kerajaan, yang mana lebih berkuasa?

Saya minta maaf, saya terpaksa kemukakan ini kerana saya lihat keadaan ini sudah bertambah teruk. Ada di antara mereka tidak menghormati menteri. Minta maaf. Saya pernah terdengar di telinga saya, saya naik panas, Tuan Yang di-Pertua. Seheinggakan dia mengatakan, "*Minister can come and go, government officers stay*", kata dia.

Jadi saya hendak minta melalui Dewan ini, perkara ini kita kena betulkan. Kalau sudah menteri pun dia tidak berapa hormat, timbalan menteri main jauh-jauhlah. setiausaha Parlimen lagilah. Inilah yang berlaku dalam negara kita ini.

Hari ini kita mengharapkan dan bercakap, "*Delivery system, delivery system*"...

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Gombak.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin kerana memberikan laluan kepada saya. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, bagaimana perkara ini boleh berlaku dalam sistem pentadbiran kita, yang kita tahu bahawa dari segi eksekutif yang tertinggi adalah menteri dan pegawai kerajaan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi adalah *servant* ataupun sebagai *implementor* kepada apa yang telah diputuskan. Bagaimana keadaan ini boleh berlaku? Boleh dapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, ini sepatutnya mereka kena faham. Kemungkinan hari ini INTAN tidak memainkan peranan yang sewajarnya memberi kursus-kursus kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan di mana tempat mereka. Kadangkala pula kita lihat yang kena *reshuffle*, yang kena tukar Menteri, berpusing ke

kementerian lain tetapi bagaimana peringkat yang atas - KSU ini. Kalau menteri pun kena *reshuffle*, saya berharap akan datang kerajaan pun kena *reshuffle* mereka ini. Jangan letak dia terlampau lama di sesuatu kementerian sehingga dia sudah bermaharajalela. Maharajalela, Tuan Yang di-Pertua. Ada orang minta saya contoh, tetapi saya kira tidak perlu saya beri contoh. Mungkin Dewan semua faham sekarang ini. Faham? Jadi kalau sudah terlampau lama ini yang selalu berlaku.

Jadi kita berharaplah, kadang-kadang kita tengok hari ini Ketua Pembangkang ke depan. Bila dia sebut menteri, asal sikit dia hentak menteri. Menteri rasuahlah, integriti tidak adalah, itulah, ini tidak ada. Eh, tetapi yang buat kerja banyak pegawai kerajaan. Tidak pernah pula dia sebut, marah-marah pegawai kerajaan. Saya kesian teman-teman saya yang menjadi menteri ini. Saya kesian, Tuan Yang di-Pertua. Dia hendak tegur sangat KSU dia, dia pun tidak berapa berani!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin, sambung kemudian. Boleh berehat dulu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sambung bila, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah 4.30 sekarang, boleh sambung esok?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Esok, Tuan Yang di-Pertua? Esok hari Jumaat, Tuan Yang di-Pertua!... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hari Isnin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hari Isnin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Perebakan Penyakit Kaki, Tangan dan Mulut (HFMD) di Sarawak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pukul 4.30 petang, dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan 18(1) telah dibenar dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbincangan usul itu seperti yang telah diputuskan tadi. Pihak pencadang diberikan masa 30 minit, dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, sila kemukakan usul.

4.31 ptg.

Tuan Chong Chian Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penyakit tangan, kaki dan mulut, HFMD yang dahsyat telah sekali lagi merebak di Sarawak. Setakat 14 Mac 2006, 4,573 kes telah dilaporkan di Sarawak di mana 7 orang kanak-kanak mati akibat jangkitan penyakit itu. Sibu mempunyai kes terbanyak yang dilaporkan iaitu 1,782 kes. Keduanya adalah di Bintulu, dengan 662 kes yang dilaporkan. Kuching ketiga, banyak kes-kes yang dilaporkan 577, Sarikei 343, Mukah 307.

Ibu-bapa, ibu-bapa di Sarawak yang mempunyai anak-anak yang kecil, berasa bimbang dan saya rasa kita semua harus merasa bimbang juga. Tiada ada apa-apa lagi yang menyedihkan lagi daripada melihat kanak-kanak daripada menderita kesusahan. Tidak dapat makan kerana ulser-ulser dalam mulut mereka yang merupakan salah satu simptom penyakit itu berada dalam keadaan yang tidak berupaya dan baring di atas katil. Dan senario yang paling teruk, mereka ini berada di dalam keadaan hampir mati akibat dijangkit penyakit itu.

Tiada apa lagi yang lebih menyakitkan hati para ibu bapa daripada kenyataan bahawa mereka tidak boleh membantu anak-anak mereka untuk mengurangkan kepahitan dan kesengsaraan yang dialami oleh anak-anak mereka. Itulah rintihan-rintihan dan perasaan daripada mereka yang telah mengalami pengalaman bahawa anak-anak mereka dijangkiti penyakit HFMD pada tahun 1997. *Strain EV seventy one*. Yang lebih umumnya dipanggil *Coxsackie virus* yang telah mengaut 30 nyawa kanak-kanak kecil di Sarawak.

Kini, Sarawak telah diserangi oleh penyakit ini lagi sejak Januari tahun ini. Tempat pertama yang mempunyai laporan jangkitan penyakit ini adalah Sibu. Saya begitu kesal untuk memaklumkan Dewan yang mulia bahawa Jabatan Kesihatan dan Hospital Sibu telah menyembunyikan wabak HFMD ini sehinggakan ianya didedahkan oleh Pengerusi DAP Sarawak pada 14 Februari 2006. Seawal sehingga ke pertengahan Januari, terdapat berita berkenaan dengan *outbreak* wabak virus ini, tetapi tidak dapat mengesahkan kerana hospital kelihatan cuba menutup berita ini.

Satu-satunya sumber maklumat adalah daripada klinik-klinik swasta yang mengesahkan kes-kes jangkitan penyakit ini. Pada 14 Februari 2006, Pengerusi DAP Sarawak mendedahkan berita itu kepada media. Ia telah menyebabkan reaksi serta-merta. Media-media tempatan telah berkonfrontasi dan mendesak Menteri-menteri negeri di Sibu untuk mendapatkan pengesahan tetapi menteri-menteri enggan memberi apa-apa jawapan.

Pada hari yang sama, Pengerusi DAP Sarawak juga menulis kepada Hospital Sibu untuk bertanya tentang penyakit itu. Beliau juga menelefon pegawai-pegawai perubatan yang bertugas. Beliau diberitahu bahawa setiap hari ada kanak-kanak yang mati kerana penyakit, tetapi tidak ada kes-kes yang *unusual* yang berkaitan dengan HFMD. Akhirnya, *outbreak* HFMD ini kemudiannya disahkan dan didedahkan kepada orang ramai oleh Kementerian Kesihatan pada 24 Februari 2006. Malangnya, apabila pengesahan dibuat oleh Kementerian Kesihatan ianya sudah sebulan penyakit ini telah merebak di Sibu.

Menurut kenyataan pengesahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Sarawak pada 24 Februari 2006, semenjak Januari 2006 telah wujudnya peningkatan kes-kes jangkitan HFMD. Dari 1 Januari 2006 hingga 23 Februari 2006, terdapat sejumlah 436 kes yang dilaporkan dari Sibu berbanding dengan 80 kes dalam tempoh masa yang sama dalam tahun 2005. 118 kes dilaporkan di Kuching, berbanding dengan 41 kes dalam tempoh masa yang sama dalam tahun 2005. Di Bintulu, sejumlah 211 kes jangkitan HFMD telah dilaporkan dari 1 Januari 2006 hingga 23 Februari 2006, manakala hanya 13 kes telah dilaporkan dalam tempoh masa yang sama dalam tahun 2005.

Kenapa fakta-fakta ini disembunyikan daripada para ibu-bapa pada mulanya? Jikalau fakta-fakta penyakit ini telah diumumkan, dan tindakan-tindakan awal diambil, maka angka-angka jangkitan penyakit ini dapat dikurangkan dan mungkin kematian 7 orang kanak-kanak itu boleh dielakkan.

Dalam tahun 1997, semasa *outbreak Coxsackie* tidak ada berita dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan juga pada mulanya. Hanya selepas pemimpin-pemimpin DAP mendedahkan berita itu di media, barulah ia menarik perhatian menteri Kesihatan pada masa itu. Selepas Menteri itu melawat Sibu, barulah dia mengesahkan bahawa ada *Coxsackie outbreak...*, di Sibu pada masa itu.

Kedua-dua kejadian yang berlaku dalam tahun 1997, dan pada tahun ini menunjukkan bahawa kerajaan mempunyai satu kecenderungan untuk menyembunyikan maklumat-maklumat yang penting daripada rakyat jelata. Ia juga menunjukkan bahawa tindak balas respons kerajaan terhadap perebakan penyakit ini adalah lambat. Dalam bahasa Inggeris, ada satu pepatah, "*one death is one death, too many*". Oleh itu, saya menyeru supaya kerajaan mempunyai itu *humanity* dan *humility* dan *dedication to be more proactive. Honest and do something more positive*. Di Sarawak, setiap orang ibu-bapa merasa bimbang mengenai kesihatan anak-anak mereka.

Tetapi pada 10 Mac 2006, Ketua Menteri Sarawak telah mengumumkan di surat khabar bahawa perebakan penyakit HFMD adalah terkawal. Adakah kenyataan ini benar? Dalam tempoh 24 jam sebelum tanggal 13 Mac 2006, terdapat 158 kes lagi yang disyaki telah terjangkit dengan HFMD yang dilaporkan. Dalam tempoh 24 jam sebelum tanggal 14 Mac 2006, terdapat 295 kes lagi yang disyaki terjangkit HFMD yang dilaporkan. Dan dalam

tempoh 24 jam sebelum tanggal 15 Mac 2006, terdapat 294 kes lagi yang disyaki terjangkit HFMD yang dilaporkan.

Adakah ini menunjukkan situasi yang telah dikawali? Penyakit ini sudah merebak di bandar-bandar di seluruh Sarawak dan nampaknya ia akan merebak ke luar bandar juga. Di Sarawak terdapat banyak rumah panjang di luar bandar di mana anak-anak Sarawak tinggal bersama-sama di bawah satu bumbung. Jika kita mendapati adalah sukar untuk mengekang perebakan penyakit ini di kawasan bandar, keadaannya akan lebih teruk sekiranya penyakit ini merebak di kawasan luar bandar.

Penyakit HFMD ini mula merebak di Sibu tetapi di antara 295 kes-kes yang baru, yang dilaporkan pada 14 hari bulan Mac 2006, 86 dilaporkan di Miri, 42 di Bintulu, 42 di Kuching, 40 di Mukah dan 39 di Sibu. Ia menunjukkan bahawa langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan negeri, tidak dapat mengawal perebakan penyakit ini dengan efektifnya. Apalagi yang boleh dibuat oleh kerajaan untuk mengawal perebakan penyakit ini. Adakah arahan menutup segala tadika, taska dan sebahagian sekolah rendah, satu-satunya tindakan yang dapat dibuat oleh kerajaan? Memandangkan bahawa kes-kes jangkitan penyakit ini masih meningkat dalam masa cuti sekolah dan tempoh arahan penutupan tadika dan taska, apakah langkah lain yang dapat kerajaan ambil untuk mengawal perebakan penyakit ini dengan lebih efektifnya? Ini adalah soalan di dalam hati setiap ibu bapa di Sarawak sekarang.

Di samping mengarahkan penutupan tadika-tadika dan taska-taska, adakah kerajaan akan mengarahkan segala taska dan tadika disanitasikan. Memandangkan kos *sanitation* amatlah tinggi, adakah kerajaan bersedia memberi bantuan kewangan kepada institusi-institusi ini. Kelmarin, kerajaan negeri telah mengumumkan bahawa segala kelas-kelas sekolah rendah darjah satu, dua, tiga tidak akan dibuka semula sehingga 26 hari bulan Mac 2006, tetapi adakah langkah ini mencukupi?

Walaupun kanak-kanak yang berumur lebih tinggi yang dalam darjah empat, darjah lima dan darjah enam bukanlah dalam golongan risiko tinggi kalau dijangkiti penyakit ini tetapi mereka akan menjadi pembawa penyakit HFMD tanpa menunjukkan apa-apa *symptom* yang dapat dikesan dan ada kemungkinan besar mereka akan menyebarkan penyakit ini kepada adik-adik mereka yang berada di rumah. Oleh itu terdapat seruan yang kuat dari ramai ibu bapa bahawa arahan penutupan sekolah itu juga dituju terhadap darjah empat, darjah lima dan darjah enam.

Dalam tahun 1997 kerajaan mengupah pakar-pakar dari *Atlanta, Center of Diseases Control* untuk mengawasi dan mengkaji penyakit ini di Sibu. Terdapatkah apa-apa hasil kajian yang boleh mengelakkan atau mengawal perebakan penyakit ini. Kenapa dalam tahun ini apabila bilangan kes-kes jangkitan yang dilaporkan melebihi bilangan kes yang dilaporkan dalam tahun 1997, kerajaan masih belum bertindak mengupah pakar-pakar ini? Adakah pakar-pakar tempatan berupaya mengawal perebakan penyakit ini?

Tuan Yang di-Pertua, perebakan penyakit HFMD bukanlah pertama kali berlaku di Sarawak. Dalam tahun 1997 sejumlah 2,628 kes jangkitan telah dilaporkan. Dalam tahun 2000, sejumlah 3,560 kes telah dilaporkan dan dalam tahun 2003, sejumlah 2,113 kes telah dilaporkan. Kini, sudah terdapat 4,867 kes dilaporkan walaupun kadar jangkitan nampaknya belum berkurangan. Menurut satu tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Sarawak, penyakit ini akan menyerang Sarawak sekali setiap tiga tahun. Dengan hasil tinjauan ini, kita tidak tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan sebelum *outbreak* penyakit ini berlaku sekali lagi?

Kita juga ingin tahu, adakah penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan selepas perebakan penyakit HFMD dalam tahun 1997? Jika ada, berapakah peruntukan yang telah disalurkan untuk penyelidikan-penyelidikan itu dan yang terpenting ialah apakah hasil dari penyelidikan-penyelidikan yang diadakan.

Rakyat Sarawak selalunya berasa telah dianaktirikan oleh Kerajaan Pusat walaupun dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau kerap kali menyebutkan hendak mengurangkan jurang perbezaan pembangunan di antara Semenanjung Malaysia ada Sabah dan Sarawak tetapi nampaknya ia hanyalah *paying lips service* sahaja khususnya di bidang kesihatan.

Dalam tahun lalu sahaja *measles* iaitu satu penyakit yang begitu biasa dan senang dielakkan, telah meragut nyawa 13 orang kanak-kanak dan seorang dewasa di Sarawak. Saya haraplah Kerajaan Pusat boleh memberi perhatian kepada Sabah dan Sarawak. Janganlah Kerajaan Pusat lupa bahawa kita Sarawak menyumbang lebih kurang 1/3 jumlah pendapatan minyak *oil revenue* seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ekonomi oleh sebab penutupan tadika-tadika dan taska-taska, para ibu bapa terpaksa mengupah *baby-sitter* di rumah untuk menjaga anak-anak mereka. Yuran tadika dan taska yang telah dibayar tidak dibayar balik. Ini telah membimbangkan para ibu bapa khususnya mereka dalam golongan pendapatan rendah.

Pendapatan ramai pengusaha tadika dan taska juga terjejas kerana penutupan tadika dan taska mereka. Oleh itu, saya menyeru kerajaan supaya memberi bantuan kewangan kepada pengusaha-pengusaha ini dan mengarah mereka membayar balik yuran yang telah dikutip daripada para ibu bapa sepanjang tempoh masa penutupan.

Perebakan penyakit ini memang merupakan suatu bencana. Jikalau kerajaan sanggup memberi bantuan kewangan kepada penternak-penternak ayam dan khinzir semasa perebakan *bird flu* dan *JE*, maka kerajaan seharusnya memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha tadika dan taska. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertu [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong.

4.48 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbincangan ini dengan hati sedih kerana setiap tiga tahun kita diserangi oleh wabak EV71. EV71 ini memang jangkitan '*resebar*' itu di manusia.

Saya setuju bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan sudah pun mengarah supaya 488 taska ditutup termasuk sesetengah sekolah rendah. Ini memang langkah yang betul dan juga disiarkan untuk menggalakkan langkah pembersihan, didikan dan menambahkan kakitangan kesihatan dan ini memang satu langkah yang perlu kita buat untuk mengurangkan *contact* pesakit dengan orang awam dan selain daripada langkah yang betul tadi saya nampak, kita tidak tahu punca EV71.

Kalau kita tidak tahu punca macam mana kita dapat mencegah, ini memang masalah dan hampir 10 tahun sejak tahun 1997 hampir 10 tahun dan soalan yang timbulnya mengapa penyelidikan sama ada di UNIMAS, UM dan juga di makmal-makmal yang lain kita mempunyai pakar. Memang mempunyai pakar untuk mendalami masalah EV71.

Tetapi mengapa 10 tahun berlalu kita tidak ada vaksin? Setakat mengasingkan dengan *contact* itu cara yang sementara tetapi cara untuk jangka panjang itu vaksin. Saya percaya kita di Malaysia mempunyai kepakaran untuk mewujudkan vaksin dan Yang Berhormat bagi Kuching tadi memang betul juga, mengapa pihak kerajaan mengabaikan dari segi penyelidikan dan juga mewujudkan vaksin yang dapat mencegah EV71 dan Sabah pun mesti berjaga-jaga kerana dekat sahaja dan khabarnya di Kedah pun ada sekarang, sama ada EV71 saya tidak tahu dan tidak lama lagi di Arau... [Disampuk]

Itulah kita berharap tidak ada di Kepong... [Ketawa] kita berharap, tetapi tidak boleh kita menjamin tidak ada kerana sekarang orang dari Semenanjung ke Sarawak ramai dan dari Sarawak ke Semenanjung pun ramai. Sekarang musim cuti sekolah, ibu bapa membawa kanak-kanak ke Semenanjung dan siapa yang menjaga? Pihak kementerian mestilah mengadakan strategi macam mana kita mengelakkan kanak-kanak yang ada sakit dibawa ke Semenanjung, memang satu perkara perlu kita buat tetapi yang penting sekiranya kita mesti mendalami sebab apa tiap-tiap tiga tahun berulang.

Adakah kerana ekosistem di Sarawak sudah rosak sama sekali? Walaupun Ketua Menteri bagi saya tahu, dia hantar DVD kepada saya untuk menunjukkan begitu peka kepada alam sekitar di Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak peka kepada alam sekitar. Saya pun ada tengok menyaksikan DVD begitu dahsyat. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan bersama-sama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mesti

mengkaji sama ada ekosistem di Sarawak sudah dirosakkan sama sekali sehingga timbul masalah.

Memang kita mesti mendalami hal ini yang pertama ekosistem, yang kedua sebab apa pakar-pakar kita tidak dapat mewujudkan vaksin? Sama ada di UNIMAS, MU ataupun di makmal-makmal yang lain. Adakah pakar-pakar yang benar-benar mempunyai kepakaran ini diasingkan ataupun dipendamkan ataupun dipecat kerana politik. Ini memang kita mesti mendalami. Saya berharaplah Timbalan Menteri yang seorang doktor faham masalah-masalah, dapat mengkaji bukan sahaja daripada EV71 bahkan kepada penyelidikan yang lain juga tetapi saya tumpu kepada EV71 ini.

Adakah pakar-pakar yang terlibat dengan EV71 dipecat atau ditukar ke tempat yang lain ataupun saya pun tidak tahu, tetapi saya ada kesangsian seperti Yang Berhormat bagi Kuching tadi ada kesangsian-kesangsian yang timbul kerana langkah-langkah yang tidak begitu teluslah kadangkala tetapi dari segi penyelidikan untuk vaksin EV71, saya memang mempunyai syak wasangka yang kita khuatir pihak kerajaan tidak begitu sensitif, tidak begitu berminat untuk menjaga pakar-pakar. Dan, di sinilah kita mesti menjaga sebab apa *strain EV71* dari Sarawak ini, sebab apa kita tidak tahu puncanya, 10 tahun berlalu tidak dapat punca lagi. Ini memanglah mustahil kita percaya dengan kepakaran yang kita ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Klinik Yang Berhormatlah buat kajian?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan klinik sahaja kita ada makmal. Makmal itu mempunyai alat-alat canggih yang secocok dengan dunia tetapi kalau kita tidak jaga pakar-pakar macam mana cucuk dengan dunia alat-alat pun tidak dapat wujudkan vaksin. 10 tahun tidak dapat hendak wujud saya pun pening kepala ini, memang pening kepala. Tuan Yang di-Pertua, masalah EV71 ini sama dengan dulunya sistem polio. Sama sahaja. Sebelum polio adakan vaksin kita memang mengalami polio pun antara virus juga tetapi polio lebih *figure oral* yang mana EV71 ini *oral to oral*, mulut ke mulut dengan sentuhan kahak ataupun air liur, EV71 ini lebih *oral to oral*.

Sebab apa sistem polio ini kita dapat wujudkan vaksin? Kalau itu kita boleh buat, mengapa EV71 kita tidak dapat buat? Ini memang satu perkara pihak kementerian mesti mendalami dengan sedalam-dalamnya untuk mengetahui jawapannya, dan ini merupakan satu kegagalan yang paling besar dalam usaha untuk menangani masalah jangkitan EV71 di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai UNIMAS dan juga makmal perubatan yang lain di Sarawak, dan saya pun tahu ada satu pakar ataupun lebih daripada satu di UNIMAS itu. Satu yang di mana..., kalau tidak silap saya, yang pakar di dalam bidang EV71. Takkan 10 tahun pun beliau tidak dapat penemuan yang cukup, yang berkesan untuk mewujudkan vaksin. Baik kita hantar Arau untuk menyiasat sebab apa berlaku kerana Arau ini dia asyik dengan pertanian, terutama di *North Carolina*... [Ketawa] Akan tetapi ingatlah ini bukan *North Carolina* ini Sarawak kita. Tuan Yang di-Pertua, masa sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ialah, kena gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hendak gulunglah saya hendak gulung sudah. Yang pertama, kita mesti mencari punca. Kalau hendak cari punca kita perlukan genetik *sequence*. Genetik *sequence* memang perlu untuk menganalisis virus ini dari mana? *Strain* Sarawak ini dari Semenanjung ataupun dari Sabah, kita mesti tahu, *genetic sequencing* ini. Walaupun kita mempunyai pakar yang dapat membuat *genetic sequencing* ini tetapi mengapa 10 tahun tidak dapat lagi, memang satu kelemahan yang besar, yang wujud di kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gombak, lepas itu Kota Melaka, lepas itu kementerian menjawab.

4.59 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya terlibat dalam perbincangan ini. Yang pertama biarlah saya menerangkan dengan lebih jelas kedudukan penyakit ini di Sarawak. Seperti mana kita tahu bahawa sehingga kini lebih daripada 4,500 kes dilaporkan di Sarawak dan bukan tujuh orang mati, sehingga kini lapan orang mati, ya lapan orang mati yang mana dua dari yang mati itu disebabkan oleh EV71. Bukan semua yang mati itu disebabkan oleh EV71. Sebenarnya dalam virus ini ada 67 *cerotype*, termasuklah *Coxsackie* dan sebagainya.

Jadi yang dua itu mati disebabkan oleh EV71, yang enam orang itu disebabkan oleh *sirotat-sirotat* yang lain. Jadi kita tahu bahawa tempat-tempat yang terlibat dengan teruk ialah Sibu, Bintulu, Kuching dan Sarikei mengikut *folder* ataupun susunan daripada bilangan-bilangan kes. Kita tahu tadi, bahawa penyebarannya bukan sahaja melalui air hingusan, tetapi juga melalui *oral focal* juga boleh berlaku sebab *entrovirus*. Ianya juga boleh berlaku penyebaran misalnya melalui alat permainan yang terkontaminasi dengan najis. Perebakannya juga boleh berlaku misal kata lampin yang tercemar dengan najis kalau tidak dibasuh dengan baik, *handling* nya tidak baik juga boleh merebakkan penyakit ini dan kita tahu bahawa yang terkena yang terinfeksi ialah kebanyakan kanak-kanak yang berumur kurang dari dua tahun.

Jadi kita lihat, penyakit ini yang punca sebenarnya adalah oleh kerana *personel hygiene* ataupun kebersihan diri yang kurang. Yang ini saya rasa perkara yang berkaitan dengan kebersihan harus banyak diberikan penekanan. Walau bagaimanapun, apabila mula berlaku peningkatan kes ini, saya mengamati bagaimana pengurusan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan mengendalikan kes ini saya dapati ada tuduhan-tuduhan ataupun yang dikatakan oleh sahabat daripada pembangkang tadi, ada yang tidak benar. Mungkin mereka tidak arif mentafsirkan apa yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan.

Saya lihat apabila mula berlaku kes dalam bulan Januari, telah dilakukan yang dipanggil sebagai ACD ataupun *Active Case Detection*. Maknanya, pegawai-pegawai daripada kementerian sendiri turun melihat mereka yang mempunyai gejala untuk dibawa ke hospital. Jadi saya rasa itu satu langkah yang baik, bukan sahaja mereka yang telah mempunyai gejala tetapi mereka secara aktifnya turun ke bawah melihat di tempat *locality* yang mana berlaku infeksi untuk mencari mereka yang mempunyai gejala.

Yang kedua, satu cara yang paling penting, memang itu adalah salah satu pencegahan yang baik, iaitu dengan menutup tempat-tempat di mana ada berlaku kes kerana kita tahu perebakannya sungguh mudah seperti mana yang dikatakan tadi sama ada melalui *oral focal* pun boleh, *being entrovirus* dan juga melalui air hingusan dan lampin yang tercemar. Kita tahu di taska, tadika inilah kalau tidak ada pengendalian kebersihan yang baik, memang mudah direbakkan.

Yang ketiga, kita juga melihat bahawa *isolated* kes yang begitu pantas yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan untuk memutuskan *the transmission of disease*. Jadi, kita dapati ini banyak perkara yang dibuat dan pendidikan kesihatan juga saya tengok begitu agresif sehingga saya difahamkan lebih kurang 42 kakitangan kesihatan daripada Semenanjung dihantar ke Sarawak untuk dimobilisasikan, untuk sama-sama memainkan peranan dalam langkah-langkah pencegahan.

Jadi saya lihat, tadi kita dengar pandangan daripada sahabat-sahabat Yang Berhormat daripada pembangkang, yang mengatakan soal vaksin dan sebagainya. Saya bersetuju vaksin itu memang penting tetapi, kalau kita lihat *the fatality case*, begitu rendah lebih dari 4500 yang terinfeksi tetapi lapan yang mati. Bukan makna kita mengabaikan yang mati. Maknanya kalau dilakukan langkah pencegahan yang begitu agresif, begitu kuat, begitu ketat, maka penyakit ini boleh dicegah, tidak payah lagi kita hendak cari vaksin contohnya. Kerana kita tahu bahawa untuk menghasilkan satu-satu vaksin, kerana saya secara pengalaman peribadi, terlibat secara terus dengan penyelidikan menghasilkan vaksin. Jadi kita dapati bahawa untuk menghasilkan salah satu vaksin, sekurang-kurangnya

mengambil masa 10 tahun dan dari segi penyelidikannya ianya memerlukan belanja sekurang-kurangnya USD200 milion.

Are we going to spend that money just untuk menghasilkan vaksin yang mana penyakit ini begitu mudah dicegah? Kalau misal kata kita tahu, penyakit ini berlaku pada bulan-bulan yang tertentu, melalui transmisi yang tertentu, maka kita boleh gunakan wang yang hampir RM1 bilion untuk program-program pencegahan. Saya rasa itu lebih bermanfaat dan kalau kita lihat, jika vaksin ini kita hasilkan dengan belanja yang begitu banyak, dengan penyakit yang boleh kita cegah dan hanya boleh digunakan oleh tempat-tempat yang tertentu dan tidak berlaku kepada dunia lain, ini adalah satu program yang saya rasakan tidak kos efektif. Jadi ini juga saya rasa harus dilihat bagaimana kita membelanjakan wang rakyat.

Selain itu, kalau kita lihat yang paling penting dalam hal ini ialah bagaimana kita mendapat kerjasama daripada orang ramai. Bagaimana kita semua, sama ada pegawai-pegawai kesihatan, pemimpin masyarakat, wakil rakyat meminta memohon kerjasama daripada mereka kawasan-kawasan yang terlibat. Kita dapati misal contohnya, ada mereka yang anak mereka mempunyai *symptom* ataupun gejala tersebut, masih membawa anak mereka ke tempat khalayak ramai seperti di *supermarket* atau di tempat di mana ada orang ramai. Ini cara yang mana perebakan penyakit itu boleh berlaku. Ini yang menyebabkan bahawa infeksi itu sehingga ke sekarang masih lagi belum diputuskan, masih lagi belum kita dapat habiskan oleh kerana misal contohnya ada tadika-tadika ataupun taska yang sepatutnya harus menutup dalam masa sekurang-kurangnya dua inkubasi ataupun dua masa pengeraman daripada kes yang terakhir tetapi ada juga pengendali-pengendali taska ataupun tadika tidak mengikut peraturan ini. Jadi, dengan cara ini sukar untuk sesuatu infeksi itu dapat diputuskan.

Saya juga berharap agar Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawainya melalui kuasa yang diberikan, melalui Akta Penyakit Berjangkit lebih tegas. Contohnya, misal kata kalau ada pengamal perubatan yang melihat kes-kes yang mempunyai gejala penyakit ini, yang tidak melaporkan atau tidak membuat notifikasi. Ini yang saya tengok mungkin ada kurang sedikit ketegasannya. Jadi akta yang telah diberi melalui Akta Penyakit Berjangkit harus digunakan dengan tegas oleh pengamal-pengamal perubatan dan juga kita berharap bahawa pengamal-pengamal perubatan ini memang peka tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pencegahan.

Kita tahu bahawa penyakit ini disebabkan oleh virus. Penyakit disebabkan oleh virus tidak ada *curative therapy* cuma yang perlu kita buat ialah, langkah-langkah pencegahan yang lebih ketat. Saya bersetuju dengan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong bahawa kita harus juga perkasakan pakar-pakar perubatan terutama pakar-pakar perubatan kesihatan awam ini yang mana dalam hal-hal yang demikian, penyakit-penyakit yang tidak ada perawatan khusus yang mana untuk mencegahnya ialah dengan cara pencegahan yang baik melalui program pencegahan yang baik untuk terus kita perkasakan mereka.

Justeru itu, kita tahu bahawa sehingga kini pegawai-pegawai pakar perubatan kesihatan awam memohon elaun yang sama taraf dengan pakar-pakar klinikal dan perjuangan mereka belum berjaya sehingga kini. Mungkin peranan mereka itu tidak nampak oleh Kementerian Kesihatan ataupun oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, bagaimana peranan yang mana boleh dimainkan itu dalam mencegah penyakit-penyakit yang penting ini.

Jadi apa yang ingin saya simpulkan yang penting ialah untuk penyakit ini dapat diputuskan, infeksi ini dapat diputuskan transmisinya memerlukan komitmen yang begitu padu daripada Kementerian Kesihatan dan juga memerlukan komitmen yang begitu padu daripada rakyat setempat, melalui pemimpin-pemimpin mereka termasuk wakil rakyat di dalam memberitahu tentang penyakit ini di dalam mengikut segala apa aturan pencegahan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan. Jadi, saya harap dengan ada ketegasan ini, dengan ada langkah pencegahan yang begitu rapi, penyakit ini dapat diputuskan dan kita tahu sehingga kini penyakit itu masih lagi menular di Sarawak. Itulah harapan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. 10 minit Yang Berhormat boleh?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih, ya boleh. Kurang daripada 10 minit.

5.09 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mendengar kandungan perbincangan beberapa orang Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua saya rasa wujudnya hanya satu *point* sahaja yang ingin saya kemukakan kepada kementerian iaitu semenjak wabak ini berlaku, dia bermula dalam bulan Januari tahun ini, mengapakah wujudnya 4,827 kes? Ini adalah satu angka yang saya perolehi daripada surat khabar pada hari ini iaitu wujudnya 4,827 kes wabak penyakit tangan, kaki dan mulut dan juga melibatkan kematian lapan orang. Jadi soalnya daripada seluruh warga negara kita, iaitu mengapa wujudnya 4827 kes dan juga lapan kematian.

Adakah kita bertindak terlalu lewat? Dan kita ingin apakah *response team* daripada kementerian yang menyebabkan nampaknya wabak ini ia sebenarnya di luar kawalan yang kita jangkakan. Mula-mula kita ingatkan ia di dalam kawalan tetapi dengan merujuk kepada *facts and figures*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya wabak ini sebenarnya di luar kawalan. Jadi kita cuma hendak tahu apakah kronologi peristiwa apabila bermulanya wabak ini di dalam negara kita? Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian dalam menangani masalah wabak ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga bahawa wabak penyakit tangan, kaki dan mulut ini, ia sebenarnya berpunca daripada *Enterovirus 71* yang dikatakan dan juga mungkin oleh *Coxsackie A16* dan juga mungkin disebabkan oleh *enterovirus-enterovirus* yang lain dalam keluarga *enterovirus* itu. Dan saya rasa satu cara disebabkan oleh *enterovirus* dan juga *Coxsackie virus* ini, mungkin satu cara yang terbaik sekali ialah dari segi pencegahan.

Saya pohonlah supaya kita dapat menggunakan kuasa media juga kerana seperti kata orang Britain, "*Sometimes you are being killed not by the disease but by the ignorance of yourself.*" Jadi saya rasa mungkin kesedaran di kalangan warga kita haruslah kita pupuk kerana kesedaran ini adalah sungguh penting kerana saya rasa ramai lagi ibu bapa-ibu bapa dalam negara kita yang masih tidak tahu lagi bahawa mungkin wujudnya simptom-simptom bagi wabak HFMD iaitu mungkin simptom-simptom yang melibatkan anak-anak mereka yang terutama sekali di bawah umur 10 tahun iaitu mungkin demam untuk dua, tiga hari ataupun sakit kerongkong, selesema ataupun mempunyai *rashes* atas tangan ataupun kaki dan juga kadangkala di buntut, juga ulser di mulut, hilang selera, muntah-muntah dan cirit-birit.

Saya rasa pengiklanan sebegini menerusi media ini haruslah kita sebarkan kepada warga kita seberapa meluas yang boleh. Mungkin juga ada warga kita yang menyorkan jika kita menggunakan kuasa media, ia akan menakutkan pelancong-pelancong asing tetapi saya rasa ini tidak akan berlaku, kerana kita haruslah menangani masalah ini dengan penuh ketelusan dan juga atas isu kesihatan warga-warga kita, saya percaya bahawa kita tidak akan bertolak ansur atas isu kesihatan warga kita walaupun kadangkala ia akan membawa kesan-kesan negatif ataupun berita-berita negatif ke atas sektor pelancongan tetapi saya rasa ini adalah satu isu iaitu kesihatan warga kita yang tidak seharusnya kita bertolak ansur. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila kemukakan jawapan.

5.13 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat yang mengutarakan perkara-perkara yang saya kira relevan dan tepat iaitu Yang Berhormat bagi Bandar Kuching yang membawa usul, Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Gombak dan juga Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terutama kepada Yang Berhormat bagi Gombak yang membuatkan kerja saya lebih mudah. Kadang-kadang sepatutnya dia duduk di sini... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, di abad 21 ini sebenarnya cabaran manusia, *survival treat* pada manusia sejagat khususnya dalam bidang kesihatan adalah kepada dua perkara. Satu kepada cabaran kepada jangkitan terutamanya virus dan juga cabaran kepada penyakit kanser. Kedua-dua perkara tersebut, jangkitan khususnya dalam bentuk virus mahupun kanser adalah berkait rapat dengan cara hidup kita.

Wabak penyakit tangan, kuku dan mulut yang melanda dan menyerang Sarawak adalah sebahagian daripada fenomena ini. Tahun lepas kita berhadapan dengan denggi. Kita masih lagi dikekangi dengan H5N1. Jadi sekurang-kurangnya penerangan daripada Kementerian boleh memberi satu *overview* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita tidak boleh lari daripada cabaran-cabaran ini dalam menangani isu-isu kesihatan dan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit HFMD ini memang boleh menjangkiti semua peringkat umur tetapi ia *dominantly* kepada kanak-kanak yang kurang daripada umur 10 tahun, terutama mereka yang tinggal di lokasi dan premis yang ramai seperti di taska, tadika dan prasekolah. Kumpulan ini juga dikatakan kurang imuniti terhadap *enterovirus* seperti yang dikatakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Gombak, ada banyak *enterovirus*, ada 68 hingga 71 dan dia ada *serotype*.

Dan saya dimaklumkan oleh penyelidik-penyelidik kita bahawa wabak yang menyerang Sarawak sekarang ini daripada EV71 tetapi dia punya *strain* adalah B5 berbanding dengan tahun 1997, EV71 tetapi *strainnya* adalah B2. Mungkin oleh kerana *strains* yang cepat bertukar dan virus ini mempunyai tabiat yang lebih kurang sama dengan H5N1, tabiat yang sama dengan denggi..., macam denggi, ia ada Denggi 1, Denggi 2, Denggi 3 dan Denggi 4. Ini yang membuatkan evolusi untuk mewujudkan vaksin yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong itu mungkin tidak menjadi realiti dan tidak *cost effective* seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak.

Saya ingin terangkan situasi terkini sehingga semalam terdapat 41,994 kes dilaporkan dan semalam sahaja 167 kes dikesan. Pagi ini kita amat dukacita kerana ada satu kematian kanak-kanak yang dilaporkan di Hospital Kapit. Jadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak iaitu 8 orang memang betul sejak Disember 2005. Sehingga 15 Mac sebanyak 1,651 taska, tadika, prasekolah dan sekolah rendah telah ditutup di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan penutupan *voluntarily*.

Memandangkan kes ini masih tinggi, Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. George Tan telah mengumumkan cuti sekolah bagi Tahun 1, 2 dan 3 di negeri Sarawak dilanjutkan selama seminggu lagi sehingga 26 Mac. Pengumuman tersebut dibuat pada hari semalam iaitu 15 Mac. Punca sebenar penyakit tersebut berlaku sekarang di Sarawak ini masih belum di kenal pasti dan memerlukan kajian terperinci kerana hendak ambil darah dan keputusan *serology* mengenai *strains* ini dia mengambil masa, ada *standard operating procedure* antara satu hingga dua bulan. Jadi pesakit sudah baik, sudah balik rumah, baru kita dapat tahu keputusan terperinci.

Walau bagaimanapun aktiviti-aktiviti telah pun kita jalankan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak, kita buat *active case detection* atau ACD, kita tidak tunggu orang datang ke klinik. Kita pergi sendiri ke tempat-tempat yang kita *suspect* menjadi punca kepada jangkitan tersebut.

Walau bagaimanapun tidak cukup itu, di ibu pejabat Kementerian Kesihatan kita telah membuka bilik gerakan untuk mengambil tindakan yang perlu, mengeluarkan surat *alert* kepada semua negeri dan makmal, meningkatkan pemantauan penyakit *hand, foot and mouth disease* di negeri-negeri lain. Ini termasuk kita hantar pegawai 42 orang pegawai pakar ke Sarawak. Jikalau Yang Berhormat bagi Kuching kata dianaktirikan itu tidak betul Yang Berhormat. Jumlah kes tersebut masih tinggi kerana saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Gombak, *public awareness* masih rendah.

Kalau ikut mana-mana jurnal pun, sebenarnya penyakit ini mudah sangat kita elakkan dengan hanya mengamalkan amalan-amalan kesihatan diri yang betul seperti

membasuh tangan, dan tidak sentuh kalau ada orang kena itu cepat-cepat kita elakkan *the contact* kerana Yang Berhormat bagi Kepong kata *infection* dia *the constringes period* sebenarnya beberapa hari sebelum simptom atau gejala itu wujud pada diri pesakit umpamanya bermula dengan demam-demam yang tidak tinggi. Tuan Yang di-Pertua dalam pada itu kita juga terus menjalankan langkah-langkah kawalan dan pencegahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong hendak tanya Yang Berhormat, Puchong sila.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, di sini saya hendak tanya satu soalan yang asas iaitu sekarang ini kita tidak tahu punca dari mana dan saya juga baca surat khabar bahawa Kementerian telah lantik yang James Carosa, adalah membelanjakan RM1 juta kalau tidak silap saya RM1 juta *government* cari puncanya..

Akan tetapi di Sarawak, kawasannya luas, dan kalau tidak silap saya tumpuan sekarang ini Datuk ke Sungai Rejang punca saya difahamkan itu, tetapi ini berlaku di Sib, di tempat-tempat lain yang mana kawasan dia luas. Walaupun kita gunakan media dan sebagainya, mungkin itu informasi atau tidak sampai ke kawasan luar bandar. So kalau ini berlaku atau kalau ini berlarutan apakah langkah-langkah *comprehensive* atau orang kata apa *contagious* plan untuk mencegah penyakit ini supaya dapat sekurang-kurangnya dapat mengawal dalam masa terdekat ini. Apakah pandangan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad [Mersing]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong, saya kena terangkan penyakit HFMD ini adalah endemik, di Malaysia dia endemik, tiap-tiap bulan ada tetapi tidak sampai ke tahap yang membimbangkan dan majoriti kes-kes mungkin dia tidak datang ke hospital atau mungkin dia masuk ke hospital dan tidak ada *specific treatment* yang kita bagi. Biasanya dia akan pulih sedia kala dalam masa tujuh ke sepuluh hari. Cuma oleh kerana *enterovirus* ini satu kumpulan virus yang boleh berubah-ubah entiti dan genetik mereka. Maka tahap pengesanan itu amat sukar. Memang betul Dr. James Carosa memang pakar dalam hal ini dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong dengan Yang Berhormat bagi Gombak, kita sebenarnya tidak perlu ambil pakar lain dari luar negara.

Kita sudah ada kepakaran cuma oleh sebab entiti *enterovirus* ini membuat kita sukar hendak tangani isu tersebut. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan Yang Berhormat bagi Gombak tadi, cara yang paling mudah mengelakkan perkara-perkara ini berlaku adalah dengan mengetahui tabiat dan tabii *enterovirus* itu sendiri dan cara bagaimana kita boleh dapat elakkan dengan amalan kesihatan diri yang tinggi.

Akhir....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong hendak bagi jalan

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Penjelasan, saya percaya dan kita mesti mengkaji dengan lebih teliti EV71 bukan seperti denggi empat-empat *types*, ya empat jenis tetapi di sini walaupun disebutkan B5 dan B2 dan sebagainya. Kita belum tetap lagi sama ada ini dia punya penukaran corak dia itu begitu pesat ataupun seperti F5N1 macam itu. Bagi saya kita bukan itu mengendali virus seperti F5N1 ataupun denggi. EV71 berlainan dan saya berharap Yang Berhormat dapatlah maklumat yang lebih lanjut untuk diumumkan di dalam Dewan ini kerana kalau tidak ini memang mengelirukan, memang mengelirukan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad [Mersing]: Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong, tapi dalam dunia Tuan Yang di-Pertua, kepakaran untuk genetik *sequencing* ini hanya ada enam negara yang mempunyai kepakaran tersebut. Enam negara dan semua enam negara ini adalah negara yang mempunyai kuasa *veto* dalam *United Nations*. Kebetulan saya sempat melawat minggu lepas ke Beijing dan salah satu negara yang mempunyai kepakaran dalam *genetic genomic engineering* adalah dari negara China. Nama dia Profesor Jun Yu, dia pakar dalam hal-hal ini, jadi mungkin *smart partnership* di antara IMR dengan rakan-rakan ini boleh membantu kita.

Kedua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun telah membuat arahan dalam Kabinet supaya Malaysia menumpukan lebih kepada *Disease Control Center* supaya kita

punya *Disease Control Center* ini lebih canggih, lebih pakar yang kita bina dari sudut *human capacity* dan juga mempunyai peralatan-peralatan canggih untuk mengenal pasti *threat* ataupun ancaman jangkitan penyakit terutamanya virus *infection*. Jadi cadangan Yang Berhormat bagi kepong itu saya akan ambil kira, jika kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat dilanda wabak ini, saya sarankan cara-cara dan pencegahan yang dikeluarkan oleh kementerian dapat Yang Berhormat panjangkan kepada kawasan Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Belum habis, satu soalan sahaja, dua soalan. Nampaknya tidak apa-apa dapat dibuat oleh kerajaan untuk mengawal perebakan penyakit itu. Tiada *solution-solution* yang konkrit telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itulah pandangan saya selepas dengar ucapan Timbalan Menteri.

Kedua adalah mengenai bantuan kewangan kepada pengusaha tadika dan taska yang telah diarahkan menutupkan tadika-tadika, taska-taska mereka. Apakah pendirian Yang Berhormat Timbalan Menteri atas seruan ini. Dan seruan kedua adalah mengenai menutupkan sekolah rendah Darjah 4,5 dan 6 supaya perebakan penyakit ini dapat dikawal kerana mereka juga walaupun mereka bukan dalam golongan risiko tinggi, mereka boleh merupakan *career of the disease*. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad [Mersing]: Buat masa ini, benda ini polemik Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu kalau dia biasa kurang daripada sepuluh tahun. Jadi kalau kita lakukan penekanan ini mereka yang lebih daripada sepuluh tahun nampak macam kita tidak menggunakan maklumat yang sedia ada untuk kepentingan dan kesejahteraan kanak-kanak tersebut. Jelaslah Yang Berhormat bagi Kuching tidak dengar apa yang saya cakap. Sebenarnya langkah-langkah ini kalau saya baca semua jadi satu jam, sebab itu saya pendekkan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bantuan kewangan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad [Mersing]: Bantuan Kewangan itu kalau kita hendak bagi bukan kerana saranan daripada Yang Berhormat bagi Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup dalam perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan oleh yang demikian saya tutup perbincangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan mesyuarat hari ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi pada hari Isnin 20 Mac depan. Dewan ditangguh.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.